

**POLISI UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) ACEH, INDONESIA:
KAJIAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

ANIS KURLILLAH

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**POLISI UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) ACEH,
INDONESIA: KAJIAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI
ISLAM**

ANIS KURLILLAH

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**POLISI UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) ACEH,
INDONESIA: KAJIAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI
ISLAM**

ANIS KURLILLAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA BERKURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Buruh adalah faktor penting dalam proses pengeluaran barang mahupun perkhidmatan. Namun walaupun ianya pada posisi faktor pengeluaran, namun tenaga buruh adalah sumber semulajadi milik manusia. Oleh demikian, buruh tidak boleh dianggap hamba bagi manusia lain ataupun hamba bagi syarikat. Ianya mempunyai hak dan kewajipan yang harus dihormati oleh majikan. Salah satu hak yang harus diperoleh buruh adalah hak untuk mendapatkan upah yang layak, yang boleh memenuhi keperluan hidup diri dan keluarganya. Untuk menjamin keadilan upah antara buruh dan syarikat di Aceh, Indonesia kerajaan Aceh menetapkan Upah Minimum Provinsi (UMP). Penetapan upah minimum ini dikuatkuasakan setahun sekali. Ianya ditetapkan melalui tingkat keperluan asas yang diperoleh melalui survei. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti konsep buruh dan upah dalam ekonomi Islam, untuk menganalisis mekanisme penetapan UMP di Aceh, dan untuk menganalisis apakah UMP di Aceh telah sesuai dengan konsep upah dalam ekonomi Islam. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah data kualitatif. Teknik pengumpulan data adalah melalui kajian perpustakaan dan temu bual. Dapatan kajian ini menunjukkan konsep buruh dalam Islam ditempatkan sederajat dengan majikan. Ianya harus dihormati sebagai saudara sesama muslim sehingga hak dan kewajipannya harus ditunaikan dengan sebaiknya. Mekanisme penetapan UMP dilakukan oleh kerajaan Aceh melalui mesyuarat antara pihak kerajaan, syarikat, perwakilan buruh serta para ahli ekonomi. Secara umumnya, konsep dan pelaksanaan kadar upah minimum yang ditetapkan oleh pemerintah Aceh belum sesuai dengan konsep upah dan keadilan dalam melindungi hak-hak buruh menurut ekonomi Islam.

ABSTRACT

Labor is an important factor in the production of goods or services. Thus, even if it is in a position of factor production, it has also been viewed as human dimensions of natural resources. Therefore, labors should not be considered as a servant or even a slave to another man for reputable. They have rights and obligations that must be honored by the hired party. One of the rights that should be acquired by labor is the right to have decent wages, which can meet the needs of himself and his household. To guarantee the fairness between labor wages and companies in Aceh, the Indonesian government set Aceh Province Minimum Wage (UMP). This minimum wage is applied annually. It is fixed by level policy requirements determined by the survey. The objective of this study is to identify the concept of labor and wages in Islamic economics, analyzing analyze the mechanism for setting the UMP in Aceh and analyzing whether the setting of the UMP in Aceh accordance with Islamic economic perspective. The data collection is conducted qualitatively. The data is collected through literature review and interviews. The findings of this study are the concept of the place of labor in Islam which equals to the employer, it should be respected as fellow Muslims that the rights and obligations should be fulfilled accordingly. The mechanism of UMP setting undertaken by the government of Aceh through a meeting between the government, companies, labor representatives and economists. Conceptually the implementation of a minimum wage set by the government of Aceh has not been in accordance with the concept of justice in the protection of wages and labor rights according to Islamic economics.

.

.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, penulis ucapkan ke hadirat Allah SWT kerana hanya atas hidayah-Nya penyusunan Disertasi ini telah dapat diselesaikan, dan tak lupa pula selawat beriringan salam kepada Nabi Besar Muhammad SAW yang telah menghantar manusia dari alam kegelapan ke alam yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Disertasi dengan tajuk *“Polisi Upah Minimum Provinsi (Ump) Aceh, Indonesia: Kajian dari Perspektif Ekonomi Islam”* penulis sediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Syariah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Kelancaran penulisan disertasi ini tidak terlepas daripada bimbingan para pensyarah dan bantuan dari pelbagai pihak. Untuk itu, penulis tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada:

1. Dr. Asmak Ab Rahman, sebagai penyelia Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
2. Para pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi APIUM, atas kursus dan bimbingan yang diberikan serta kepada staf pentadbiran JSE APIUM.
3. Ayahanda dan Ibunda, semoga Allah SWT selalu melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya, Amin Yarabal’alamin.
4. Rakan-rakan mahasiswa Jabatan Syariah dan Ekonomi APIUM sesi 2011-2012, atas sokongan dan kritikan dalam penyusunan disertasi ini.
5. Semua pihak yang tidak dapat penulis senaraikan satu-persatu, yang telah banyak membantu penulis dalam menyelesaikan tugas ini hingga selesai.

Penulis sadar bahawa disertasi ini masih banyak terdapat pelbagai kekurangan, untuk itu saranan dan kritikan yang konstruktif sangat penulis harapkan untuk kesempurnaannya. Semoga disertasi ini dapat memberi manfaat bagi penulis sendiri dan bagi semua pihak.

Kuala Lumpur, 5 Mei 2014

ANIS KURLILLAH

Email: cadek8e@gmail.com

E-14-12 Perumahan Pantai Permai

Jalan Pantai Dalam 59200

Kuala Lumpur

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	
ABSTRAK	
ABSTRACT	
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xv
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	2
1.3. Permasalahan Kajian	13
1.4. Persoalan Kajian	15
1.5. Objektif Kajian	15
1.6. Kepentingan Kajian	15
1.7. Skop Kajian	16
1.8. Kajian Lepas	17
1.9. Metodologi Kajian	28
1.10. Metode Penganalisan Data	31
1.11. Pecahan Bab	32
1.12. Kesimpulan	34

BAB DUA : BURUH DAN UPAH DALAM EKONOMI ISLAM

2.1. Pengenalan	36
2.2. Buruh dalam Ekonomi Islam	37
2.2.1. Pengertian dan Konsep Buruh dalam Ekonomi Islam	38
2.2.2. Peranan Buruh dalam Ekonomi Islam	42
2.3. Hak dan Kewajiban antara Buruh dan Syarikat	45
2.3.1. Hak dan Kewajiban Buruh	45
2.3.1.1. Kewajiban Buruh	45
2.3.1.2. Hak-hak Buruh	46
2.3.2. Hak dan Kewajiban Syarikat	49
2.3.2.1. Kewajiban Syarikat	49
2.3.2.2. Hak-hak Syarikat	52
2.4. Penawaran Buruh	53
2.5. Konsep Upah dalam Ekonomi Islam	57
2.5.1. Pengertian Upah	57
2.5.2. Pendekatan Upah dalam Ekonomi Islam	59
2.5.2.1. Kriteria Penetapan Kadar Upah	60
2.5.2.1.1. Berdasarkan Prinsip Persamaan	61
2.5.2.1.2. Berdasarkan Prinsip Keadilan	62
2.5.2.1.3. Penetapan Kadar Upah Minimum	63
2.5.2.1.4. Penetapan Kadar Upah Maksimum	65
2.5.2.1.5. Penetapan berdasarkan Permintaan dan Penawaran	66
2.5.2.2. Cara Pembayaran Upah Buruh	68
2.6. Pemerintah dan Ekonomi Islam	69
2.6.1. Pemerintah Menurut Islam	69
2.6.2. Negara Sebagai Penjamin Kebajikan	71

2.7. Kesimpulan	73
-----------------	----

BAB TIGA: MEKANISME PENETAPAN UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) DI ACEH, INDONESIA

3.1. Pengenalan	75
3.2. Sejarah dan Perkembangan UMP di Indonesia	76
3.2.1. Upah Minimum Tahun 1969 sampai dengan Tahun 1995	77
3.2.2. Upah Minimum Tahun 1996 sampai dengan Tahun 2005	80
3.2.3. Upah Minimum Tahun 2006 sampai dengan Sekarang	82
3.3. Profil Provinsi Aceh, Indonesia	87
3.4. Tingkat Kemiskinan Masyarakat Aceh	89
3.5. Pasar Kerja Provinsi Aceh	101
3.6. Prosedur dan Mekanisme Penetapan UMP oleh Kerajaan Aceh	106
3.7. Implementasi Penetapan UMP di Aceh	112
3.8. Kesimpulan	114

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN: POLISI PENETAPAN UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) ACEH MENURUT EKONOMI ISLAM

4.1. Pengenalan	117
4.2. Analisis Terhadap Pelaksanaan dan Prosedur Sistem Penetapan Upah Minimum Provinsi Aceh menurut Ekonomi Islam	119
4.2.1. Analisis Proses Penetapan UMP Berdasarkan Nilai KHL	123
4.2.1.1. Proses Penetapan Komponen Keperluan Hidup Layak	123
4.2.1.2. Penentuan Nilai KHL Berlandaskan Keperluan Kehidupan Buruh Bujang	128
4.2.1.3. Tinjauan Proses Penetapan Nilai KHL Provinsi	131
4.2.1.4. Kadar UMP di Bawah Nilai KHL	138
4.2.2. Pelaksanaan dan Pengawasan UMP di Lapangan	141
4.3. Analisis Peranan dan Fungsi Kerajaan Aceh dalam melindungi Hak-hak Buruh di Aceh	153

4.4. Tinjauan Ekonomi Islam Terhadap Penetapan UMP sebagai Solusi dalam Meningkatkan Kesejahteraan Ekonomi Buruh di Aceh	156
4.5. Analisis Kebijakan UMP Aceh Terhadap Konsep Upah dalam Ekonomi Islam	160
4.6. Analisis Keberkesanan Penetapan Upah Minimum dalam Meningkatkan Kesejahteraan Buruh di Aceh	167
4.7. Kesimpulan	171

BAB LIMA: PENUTUP

5.1. Kesimpulan	174
5.2. Saranan dan Cadangan	176

BIBLIOGRAFI	179
--------------------	------------

LAMPIRAN-LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 Kadar UMP Aceh dari Tahun 2009-2013
- Jadual 1.2 Garis Kemiskinan, Jumlah, dan Peratus Penduduk Miskin September 2012
- Jadual 1.3 Rujukan Kajian Pustaka
- Jadual 1.4 Senarai Responden yang ditemubual
- Jadual 3.1 Perkembangan dan Perubahan Peraturan Buruh Di Indonesia dari Tahun 1970 Hingga Sekarang
- Jadual 3.2 Jumlah dan peratus Penduduk Miskin Menurut Pulau, March 2013
- Jadual 3.3 Jumlah dan peratus Penduduk Miskin Menurut Provinsi di Indoneisa, September 2012
- Jadual 3.4 Garis Kemiskinan, Jumlah dan Peratus Penduduk Miskin di Provinsi Aceh Menurut Daerah, March 2012 – September 2012
- Jadual 3.5 Peranan Komoditi Terhadap Garis Kemiskinan di Provinsi Aceh, September 2012
- Jadual 3.6 Indeks Tingkat Kemiskinan (P1) dan Indeks Keterukan Kemiskinan (P2) di Provinsi Aceh Menurut Daerah, March 2012 hingga September 2012
- Jadual 4.1 Nilai KHL Tingkat Kabupaten di Aceh Tahun 2011
- Jadual 4.2 Kadar UMP Aceh dari Tahun 2009-2013
- Jadual 4.3 Kadar UMP dan KHL Provinsi Aceh dari Tahun 2005 hingga 2013
- Jadual 4.4 Persepsi Responden Terhadap Polisi UMP

SENARAI RAJAH

- Rajah 4.1 Tingkat Pengangguran di Aceh dan Indonesia
- Rajah 4.2 Kadar Upah Mengikut Permintaan Pasar Buruh
- Rajah 4.3 Penentuan Kadar Upah Mengikut Penawaran Buruh
- Rajah 4.4 Peratus Penduduk Miskin di Indonesia dan Aceh Tahun 2005
Hingga 2012

SENARAI KEPENDEKAN

APINDO	: Asosiasi Pengusaha Indonesia
BPS	: Badan Pusat Statistik
DPPN	: Dewan Penelitian Pengupahan Nasional
DPPD	: Dewan Penelitian Pengupahan Daerah
GK	: Garis Kemiskinan
GKM	: Garis Kemiskinan Makanan
GKBM	: Garis Kemiskinan Bukan Makanan
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
ILO	: International Labour Organisation
IHK	: Indeks Harga Konsumen/Pengguna
KHL	: Keperluan Hidup Layak
KFM	: Keperluan Fizik Minimum
KHM	: Keperluan Hidup Minimum
MPU	: Majelis Permusyawaratan Ulama
PP	: Peraturan Perusahaan atau Peraturan Syarikat
PKB	: Perjanjian Kerja Bersama
SK	: Surat Kerja
SAW	: Salallahu alaihi wasalam
SB	: Syarikat Buruh atau Organisasi Buruh
TPT	: Tingkat Pengangguran Terbuka
UMP	: Upah Minimum Provinsi
UMK	: Upah Minimum Kabupaten
UMR	: Upah Minimum Regional
UUD	: Undang-undang Dasar

SENARAI TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	a, ' (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	S
ظ	

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ط	T
ظ	D
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	H

B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َ (Fathah)	A	قَنَّتَ	Qanata
ِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	Salima
ُ (Dammah)	U	جُعِلَ	ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	A	كُبْرَى / بَابٌ	bab / kubra
ي	I	وَكَيْلٌ	Wakil
و	U	سُورَةٌ	Surah

C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وَ	Aw	قَوْلٌ	Qawl
يَ	Ay	خَيْرٌ	Khayr
وَّ	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
يَّ	iy/i	عَرَبِيٌّ	'Arabiy/i

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Buruh atau pekerja adalah setiap orang yang bekerja untuk orang lain yang lazimnya dibayar gaji atau upah atas pekerjaan yang telah dilakukan. Dalam Undang-undang Republik Indonesia Nombor 14 Tahun 1969 Tentang Ketentuan Pokok Tenaga Kerja, buruh atau tenaga kerja diertikan sebagai tiap-tiap orang yang mampu melakukan pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar hubungan kerja untuk menghasilkan perkhidmatan atau barang untuk memenuhi keperluan masyarakat.¹ Konsep buruh dalam ekonomi berbeza dengan pengertian lazim iaitu, buruh adalah tenaga atau keupayaan fizikal dan mental manusia yang boleh menyumbang kepada proses pengeluaran atau perkhidmatan.²

Peranan buruh dalam pengeluaran sangat diperlukan. Tanpa buruh pengeluaran akan mengalami masalah bahkan boleh terjadi terhentinya pengeluaran suatu barang, yang akan berakibat buruk terhadap perekonomian masyarakat. Tenaga buruh menjadi sumber pengeluaran suatu barang, sehingga keterkaitan di antara buruh dengan sebuah barang pengeluaran tidak boleh dipisahkan. Ekonomi akan berkembang bila tenaga buruh dapat dieksploitasi dengan baik. Tenaga buruh yang produktif akan menghasilkan pengeluaran yang akan memenuhi keperluan pengguna serta akan meningkatkan pendapatan negara.

Atas perkhidmatan dan tenaganya dalam proses pengeluaran, maka ganjaran yang diperolehi oleh buruh adalah berupa upah atau gaji yang diperolehi dalam bentuk wang, barang-barang atau sebagainya. Bagi majoriti penduduk miskin pada umumnya bekerja sebagai buruh, upah merupakan sumber utama pendapatan mereka, dari upah ini juga

¹Undang-undang Republik Indonesia Nombor 14 Tahun 1969 *Tentang Ketentuan Pokok Tenaga Kerja*, Pasal 1

²Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail, "Tenaga Buruh dan Upah Dalam Islam", *Jurnal Islamiyat*, 23 (1) (2001), 43-46

biasanya para buruh memenuhi keperluan asas keluarganya. Sedangkan bagi negara yang sedang membangun atau negara berkembang, termasuk negara yang majoriti merupakan negara muslim, pendapatan upah merupakan komponen terbesar sumber pendapatan penduduk negara.³

Kedudukan upah yang begitu penting bagi keberlangsungan hidup para buruh, maka sudah selayaknya kerajaan atau kerajaan di sebuah negara muslim menjadi pihak yang bertanggung jawab dalam mengatur setiap urusan yang berkenaan dengan kepentingan bersama, antara buruh dan syarikat. Buruh dan syarikat saling mementingkan, ialah berkait erat dengan kelangsungan hidup dan kemajuan syarikat, tetapi di sisi lain hubungan antara kedua-duanya juga memiliki perbezaan dan bahkan sangat berpotensi menimbulkan perselisihan, terutama apabila berkaitan dengan persepsi atau penafsiran yang tidak sama tentang kepentingan masing-masing pihak. Peranan kerajaan dalam hal ini bertujuan guna mengurangi perselisihan antara buruh dengan syarikat, salah satu solusinya adalah dengan menetapkan upah minimum yang dibayarkan kepada setiap buruh oleh syarikat.

1.2. Latar Belakang Kajian

Sistem penetapan kadar upah, atau sering disebut upah minimum yang harus dibayar oleh majikan atau perusahaan kepada buruh atau pekerja pertama kali diperkenalkan oleh Australia dan New Zealand pada akhir abad ke 19.⁴ Penetapan upah minimum buruh ini kemudian diikuti oleh negara-negara lain, dan sampai sekarang ini sebahagian besar negara di dunia, termasuk negara muslim ikut mengimplementasikannya. Indonesia salah satu negara yang majoriti penduduknya muslim mulai menetapkan sistem penetapan upah

³Nor Ghani dan MD. Nor, "Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif", *Islamiyyat* 27(1) (2005), 67 - 79.

⁴American Academy of Political and Social Science, *The Cost of Living Vol. 48*, (Boston: American Academy of Political and Social Science, 1913), 22.

minimum pada tahun 1969 dengan dikuatkuasakan Undang-undang Republik Indonesia Nombor 14 Tahun 1969 Tentang Ketentuan Pokok Tenaga Kerja. Dalam Undang-undang ini kerajaan Indonesia menetapkan pengertian orang yang dianggap buruh dan bagaimana sistem pengupahannya.

Sistem pembayaran upah merupakan suatu aspek yang sangat sensitif jika membicarakan isu buruh. Hal ini disebabkan kerana di satu sisi upah merupakan hak bagi buruh sebagai imbalan atas perkhidmatan atau tenaga yang diberikan, di lain pihak syarikat melihat bahawa upah merupakan sebagai kos pengeluaran. Oleh kerana itu, dalam rangka memberikan perlindungan terhadap buruh atas jumlah penghasilan yang diperolehi, maka kerajaan Indonesia menetapkan upah minimum.

Dengan penguatkuasaan upah minimum ini maka ada dua hal yang perlu dimengerti oleh masyarakat luas, ianya adalah mengenai Upah Minimum Provinsi (UMP) dan Upah Minimum Sektor (UMS). UMP merupakan tingkat upah terendah bagi kabupaten/kota yang berada di wilayah provinsi yang bersangkutan tanpa pertimbangan sektor tertentu. Apabila kabupaten⁵ bermaksud akan mengatur kadarnya Upah Minimum di daerah yang bersangkutan disebut UMK⁶, maka UMK yang bersangkutan ditetapkan oleh Gabenor dan harus lebih tinggi dari UMP.⁷ Sedangkan Upah Minimum Sektor (UMS) adalah Upah Minimum bagi sektor yang bersangkutan dan harus lebih tinggi dari UMP mahupun UMK.

⁵Kabupaten merupakan sejenis daerah di Indonesia yang dipimpin oleh seorang kepala daerah yang dipanggil Bupati. Kabupaten bersama-sama dengan kota merupakan pecahan dari provinsi. Kabupaten merupakan hierarki terendah dari pembahagian administratif Indonesia di bawah pemerintah provinsi atau juga sering disebut daerah tingkat kedua.

⁶UMK adalah Upah Minimum tingkat Kabupaten, ianya ditetapkan Gabenor atas dasar pertimbangan Bupati dan Dewan Pengupahan tingkat Kabupaten.

⁷Budiyono, "Penetapan Upah Minimum dalam Kaitannya dengan Upaya Perlindungan Bagi Pekerja/Buruh dan Perkembangan Syarikat" (Disertasi, Jabatan Ilmu Hukum Fakultas Hukum Universitas Diponegoro. 2007)

Oleh kerana itu Upah Minimum Sektor hanya diperlukan terhadap sektor-sektor tertentu yang memiliki kemampuan baik.⁸

Penetapan UMP di Indonesia dikuatkuasakan setahun sekali. Ertinya kadar UMP setiap tahunnya berubah atau tidak sama. Biasanya, penetapan kadar UMP ini dikuatkuasakan di awal tahun. Kadar UMP di setiap provinsi di Indonesia juga tidaklah sama, hal ini disebabkan kerana permohonan kadar UMP dilakukan oleh Gabenor masing-masing provinsi kepada Menteri Tenaga Kerja. Misalnya kadar UMP provinsi Jambi tidaklah sama dengan kadar UMP di provinsi Jawa Barat, begitu juga kadar UMP Jawa Barat tidaklah sama dengan kadar UMP di Aceh.

Provinsi Aceh, yang merupakan satu (1) dari tiga puluh tiga (33) provinsi di Indonesia yang mempunyai sejarah panjang, yang sangat berperanan dalam penyebaran agama Islam di nusantara melalui kerajaan Samudra Pasai dan Perlak yang mencapai puncaknya pada zaman Iskandar Muda. Kerajaan-kerajaan Islam tersebut telah pun berjaya menyebarkan agama Islam mulai dari Batak, Pariaman (Minang Kabau) hingga ke Tanah Jawa, bahkan sampai ke Tanah Melayu dengan espedisi pembebasan Melaka dari kekuasaan Portugis.⁹ Kejayaan kerajaan Aceh dalam menyebarkan agama Islam di nusantara tidak terlepas oleh dukungan keadaan perekonomian kerajaan yang kuat yang berlandaskan nafas Islam.

Model dan metode yang dibangun untuk memperkuat perekonomian Negara atau kerajaan pada masa itu dirancang dengan sangat baik oleh kerajaan, mulai dari membentuk jabatan khusus untuk menangani masalah-masalah ekonomi, jabatan ini dikenal dengan nama *Balai Furdhah* yang dipimpin oleh seorang wazir yang bergelar Menteri Seri

⁸*Ibid.*

⁹Ingrid Saroda Mitrasing, "The Age Of Aceh And The Evolution Of Kingship 1599 – 1641" (Tesis, Universiti Leiden, 2011), 20.

Paduka.¹⁰ Jabatan ini bertugas untuk mengatur dan mengurus soal-soal perdagangan dalam dan luar negeri, mengawasi bidang-bidang usaha yang menghasilkan bahan-bahan perdagangan, seperti pertanian, perternakan, perlombongan, industri, perkapalan/pelayaran dan sebagainya.¹¹ Dalam jabatan ini, spesialisasi kerja kemudian diperkecil kembali agar tugas-tugas yang begitu luas boleh dikerjakan berdasarkan bidang dan keahlian masing-masing, hal ini juga akan mempermudah pengawasan kerja berdasarkan bidang ekonomi tertentu. Bidang-bidang tersebut antara lain adalah *Syahbandar Muktabar Khan*,¹² *Panglima laot*,¹³ *Keujrun Glë*,¹⁴ dan lain-lain.

Dari penjelasan di atas kita boleh memahami bahawasanya polisi-polisi pembangunan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan Aceh pada saat itu sangat baik, Hal ini ditunjukkan oleh keberhasilan kerajaan Aceh dalam mengembangkan kekuasaan dan mempertahankan diri dari tekanan penjajah beberapa puluh tahun sebelum berhasil ditawan. Perekonomian yang dibina ini adalah perekonomian yang berlandaskan nilai-nilai Islam, yang menjadi salah satu petunjuk kepada pelaku ekonomi zaman sekarang bahawasanya perekonomian yang dibangun dengan landasan Islam, seperti kerajaan Aceh ini mampu menjadi tonggak kuat bagi negara untuk mensejahterakan kehidupan rakyatnya.

Kejayaan kerajaan Aceh dalam membina negara yang cemerlang berdasarkan nilai-nilai Islam kemudian mulai jatuh setelah tidak adanya peribadi pemimpin yang ideal dalam melawan tekanan kolonialis baik dari pihak Belanda mahupun dari pihak Portugis. Akhir tempoh kegemilangan kerajaan Aceh adalah setelah wafatnya Sultan Iskandar Tsani yang

¹⁰A.Hasjmy, *Iskandar Muda Meukuta Alam* (Jakarta: Bulan Bintang, 1975), 77.

¹¹*Ibid.*

¹²*Syahbandar Muktabar Khan* adalah pejabat yang mengepalai pelabuhan-pelabuhan, mengatur barang masuk dan keluar negara melalui setiap pelabuhan di wilayah kerajaan Aceh. Lihat: *Ibid.*

¹³*Panglima Laot* adalah pemimpin tertinggi dalam bidang perikanan laut. Lihat: *Ibid.*, 84.

¹⁴*Keujrun Glë* adalah pejabat ahli tentang kehutanan, pembahagian hasil usaha *wasé glé*, larangan memotong kayu, adat merusak hutan, kedudukan *Pawang Glé* (pejabat ahli tentang kehidupan rimba), cara mengambil madu lebah dan sebagainya. Lihat: *Ibid.*, 84.

merupakan menantu sultan Iskandar Muda pada tahun 1641 M.¹⁵ Kesultanan Aceh sejak wafatnya Sultan Iskandar Tsani dipimpin oleh Raja perempuan, yang kedaulatan negara menjadi berkurang dan kemudian secara rasmi kerajaan Aceh jatuh dalam kekuasaan Belanda pada tahun 1911-1912.¹⁶

Sejak menjadi wilayah jajahan Belanda, sama seperti wilayah-wilayah lain di Indonesia, Aceh menjadi wilayah yang tertinggal, baik dari bidang ekonomi, politik mahupun sosial budaya. Walau demikian, pejuang-pejuang yang ingin lepas dari tangan penjajah tetap terus berjuang melawan kedudukan Belanda. Tempoh ini baru berakhir hingga kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945. Namun, kemerdekaan dari tangan penjajah tidak membuat wilayah Aceh, yang kemudian dibentuk menjadi salah satu provinsi di Indonesia terbebas dari konflik sosial. Hal ini kerana di awal-awal kemerdekaan Indonesia, antara tahun 1949 hingga 1960 banyak terjadi pemberontakan, yang mengingkari kekuasaan kerajaan Indonesia yang berpusat di Jakarta. Salah satu pemberontakan yang masuk ke wilayah Aceh adalah DI/TII¹⁷ yang dipimpin oleh Daut Beureueh. Akibat dari pemberontakan ini banyak nyawa dan harta menjadi korban. Pemberontakan ini baru berakhir setelah Presiden Soekarno memberikan status daerah

¹⁵Claude Guillot dan Ludvik Kalus, *Inskripsi Islam Tertua di Indonesia*, terk. Laddy Lesmana (terj.) (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2008), 161.

¹⁶Rosihan Anwar, *Sejarah Kecil "Petite Histoire" Indonesia* (Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2009), 65.

¹⁷Negara Islam Indonesia disingkat NII juga dikenal dengan nama Darul Islam atau DI yang ertinya adalah rumah Islam adalah gerakan politik yang dibentuk pada 7 Ogos 1949 oleh sekarmadji Maridjan Kartosoewirjo di Desa Cisampah, Jawa Barat. Gerakan ini bertujuan menjadikan Republik Indonesia yang saat itu baru saja diproklamasikan kemerdekaanya sebagai negara teokrasi dengan agama Islam sebagai Dasar Negara. Gerakan ini masuk ke Aceh disebabkan oleh dua hal: pertama, rasa tidak puas hati tokoh-tokoh Aceh setelah Presiden Soekarno menggabungkan wilayah Aceh dengan wilayah Medan, di mana wilayah Aceh majoriti penduduknya beragama Islam, sedangkan Provinsi Sumatra Utara majoriti penduduknya beragama Kristen. Kedua, rasa kecewa rakyat Aceh dengan sumpah Presiden Soekarno pada tahun 1948 di mana ia akan memberikan status otonomi khusus dan kebebasan menjalankan Syariat Islam untuk wilayah Aceh, namun sumpah tersebut tidak pernah ditepati. Lihat: Pusat Penelitian Politik (2007), *Year Book: Democracy Pilkada*, Banda Aceh: LIPI, 15.

istimewa kepada Aceh, serta memberikan ampunan (*amnesti*) kepada seluruh pendukung DI/TII di Aceh.¹⁸

Pada masa pemerintahan Presiden Soeharto, ia kembali melanjutkan polisi Presiden Soekarno untuk memberikan Aceh status daerah istimewa dan penerapan Syariat Islam. Namun begitu, janji tersebut tidak pernah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di lain pihak, Presiden Soeharto memberikan kesempatan kepada syarikat multinasional besar dari Amerika untuk membuka industri besar di Aceh pada bidang eksplorasi minyak dan gas di Arun pada tahun 1970-an. Sehingga pemberontakan kembali muncul di Aceh, dengan nama baru iaitu Gerakan Aceh Merdeka (GAM)¹⁹ yang dipimpin oleh Hasan Tiro. Gerakan pemberontakan ini baru berakhir pada 15 Ogos 2005 setelah ditandatanganinya perjanjian damai (MoU Helsinki) antara Kerajaan Republik Indonesia (RI) dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) di Swedenia.

Dengan ditandatanganinya perjanjian damai antara RI dengan GAM maka Provinsi Aceh yang istimewa dengan sejarah dan budayanya kemudian dikuatkuasakan otonomi khusus berdasarkan ketetapan Undang-undang Republik Indonesia Nombor 18 Tahun 2001. Melalui undang-undang ini provinsi Aceh dibolehkan menerapkan Syariat Islam secara *kaffah*. Syariat Islam merupakan cita-cita rakyat Aceh, yang telah lama diperjuangkan. Hal ini juga momentum bagi rakyat Aceh untuk kembali berjaya seperti pada zaman keemasan Iskandar Muda.

¹⁸*Ibid.*, 15.

¹⁹GAM adalah singkatan dari Gerakan Aceh Merdeka, sebuah gerakan pemberontakan yang bercita-cita mendirikan Negara Aceh yang merdeka, yang terpisah dari Negara Republik Indonesia. Gerakan ini didirikan pada 20 Mei 1977, namun Hasan Tiro selaku Pemimpin tertinggi gerakan pemberontakan ini memilih hari lahir GAM pada tanggal 4 Desember 1976, sesuai dengan pernyataan kemerdekaan Aceh Sumatra. Jikalau pemberontakan pada tahun 1950-an lebih berkaitan dengan penerapan status otonomi khusus di Aceh, maka sumber perselisihan dan ketidakpercayaan yang menjadi punca pemberontakan GAM 1976 jauh lebih kompleks. Di antara penyebab ketidakpercayaan ini antara lain adalah penyaluran hasil eksploitasi kekayaan Aceh yang tidak adil, sentralisasi serta penyeragaman struktur kerajaan di tingkat lokal sama dengan di Pulau Jawa, polisi resepsi dan ancaman militer. Lihat: *Ibid.*, h. 16.

Sejak dikuatkuasakan syariat Islam, setiap bidang pembangunan, baik fizik mahupun moral dibina berlandaskan syariat Islam. Pelbagai reformasi birokrasi dilakukan, serta pelbagai *qanun* disahkan, sama ada itu *qanun* tentang judi, *maisir*, dan *khalwat* mulai diterapkan, *qanun jenayah* dan *qanun* acara *jenayah* juga disahkan. Bidang palancongan juga diatur menurut syariat Islam. Semua polisi ini adalah untuk mensyariatkan syariat Islam di setiap bidang kehidupan masyarakat Aceh.

Dalam bidang lembaga kewangan syariah, kerajaan Aceh juga memberikan peranan besar untuk tumbuhnya lembaga-lembaga kewangan yang berlandaskan syariah. Hal ini dibuktikan dengan dikeluarkannya *qanun* tentang Baitul Mal Aceh, yang menjadi lembaga rasmi pengelola kewangan ummat.

Bukan hanya merubah sistem lembaga kewangan konvensional menjadi lembaga kewangan berlandaskan syariah, kerajaan Aceh juga terus berusaha merubah seluruh aspek ekonomi berlandaskan syariat Islam, termasuk dalam bidang tenaga kerja atau buruh. Walaupun bidang buruh dan UMP belum ada *qanun* Aceh yang mengatur tentangnya, namun penetapan UMP ini haruslah sesuai dengan prinsip syariat Islam. Guna terwujudnya penerapan syariat Islam secara *kaffah* di seluruh aspek kehidupan masyarakat muslim di Aceh.

Pensyariatan berkenaan dengan isu buruh dan pengupahan di Aceh masih harus mengikuti ketetapan wilayah pusat atau Jakarta, iaitu dengan penetapan Upah Minimum Provinsi (UMP). Peranan seorang Gabenor dalam hal ini sangat penting, kerana ia akan mengajukan kadar UMP kepada Menteri Tenaga Kerja sebelum dilaksanakan di masyarakat. Oleh kerana itu seorang Gabenor Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) selaku pemimpin dan perwakilan rakyat Aceh, sepatutnya memahami bahawasanya penetapan Upah Minimum Provinsi (UMP) ini harus sesuai dengan watak masyarakat yang majoriti muslim yang berdasarkan prinsip-prinsip syariah Islam, serta

mampu memenuhi keperluan pokok setiap buruh muslim di Aceh, berdasarkan konsep Islam.

Dalam empat (4) tahun lepas, mulai tahun 2009 hingga 2011 kadar UMP di Aceh di kategorikan dengan kadar UMP paling tinggi jika dibandingkan dengan provinsi-provinsi lain di Indonesia. Jika dilihat mengikut tahun, maka pada tahun 2009 UMP Provinsi Aceh merupakan UMP yang paling tinggi di seluruh Indonesia, dari 33 provinsi.²⁰ Kadar UMP ini dikuatkuasakan melalui Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh No.95 Tahun 2008 yang dikeluarkan pada tarikh 19 Desember 2008. Kadar UMP Aceh ditetapkan sebesar Rp 1,200,000.00²¹ yang menduduki peringkat pertama di Indonesia, diikuti oleh UMP Papua Barat sebesar Rp 1,180,000.00. Sedangkan pada tahun 2010 UMP Aceh adalah sebesar Rp 1,300,000.00 yang ditetapkan melalui Peraturan Gabenor (Pergub) No. 132 Tahun 2009, yang disahkan pada tarikh 6 November 2009. Di mana kadar UMP pada tahun 2010 naik sebesar 8.3 % (lapan perpuhuan tiga peratus) dari tahun 2009. Dengan kadar UMP sebesar Rp 1,300,000.00 provinsi Aceh kembali berada pada tingkat pertama dari 33 provinsi di Indonesia yang paling tinggi kadar UMP nya.²²

Pada tahun 2011 kadar UMP provinsi Aceh adalah sebesar Rp 1,350,000.00,²³ kadar ini berdasarkan Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh No. 56 Tahun 2010. Kembali pada tahun ini provinsi Aceh menduduki posisi pertama dengan UMP tertinggi di Indonesia.²⁴ Disusul oleh provinsi Papua Barat dengan kadar UMP Rp 1,210,000.00.

Satu faktor penyebab kenaikan UMP yang tinggi di Aceh dan seluruh provinsi di Indonesia setiap tahunnya adalah kerana setiap kerajaan provinsi harus mempertimbangkan

²⁰Kajian Ekonomi Regional Triwulan IV-2008, Bank Indonesia (BI) Aceh , <http://banking.blog.gunadarma.ac.id/peraturan-BI/INBOKS3 UMPAceh.pdf>, 30 Maret 2012

²¹Jika dikurskan ke Ringgit Malaysia RM 1= Rp 3000 maka RP 1,200,000.00= RM 400.

²²okezone online, <http://economy.okezone.com/read/2009/12/30/320/289612/ump-aceh-tertinggi-se-indonesia> , 1 April 2012.

²³Jika dikurskan ke Ringgit Malaysia RM 1= Rp 3000 maka RP 1,350,000.00= RM 450.

²⁴okezone online , <http://economy.okezone.com/read/2010/12/04/20/400075/wow-ump-aceh-2011-ditetapkan-rp1-35-juta>, 1 April 2012.

faktor Keperluan Hidup Layak (KHL) dan faktor inflasi. Faktor Keperluan Hidup Layak (KHL) adalah standard keperluan yang harus dipenuhi oleh seorang buruh bujang untuk dapat hidup layak baik secara fizik, nonfizik, dan sosial, untuk keperluan 1 (satu) bulan.²⁵ Jadi kadar UMP harus disesuaikan dengan KHL yang sudah ditetapkan Menteri Tenaga Kerja, berdasarkan tingkat KHL setiap Provinsi.

Jadual 1.1
Kadar UMP Aceh dari Tahun 2009-2013

Tahun	Nombor Surat Keputusan (SK)	Kadar UMP (Rp)	Kadar Kenaikan
2009	Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh No. 95 Tahun 2008	1,200,000.-	-
2010	Peraturan Gabenor (Per Gub) Aceh No. 132 Tahun 2009	1,300,000.-	8.3%
2011	Peraturan Gabenor (Per Gub) Aceh No. 56 Tahun 2010	1,350,000,-	3.8%
2012	Peraturan Gabenor (Per Gub) No.76 Tahun 2011	1,400,000	3.7%
2013	Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh. 65 Tahun 2012	1,550,000	10.7%

Sumber: Peraturan Gabenor Aceh dari Tahun 2009 hingga Tahun 2013

Selain faktor KHL, penetapan kadar UMP juga dipengaruhi oleh turun naiknya inflasi. Bila diperhatikan pasca tsunami, kadar inflasi Aceh khususnya kota Banda Aceh relatif tinggi jika dibandingkan dengan provinsi lain, bahkan pernah mencapai empat puluh satu persepuluh sebelas peratus (41.11%) pada tahun 2005.²⁶ Kenaikan harga barang dan perkhidmatan tersebut berimbas pada tingginya keperluan hidup yang tercermin pada KHL masyarakat Aceh yang pada tahun 2009 mencapai Rp 1,400,000.00. Faktor utama penyebab tingginya inflasi di Aceh adalah adanya projek besar rehabilitasi dan pembinaan

²⁵Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia No. Per-17/Men/VIII/2005 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak.

²⁶Kajian Ekonomi Regional Triwulan IV-2008 Bank Indonesia (BI), <http://banking.blog.gunadarma.ac.id/peraturan-BI/INBOKS3UMP Aceh.pdf>, 30 Maret 2012.

semula pasca tsunami. Namun setelah berakhirnya rehabilitasi dan pembinaan semula di Aceh pada tahun 2009 harga barang dan perkhidmatan tidak terjadi penurunan. Oleh kerana itu, salah satu cara yang dilakukan kerajaan Aceh guna mengimbangi inflasi dalam pemerataan pendapatan adalah dengan menetapkan UMP yang tinggi jika dibandingkan dengan provinsi lain selama beberapa tahun terakhir.

Salah satu kesan positif yang diharapkan oleh kerajaan Aceh berkenaan dengan penetapan kadar UMP Aceh adalah peningkatan kesejahteraan buruh di Aceh yang saat ini terbeban dengan tingginya harga akibat inflasi. Secara makro ekonomi, kenaikan upah tersebut juga diharapkan dapat meningkatkan perbelanjaan agregat keluarga masyarakat Aceh yang akhirnya akan menghasilkan kesan multiplier dengan tumbuhnya usaha perekonomian untuk menyerap peningkatan perbelanjaan agregat tersebut.²⁷

Namun, kenaikan UMP juga dapat menjadi ancaman bagi masyarakat apabila hanya mencetuskan kenaikan harga atau inflasi tanpa mendorong peningkatan pengeluaran di Aceh. Apalagi dalam keadaan saat ini, di mana ketergantungan Aceh masih relatif tinggi pada bekalan barangan dari Medan (Sumatra Utara). Sehingga polisi kenaikan UMP biasanya direspon dengan spekulasi pedagang untuk meningkatkan harga barang dagangannya. Akibatnya daya beli masyarakat bukannya meningkat, malah turun apabila kadar inflasi melebihi kenaikan UMP.²⁸

Hal inilah yang kemudian menjadi masalah di Aceh, di mana ketika pemerintah telah menetapkan kadar UMP yang tinggi namun peningkatan ekonomi masyarakat masih tetap rendah. Ini dapat dilihat dari tingkat kemiskinan masyarakat yang masih tinggi. Hingga September 2012 peratus penduduk miskin (penduduk yang berada di bawah garis

²⁷Tim Peneliti SMERU, "Dampak Kebijakan Upah Minimum terhadap Tingkat Upah dan Penyerapan Tenaga Kerja di Daerah Perkotaan Indonesia" (Laporan dari Lembaga Penelitian SMERU, dengan dukungan dari USAID/PEG, 2001), 9.

²⁸*Ibid.*

kemiskinan) sebesar 18.86%,²⁹ maknanya jika penduduk Aceh sekarang berjumlah 5,015,234 jiwa³⁰ maka jumlah penduduk miskin berjumlah 945,873 jiwa.

Perbandingan tingkat kemiskinan masyarakat Aceh dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Indonesia dapat dilihat pada jadual di bawah ini:

Jadual 1.2
Garis Kemiskinan, Jumlah, dan Peratusase Penduduk Miskin September 2012

Provinsi	Perkotaan			Perdesaan			Total	
	Garis Kemiskinan (Rp/Kapita/Bulan)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)	Garis Kemiskinan (Rp/Kapita/Bulan)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)
Aceh	352 056	165.43	12.47	310 089	711.13	20.97	876.56	18.58
Sumatera Utara	295 080	669.36	10.28	249 165	709.09	10.53	1 378.45	10.41
Sumatera Barat	321 128	124.25	6.45	273 655	273.60	8.99	397.86	8.00
Riau	333 933	156.41	6.68	295 582	324.90	8.94	481.31	8.05
Jambi	328 504	105.35	10.53	248 812	164.73	7.29	270.08	8.28
Sumatera Selatan	296 933	367.64	13.29	238 901	674.40	13.58	1 042.04	13.48
Bengkulu	318 881	92.67	16.89	267 273	217.80	17.80	310.47	17.51
Lampung	297 421	237.94	11.88	251 202	981.06	16.96	1 218.99	15.65
Bangka Belitung	374 284	24.01	3.73	390 294	46.20	6.96	70.21	5.37
Kepulauan Riau	373 725	106.58	6.77	316 963	24.64	7.08	131.22	6.83
DKI Jakarta	392 571	366.77	3.70	0	0	0	366.77	3.70
Jawa Barat	249 170	2 560.02	8.71	228 577	1 861.46	12.13	4 421.48	9.89
Jawa Tengah	245 817	1 946.51	13.11	223 622	2 916.90	16.55	4 863.41	14.98
DI Yogyakarta	284 549	306.51	13.10	241 975	255.60	21.29	562.11	15.88
Jawa Timur	253 947	1 605.96	8.90	234 556	3 354.58	16.88	4 960.54	13.08
Banten	262 371	333.45	4.41	228 794	314.80	8.31	648.25	5.71
Bali	270 020	93.25	3.81	230 389	67.71	4.17	160.95	3.95
Nusa Tenggara Barat	274 879	415.38	21.65	230 054	412.94	15.41	828.33	18.02
Nusa Tenggara Timur	293 906	117.39	12.21	205 083	882.91	22.41	1 000.29	20.41
Kalimantan Barat	254 972	74.23	5.49	232 303	281.47	9.04	355.70	7.96
Kalimantan Tengah	274 222	32.31	4.21	279 008	109.59	7.19	141.90	6.19
Kalimantan selatan	286 844	56.54	3.56	257 282	132.68	6.07	189.21	5.01

²⁹BPS Provinsi Aceh (2012), "Berita Resmi Statistik BPA Provinsi Aceh: Profil Kemiskinan di Provinsi Aceh September 2012" Banda Aceh, No. 030/07/12/Th.VI, 2 Juli 2012, h. 1.

³⁰Surat Kabar Online Serambi Indonesia, <http://aceh.tribunnews.com/2013/03/13/aceh-10-dapil>, diakses pada 9 Mei 2013.

Kalimantan Timur	384 413	91.52	3.82	330 329	154.59	10.56	246.11	6.38
Sulawesi Utara	231 794	66.81	6.36	217 355	110.72	8.69	177.54	7.64
Sulawesi Tengah	292 578	60.20	9.02	258 393	349.40	16.85	409.60	14.94
Sulawesi Selatan	215 790	133.62	4.44	183 959	672.29	12.93	805.92	9.82
Sulawesi Tenggara	215 050	29.56	4.62	198 902	274.70	16.24	304.25	13.06
Gorontalo	217 073	17.84	4.80	210 101	169.89	23.63	187.73	17.22
Sulawesi Barat	212 579	29.06	10.03	205 383	131.49	13.92	160.55	13.01
Maluku	314 855	51.10	8.39	284 629	287.79	28.12	338.89	20.76
Maluku Utara	276 117	8.74	2.92	240 447	79.56	9.98	88.30	8.06
Papua Barat	374 382	13.27	5.36	346 157	209.97	36.33	223.24	27.04
Papua	344 415	48.08	5.81	281 022	928.29	39.39	976.37	30.66
INDONESIA	277 382	10 507.77	8.60	240 441	18 086.87	14.70	28594.64	11.66

Sumber: Laporan Bulanan Sosial Ekonomi, Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia Edisi March 2013

Dari jadual tersebut dapat difahami bahawa tingkat kemiskinan di Aceh masih tinggi, dimana Aceh menjadi daerah termiskin nombor enam (6) dari tiga puluh tiga (33) provinsi yang ada di Indonesia. Padahal kerajaan Aceh telah berusaha dengan pelbagai cara untuk menurunkan angka kemiskinan masyarakat, salah satunya adalah dengan menetapkan kadar UMP yang tinggi, dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Indonesia.

1.3. Permasalahan Kajian

Ketergantungan hidup buruh dan keluarganya terhadap upah yang begitu erat demi keberlangsungan hidup para buruh dan keluarga, sudah selayaknya menjadi prioriti utama setiap kerajaan untuk mengatur dan mengeluarkan aturan untuk melindungi hak-hak buruh. Walau demikian, perlindungan hak-hak buruh ini juga tidak boleh menghambat tumbuhnya industri dan syarikat-syarikat di negara tersebut. Ertinya dalam penetapan upah buruh negara berada pada posisi neutral di mana menjadi pihak penengah demi tercapainya keseimbangan antara buruh dan syarikat.

Provinsi Aceh, Indonesia yang merupakan salah satu provinsi yang memiliki hak istimewa dalam menjalankan aturan daerahnya berlandaskan syariat Islam mulai tahun

2004 telah mereformasikan pelbagai polisi berlandaskan syariat Islam, termasuk dalam usaha menjaga keseimbangan antara buruh dan syarikat dalam bidang pengupahan. Walaupun reformasi pengupahan ini masih harus mengikuti polisi dari kerajaan pusat iaitu dengan penetapan Upah Minimum Provinsi (UMP), yang pada dasarnya UMP ini mengikut sistem ekonomi konvensional yang belum tentu sesuai dengan syariat Islam. Padahal sudah menjadi kewajipan kerajaan Aceh untuk mengeluarkan polisi yang sesuai dengan syariat Islam, untuk tercapainya cita-cita rakyat Aceh iaitu terlaksananya syariat Islam secara *kaffah* di seluruh bidang kehidupan masyarakat di Provinsi Aceh, termasuk dalam bidang pengupahan buruh.

UMP yang menjadi solusi kerajaan Aceh dalam melindungi hak-hak buruh di Aceh, beberapa tahun terakhir terbilang sangat tinggi dibandingkan provinsi-provinsi di Indonesia. Mulai tahun 2009 hingga 2011 UMP Aceh adalah UMP yang tertinggi di Indonesia, yang diharapkan penetapan UMP ini dapat memenuhi Kehidupan Hidup Layak (KHL) para buruh dalam memenuhi kehidupan sehari-hari mereka. Polisi UMP ini di satu pihak mampu melindungi pendapatan para buruh, namun di sisi lain penetapan UMP ini juga dapat menimbulkan spekulasi di pasar, yang mana pasar menawarkan segala keperluan hidup para buruh, sehingga bukannya mampu memberikan kesejahteraan bagi para buruh, malah dapat menimbulkan penurunan daya beli para buruh sehingga kesejahteraan para buruh juga tak dapat dicapai.

Permasalahan yang akan dibahas dalam disertasi ini seperti yang telah dijelaskan di atas berhubungan dengan penetapan upah minimum buruh oleh kerajaan Aceh, Indonesia menurut analisis ekonomi Islam. Kerana pada dasarnya UMP yang diimplementasikan di Aceh sekarang ini masih menurut ekonomi konvensional dan belum tentu mampu menjamin terciptanya perlindungan terhadap hak-hak buruh, padahal provinsi Aceh telah menerapkan dan akan terus berusaha untuk menegakkan syariat Islam secara *kaffah*.

1.4. Persoalan Kajian

Untuk mempermudah pengkaji mendapatkan objektif kajian, maka pengkaji membuat persoalan kajian dalam bentuk soalan, persoalan kajian dalam kajian ini adalah:

1. Bagaimana konsep upah dalam ekonomi Islam ?
2. Bagaimana mekanisme penetapan UMP di Aceh, Indonesia ?
3. Apakah penetapan Upah Minimum Buruh Provinsi (UMP) di Aceh, Indonesia telah sesuai dengan konsep upah dalam ekonomi Islam?

1.5. Objektif Kajian

Merujuk kepada latar belakang kajian dan permasalahan kajian di atas, maka objektif kajian daripada penyelidikan ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti konsep buruh dan upah dalam ekonomi Islam.
2. Untuk menganalisis mekanisme penetapan Upah minimum Provinsi (UMP) di Aceh, Indonesia.
3. Untuk mengetahui dan menganalisis adakah polisi penetapan Upah Minimum Provinsi (UMP) di Aceh telah sesuai dengan konsep upah dalam ekonomi Islam.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk kepentingan akademik dan diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan dalam bidang ekonomi Islam, khususnya dalam bidang ekonomi buruh Islam. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat menambah literatur ekonomi buruh menurut Islam dan menjadi referensinya dalam praktik di negara-negara muslim pada masa kini. Kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu, sama ada itu untuk kepentingan akademik mahupun sosial.

1.6.1. Kepentingan Akademik

Bagi institusi pendidikan memberikan cadangan dan sumbangan pemikiran sebagai pembanding penemuan-penemuan pengkaji terdahulu tentang konsep buruh dalam Islam, dan metode pengupahan yang adil menurut Islam yang cuba diterapkan di Aceh, Indonesia. Dengan adanya penelitian ini, maka dapat dijadikan rujukan untuk pengembangan penyelidikan dan menjadi dasar acuan penyelidikan lain.

1.6.2. Kepentingan Sosial

Kepentingan disertasi ini bagi kerajaan Aceh, Indonesia ialah untuk bahan pertimbangan bagaimana cara agar penetapan upah buruh dalam rangka melindungi hak-hak buruh boleh sesuai dengan konsep ekonomi syariah, yang berlandaskan keadilan dan pemerataan. Selain itu disertasi ini juga akan memberikan sumbangan dalam bidang penyesuaian polisi penetapan upah yang telah berjalan selama ini melalui UMP boleh disesuaikan dengan konsep upah dalam Islam, kerana seperti yang telah kita ketahui bahawasanya UMP yang dilaksanakan oleh kerajaan Aceh sekarang adalah UMP yang masih berlandaskan ekonomi konvensional. Padahal cita-cita seluruh rakyat Aceh adalah ingin menjadikan seluruh aspek kehidupan sesuai dengan syariat Islam. Kajian ini juga akan menambah pemahaman pengkaji tentang konsep ekonomi buruh dalam Islam dan bagaimana pelaksanaannya di masyarakat luas, khususnya di Aceh, Indonesia.

1.7. Skop Kajian

Agar pembahasan dalam kajian ini tidak terlalu luas, maka pengkaji menumpukan kajian ini hanya kepada konsep polisi penetapan upah buruh dalam ekonomi Islam. Konsep

penetapan upah buruh yang akan dikaji adalah konsep upah buruh yang dilaksanakan di provinsi Aceh, Indonesia iaitu polisi UMP nya.

Manakala untuk tempat penyelidikan, pengkaji mengambil tempat kajian di provinsi Aceh, bukan di provinsi lain yang ada di Indonesia kerana Aceh merupakan satu-satunya provinsi yang menerapkan syariat Islam yang sedang berusaha mensyariahkan segala aspek kehidupan masyarakatnya termasuk dalam bidang ekonomi. Selain itu provinsi Aceh merupakan provinsi yang paling tinggi UMP nya di seluruh Indonesia.

1.8. Kajian Lepas

Isu buruh yang telah menyebabkan banyak catatan sejarah dalam bidang perekonomian dan kemanusiaan, sudah sepatutnya menjadi perhatian para sarjana untuk terus mengkaji dan meneliti isu ini, guna memberikan cadangan dan pandangan yang relevan sesuai dengan permasalahan yang dihadapi buruh di setiap zaman yang berbeza. Namun, para sarjana yang mengambil perhatian untuk mengkaji isu buruh ini datang dari pelbagai pemikiran ideologi dan agama yang mereka anut, baik dari golongan pemikir kapitalis mahupun marxis, atau baik dari yahudi, kristian mahupun Islam, sehingga setiap solusi yang diberikan dalam menjawab permasalahan dari bidang buruh ini pastinya sangat erat hubungannya dengan latar belakang pemikiran pengkaji atau sarjana yang bersangkutan.

Konsep upah yang ditawarkan oleh para sarjana kapitalis adalah dengan penetapan upah minimum (*minimum wage*) yang kerap dianjurkan diterapkan di banyak negara, seperti yang telah dijelaskan di latar belakang masalah di atas. Konsep ini belum tentu sesuai jika ditetapkan di negara-negara muslim, yang masyarakatnya menjalankan prinsip yang berlandaskan syariah di setiap bidang kehidupan, termasuk dalam bidang ekonomi

dan perburuhan. Sehingga banyak sarjana muslim sekarang mulai memberikan perhatian lebih terhadap bidang ini, khususnya berkenaan konsep upah dalam pandangan Islam.

Untuk memulai kajian ini, pengkaji yang ingin mencoba memaparkan bagaimana konsep penetapan upah minimum dalam ekonomi Islam yang merujuk kepada beberapa literature yang membicarakan konsep upah dalam Islam, konsep buruh sebagai salah satu faktor pengeluaran dalam Islam, kedudukan buruh wanita dalam Islam dan tentunya konsep penetapan upah minimum menurut ekonomi kapitalis. Pengkaji juga telah merujuk kepada buku-buku dan kajian-kajian terdahulu, antara lain yang telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik yang dianalisis oleh pengkaji berdasarkan bidang penelitiannya adalah seperti di bawah ini.

1.8.1. Kajian Umum Berkaitan Bidang Ekonomi Buruh

Budiyono³¹ prosedur penetapan Upah Minimum telah ditetapkan melalui Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Nombor Per-17/Men/VIII/2005 tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak. Dengan acuan Peraturan tersebut maka selanjutnya Gabenor menetapkan Upah Minimum. Setelah Upah Minimum ditetapkan maka para syarikat dalam pemberian upah kepada buruhnya harus sesuai dengan ketetapan Upah Minimum tersebut. Mengingat kondisi syarikat yang satu dengan yang lainnya sangat berlainan, maka para syarikat dalam melaksanakan ketentuan upah minimum juga berlainan. Syarikat yang mampu akan berbeza dengan syarikat yang tidak mampu kaitannya dengan pelaksanaan ketentuan upah minimum. Dalam desertasi ini, konsep upah minimum yang dipaparkan adalah konsep upah minimum yang diaplikasikan

³¹Budiyono, "Penetapan Upah Minimum dalam Kaitannya dengan Upaya Perlindungan Bagi Pekerja/Buruh dan Perkembangan Syarikat" (Tesis, Jabatan Ilmu Hukum Fakultas Hukum Universitas Diponegoro, 2007)

di Indonesia menurut kacamata ekonomi konvensional, tidak sedikit pun berkaitan dengan konsep buruh dan pengupahan dalam ekonomi Islam.

Zulkifly Osman, dan Mohd Azlan Shah Zaidi³² model ekonomi upah tinggi, upah tidak harus dianggap sebagai faktor kos semata-mata. Sebaliknya, ia juga harus dianggap sebagai faktor pendapatan kepada pekerja. Ini membawa maksud bahawa jika upah tinggi, kesejahteraan hidup pekerja akan meningkat dan ia boleh menyumbang kepada peningkatan daya usaha dan seterusnya produktiviti pekerja. Fenomena ini sekaligus dapat meningkatkan keuntungan majikan. Namun, persoalannya ialah adakah upah yang menyebabkan produktiviti meningkat atau kerana produktiviti tinggi maka upah tinggi. Dari hasil kajian ini, didapati bahawa kemungkinan kewujudan fenomena ekonomi upah tinggi amat sukar untuk ditolak. Ertinya, kenaikan upah akan disusuli dengan peningkatan produktiviti. Ini merupakan petanda baik bagi Malaysia dan segi strategi dalam menghadapi saingan pasaran global akibat hakisan kelebihan kos buruh murah.

Tonia Warnecke dan Alex De Ruyter³³ dalam kajiannya yang membandingkan polisi penegakan hukum perburuhan di India dengan Indonesia mendapati bahawasanya kedua negara mengalami pergeseran yang nyata dalam sifat penegakan hukum untuk tingkat regional, kerana sebahagian besar kerajaan nasional menyerahkan peranan aktif pasar tenaga kerja. Hal ini telah menyebabkan perbezaan hasil dalam hal peningkatan pekerjaan, pemenuhan hak dan pemenuhan fasilitasi pekerjaan yang layak.

Michele Ford³⁴ mengungkapkan bahawa kepentingan organisasi buruh dalam usaha untuk melindungi hak dan kepentingan buruh selalunya akan bercampur dengan

³²Zulkifly Osman, dan Mohd Azlan Shah Zaidi, "Cabaran Globalisasi: Strategi Ekonomi Upah Tinggi", *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 36 .pp, (2002), 3-17.

³³Tonia Warnecke dan Alex De Ruyter, "The Enforcement of Decent Work in India and Indonesia: Developing Sustainable Institutions", *Journal Of Economic Issues*, Vol. XLV I No. (2 June 2012).

³⁴Michele Ford, "A victor's history: a comparative analysis of the labour historiography of Indonesia's New Order", *Labor History*, Vol. 51, No. 4 (November 2010), 523-541.

kepentingan politik, yang selalunya politik akan lebih menguasai seluruh aspek organisasi. Isu ini sangat berguna dalam perbincangan sejarah buruh di Indonesia, Hal ini kerana sejak dibentuknya Federasi Buruh Seluruh Indonesia (FBSI) pada tahun 1973 usaha untuk pemurnian peranan buruh dalam pembangunan ekonomi Indonesia tidak tercapai.

Youngjin Choi³⁵ dalam kajiannya menguji faktor-faktor penting yang mendasari perselisihan perburuhan di Asia-syarikat investasi Timur (EAIEs) di Cina, mendapati bahawasanya, faktor utama terjadinya perselisihan buruh dengan syarikat atau majikan adalah masa kerja yang panjang dan kepemimpinan syarikat yang oteriter. Gaya manajerial yang oteriter merupakan faktor yang signifikan terhadap frekuensi perselisihan buruh di Cina. Dalam usaha mengurangkan hal ini, maka perlu adanya pengawasan yang efektif serta penegakan peraturan ketenaga kerjaan serta pembentukan undang-undang yang harmoni dalam melindungi setiap hak buruh.

Edy Priyono³⁶ wacana tentang kebijakan upah minimum sebaiknya diletakkan dalam konteks yang lebih luas. Jika yang menjadi masalah adalah bagaimana meningkatkan kesejahteraan pekerja secara keseluruhan (bukan hanya buruh), maka fokus utamanya mestinya diarahkan kepada peningkatan kesejahteraan pekerja informal yang merupakan majoriti dari pekerja di Indonesia. Di samping itu, kerana upah merupakan fenomena yang melibatkan buruh dan syarikat, kebijakan upah (termasuk di dalamnya: kebijakan upah minimum), harus mempertimbangkan kepentingan buruh dan syarikat secara bersama-sama. Dalam konteks ini, upah yang “adil” bukanlah upah yang menjamin buruh mampu memenuhi keperluan hidupnya, melainkan upah yang tepat sama dengan kontribusi buruh terhadap syarikat atau produktivitinya.

³⁵Youngjin Choi (2008), “Aligning labour disputes with institutional, cultural and rational approach: evidence from East Asian-invested enterprises in China”, *The International Journal of Human Resource Management*, Vol. 19, No. 10, October 2008, 1929–1961.

³⁶Edy Priyono, “Situasi Ketenagakerjaan Indonesia dan Tinjauan Kritis Terhadap Kebijakan Upah Minimum”, *Jurnal Analisis Sosial*, Vol. 7, No. 1 (2002).

1.8.2. Kajian Berkaitan Buruh dalam Ekonomi Islam

Umer Chapra³⁷ menguraikan bahawasanya upah minimum di majoriti negara-negara muslim sangat rendah, meskipun para buruh itu sudah bekerja antara 10 sampai dengan 14 jam, mereka tetap tidak mampu memenuhi keperluan pokoknya dan keluarganya. Di samping itu para buruh tidak menikmati jaminan keamanan pekerjaan. Alasan yang diberikan hanyalah produktiviti yang rendah, kelebihan bekalan tenaga kerja dan kurangnya peluang pekerjaan, seperti yang digambarkan oleh para ekonomi neoklasik. Sebahagian besar peranan dimainkan oleh eksploitasi yang mungkin oleh adanya konfigurasi dari kekuasaan-kekuasaan zalim, seperti kebijakan rasmi yang tidak tepat, konsentrasi kekayaan dan kekuasaan dan kurangnya pelatihan serta fasilitas pembiayaan bagi para pekerja. Untuk mengatasi masalah buruh ini biasanya kerajaan yang berkuasa menetapkan polisis penetapan upah minimum, yang pada dasarnya belum tentu dapat menyelesaikan persoalan. Oleh kerana itu sarjana muslim perlu memperkenalkan suatu polisi yang sepenuhnya berbeza, dari pada hanya menetapkan upah minimum dalam upaya menjamin kesejahteraan buruh.

Wan Rohani Sulaiman³⁸ dalam tesis nya menjelaskan bahawa bekerja dan melakukan aktiviti pengeluaran adalah fitrah semula jadi manusia. Kecerdikan, bakat dan modal semula jadi telah disediakan oleh Allah s.w.t. untuk membolehkan manusia melayari hidup mereka di bumi ini. Bekerja dalam Islam adalah sebagai wasilah dan ia menjadi bahan ujian untuk menuju kepada hidup yang abadi di akhirat kelak. Kekayaan yang dicari di muka

³⁷Umer Chapra, *Islam and The Economic Challenge* (USA: The Islamic Foundation dan The International Institute of Islamic Thought, 1995), 253.

³⁸Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran Menurut Ekonomi Islam" (Tesis, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1998)

bumi ini bukanlah matlamat hidup tetapi sebagai alat untuk menuju kepada keredhaan Allah s.w.t.

Iskandar Budiman³⁹ menunjukkan bahawa banyak di antara buruh (pekerja-pekerja Indonesia) yang belum memahami ketentuan undang-undang perburuhan yang berlaku di Negara Malaysia, sehingga mereka menjadi mangsa kesengajaan pihak majikan dan agen-agen tenaga kerja. Begitu juga sebaliknya, pihak majikan dan agen-agen buruh dengan sengaja mengabaikan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan syarikat buruh, sehingga mengakibatkan kerugian harta benda, hilangnya nilai-nilai keadilan, tercemarnya nama baik Negara, dan mengakibatkan terjadinya perbudakan sesama manusia, khususnya terhadap kaum buruh. Di sisi lain, kajian dalam buku ini juga membahas tentang perbezaan mendasar tentang kontrak kerja antara undang-undang yang berlaku dengan prinsip-prinsip Islam.

Ahmad Iftikhar⁴⁰ dalam tulisannya menyatakan bahawasanya kedudukan agama dalam pengakuan terhadap pekerja tidak boleh diketepikan, hal ini terbukti dengan menjadi rujukannya kitab injil bagi pengakuan pekerja di Amerika syarikat, begitu juga dalam Islam. Islam mengakui adanya hak dan kewajipan pekerja dan majikan, kerana keduanya mempunyai hubungan yang kolektif, yang saling memerlukan.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor⁴¹ setiap tingkah laku manusia dalam usaha untuk mencapai tahap kerja berkualiti tinggi pada sebuah organisasi adalah berkait rapat dengan tahap motivasi individu tersebut dengan pengurusan kerja. Motivasi adalah suatu proses kognitif yang mempunyai hubungan dengan cara seseorang individu menguruskan matlamat kerja berkualiti sebelum memulakan sesuatu pekerjaan.

³⁹Iskandar Budiman, *Dilema Buruh di Rantau: Membongkar Sistem Kerja TKI di Malaysia* (Yogyakarta: Ar-Ruzzmediajogjakarta, 2004).

⁴⁰Ahmad Iftikhar, "Religion and Labor: Perspective In Islam", *WorkingUSA*; Dec2011, Vol. 14 Issue 4, p589-620, 32p (2011).

⁴¹Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor, "Keperluan Motivasi dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dari Perspektif Pemikiran Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil 25 103-124 (2007).

Manakala kerja bagi individu Muslim khususnya adalah suatu kemestian dan ia merupakan sebahagian dari ibadah yang perlu disempurnakan demi mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat.

Adnan A. Zulfiqar⁴² dalam kajiannya tentang agama sebagai dasar hukum tenaga kerja menyatakan bahawa legitimasi organisasi buruh yang sering kurang di Negara-Negara muslim pada dasarnya boleh diatasi dengan mengkonvensi prinsip dasar ajaran Islam yang pada hakikatnya sudah sangat jelas.

Patricia Sloane White⁴³ pada kajiannya tentang konsep bekerja dalam ekonomi Islam dengan mengambil model negara Islam iaitu Malaysia mendapati bahawasanya model konsep ekonomi pekerja dalam ekonomi Islam lebih unggul dalam memajukan ekonomi suatu negara, hal ini disebabkan kerana konsep bidang kuasa dalam susunan hirarki kerja dalam model ekonomi telah diatur oleh syarak, di mana setiap pekerja bertanggungjawab bukan hanya di dunia namun juga di akhirat kelak, selain itu bidang kuasa ini tidak membezakan antara pemimpin mahupun bawahan, lelaki atau perempuan, semua mempunyai tanggungjawab yang sama, dan akan bertanggungjawab terhadap kekuasaan masing-masing, dunia mahupun akhirat, hal ini mencerminkan jenis cita-cita ekonomi Islam adalah cita-cita yang moden dan penuh semangat keberhasilan ekonomi.

1.8.3. Kajian Tentang Hak dan Perlindungan Buruh dalam Ekonomi Islam

Muhammad Baqir Ash Shadar⁴⁴ perolehan pendapatan (*al kasb*) haruslah didasarkan pada kerja yang dicurahkan dalam aktiviti pengeluaran. Kerja yang tercurah

⁴²Adnan A. Zulfiqar, "Religious Sanctification of Labor Law: Islamic Labor Principles and Model Provisions", u. Pa. *Journal of labor and employment law* Vol. 9:2 (2007).

⁴³Patricia Sloane-White, "Working In The Islamic Economy: Sharia-Ization and The Malaysian Workplace", *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* Vol. 26, No. 2, pp. 304-34 DOI: 10.1355/sj26-2g (2011).

⁴⁴Muhammad Baqir Ash Shadar (2008), *Buku Induk Ekonomi Islam*, terj.Yudi (Jakarta: Zahra Publishing House, 2008), 362.

merupakan satu-satunya justifikasi dasar bagi pemberian kompensasi kepada si pekerja dari orang yang memintanya melakukan pekerjaan itu. Orang yang tidak mencurahkan kerja tidak memperoleh justifikasi untuk menerima pendapatan.

Mansor Jusoh dan Nor Ghani Md. Nor⁴⁵ menghuraikan bahawa buruh adalah satu sumber milik manusia. Berdasarkan konsep ini, buruh boleh dianggap faktor pengeluaran tanpa memberi implikasi bahawa pekerja yang menyumbang tenaga buruhnya dalam proses pengeluaran adalah hamba kepada manusia lain.

Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail⁴⁶ menghuraikan bagaimana konsep buruh dalam Islam serta bagaimana konsep dan peranan majikan dan konsep dan peranan buruh dalam Islam. Tulisan ini juga menghuraikan bagaimana hubungan antara hak dan kewajiban yang melekat kepada buruh dan majikan yang saling memerlukan. Hubungan buruh dan majikan merupakan suatu ikatan persaudaraan yang seharusnya berjalan harmoni karena ia mempunyai kaitan yang tak boleh dipisahkan. Peranan majikan dalam hal menjamin keberhasilan dalam bekerja para pekerjanya menjadi sangat perlu dijaga karena ia merupakan tanggung jawab yang selalu harus di tunaikan oleh para majikan. Selain itu, majikan juga semestinya memberikan ilmu berkenaan bidang kerja yang dijalankan oleh buruh guna meningkatkan keahlian buruh sehingga akan lebih mampu menghasilkan suatu barang atau jasa secara lebih baik, sehingga ia berkecukupan memperoleh upah sesuai dengan hasil kerjanya.

⁴⁵Nor Ghani dan MD. Nor, "Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif", *Islamiyyat* 27(1) (2005), 67-79.

⁴⁶Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail, "Tenaga Buruh dan Upah Dalam Islam", *Jurnal Islamiyyat*, 23 (1) (2001), 43-46.

1.8.4. Kajian Tentang Buruh di Aceh

Bank Indonesia cawangan Aceh dalam kajian regional⁴⁷ mendapati bahawasanya kondisi ketenaga kerjaan sedikit mengalami penurunan, di mana Tingkat Pengangguran Terbuka (TPT) mengalami kenaikan menjadi 7.87% pada Februari 2012. Meski demikian, Tingkat Partisipasi Angkatan Kerja (TPAK) tercatat meningkat menjadi 65.85%. Menurut lapangan pekerjaan utama, sektor pertanian masih menjadi penyerap tenaga kerja terbesar, dengan bahagian mencapai 50.24%. Tingkat kemiskinan di Aceh terus menunjukkan penurunan walaupun tipis. Dari 19.57% pada Maret 2011 menjadi 19.48% pada September 2011. Namun angka ini masih jauh di atas nasional yang sebesar 12.36% per September 2011. Kualiti kemiskinan Aceh juga membaik yang ditunjukkan oleh Indeks Kedalaman Kemiskinan sebesar 3.483 dan Indeks Keparahan Kemiskinan sebesar 0.936 pada September 2011.

Mawardi Umar⁴⁸ buruh kontrak dalam sistem perkebunan kapitalis pada masa kolonial, posisi *bargaining* buruh perkebunan getah di Aceh Timur dalam penentuan upah kerja sangat lemah. Bahkan buruh tidak punya peranan apa-apa terhadap kebijakan upah. Apabila buruh sudah menandatangani kontrak, maka seberapa pun kadar upah dan bagaimanapun kondisi kerja di perkebunan harus mereka terima. Apabila menolak, buruh tersebut dianggap melanggar kontrak kerja dan dapat dihukum. Upah kerja buruh perkebunan getah di Aceh Timur sangat tergantung pada kondisi finansial syarikat yang selalu berfluktuasi menurut harga getah di pasaran dunia. Upah juga disesuaikan dengan harga kebutuhan pokok, terutama beras. Saat harga beras naik upah tidak secara automatik naik, tetapi disesuaikan dengan keadaan kewangan syarikat. Dengan demikian, kesejahteraan buruh perkebunan getah di Aceh Timur pernah berubah walaupun upah naik.

⁴⁷Bank Indonesia, "Kajian Ekonomi Regional Prov. Aceh Triwulan 1-2012" (Jakarta, 2012).

⁴⁸Mawardi Umar, "Upah Buruh Onderneming Karet di Aceh Timur Tahun 1907-1939", *Humaniora*, Volume 21 (2009) 78

Sebagai buruh pada perkebunan yang berorientasi ekspor, keadaan kesejahteraan buruh perkebunan di Aceh Timur mengalami degradasi yang sangat parah, terjadi pada dekade awal tahun 1930-an, saat terjadinya depresi ekonomi. Meskipun harga beras juga ikut turun, namun turunnya upah yang sangat besar telah menyebabkan beban hidup buruh menjadi berat. Hal ini telah memberi kesan pada menurunnya kondisi kesehatan buruh dan keluarganya serta pendidikan bagi anak-anak mereka.

Makmur⁴⁹ menjelaskan bahawa salah satu kewajipan syarikat dalam program Jamsostek adalah mengikut sertakan tenaga kerja harian lepas pada syarikat jasa konstruksi ke dalam program kemalangan kerja. Kewajipan tersebut telah diatur dengan tegas dalam Keputusan Menteri Tenaga Kerja Nombor: 196/MEN/1999. Untuk Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam telah diatur lebih lanjut dengan instruksi Gubernur Nombor: 04/1NSTR/2000, tarikh 24 April 2000, tentang penyelenggaraan program Jamsostek bagi Tenaga Kerja Harian Lepas, Borongan dan Perjanjian Kerja Tertentu pada Sektor Jasa Konstruksi. Dalam kenyataannya banyak syarikat jasa konstruksi di Kota Banda Aceh yang memperkerjakan tenaga kerja harian lepas tidak mengikut sertakan mereka dalam program Jamsostek dan diantara tenaga kerja tersebut pernah mengalami kemalangan kerja, dan tidak mendapat ganti rugi atau santunan. Alasan syarikat tidak mengikut sertakan tenaga kerja harian lepas iaitu sulitnya kewangan syarikat, dan masalah pengurusan klaim yang lambat.

Surya Darma⁵⁰ dalam kajiannya menjelaskan bahawa investasi yang terserap oleh sektor industri di Aceh pada tahun 1990-2000 masih terkonsentrasi pada industri besar, di mana industri besar mempunyai investasi sebesar Rp 2,347,714 juta setiap tahunnya dan

⁴⁹Makmur, "Pelaksanaan Asuransi Kecelakaan Kerja Sebagai Salah Satu Program Dari Jamsostek Terhadap Buruh Harian Lepas Pada Syarikat Jasa Konstruksi (Suatu Penelitian di Kota Banda Aceh)" (Tesis, Jabatan Hukum, Universiti Sumatra Utara, 2008).

⁵⁰Surya Darma, *Analisis Pengaruh Investasi Sektor Industri Terhadap Penyerapan Tenaga Kerja di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam* (Banda Aceh: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Bireun, 2003)

industri menengah mempunyai investasi Rp 137,921 juta pertahun, sedangkan industri kecil mempunyai investasi sebesar Rp 96,000 juta tiap tahunnya. Jika dilihat secara keseluruhannya sektor industri mempunyai investasi sebesar Rp 2,795,019 juta setiap tahunnya. Pertumbuhan rata-rata investasi industri kecil tiap tahunnya sebesar 11.46 % dan industri menengah mempunyai pertumbuhan rata-rata investasi sebesar 7.11 % per tahun, sedangkan industri besar tumbuh rata-rata 2.70% tiap tahunnya dan secara keseluruhan sektor industri tumbuh rata-rata 3.01% pertahunnya. Hal ini menunjukkan bahawa investasi terbesar masih terkonsentrasi pada industri besar, namun jika dilihat dari rata-rata pertumbuhan tiap tahunnya maka investasi pada industri kecil lebih tinggi dibandingkan pertumbuhan rata-rata investasi pada industri menengah dan industri besar.

Dari hasil kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawasanya disertasi yang dikaji berbanding kajian terdahulu bahawa pengkaji tidak mendapati kajian ini telah dikaji sebelumnya. Oleh kerana itu pengkaji berhasrat untuk membuat satu kajian khusus tentang mekanisme penetapan upah minimum buruh dalam ekonomi Islam, suatu analisi terdapat polisi kerajaan Aceh, Indonesia dalam menetapkan Upah Minimum Provinsi (UMP) di provinsi Aceh, Indonesia. Di samping itu, juga untuk memperkemas serta melengkapkan lagi pengkajian yang dilakukan sebelum ini. Pengkaji juga menjadikan hasil-hasil kajian sebagai sumber panduan dan rujukan dalam mengembangkan dan menjelaskan dengan terperinci tentang konsep upah buruh dan upaya untuk melindungi hak-haknya mengikutikacamata Islam.

Jadual 1.3
Kajian lepas

Topik	Pengkaji
Ekonomi Buruh Konvensional (perlindungan hukum, sengketa dan konsep upah)	Budiyono (2007) Zulkifly Osman, dan Mohd Azlan Shah Zaidi (2002) Tonia Warnecke dan Alex De Ruyter (2012) Michele Ford (2010) Youngjin Choi (2008) Edy Pryono (2002)
Buruh atau pekerja dalam Ekonomi Islam	Umer Chapra (1995) Wan Rohani Sulaiman (1998) Iskandar Budiman (2004) Ahmad Iftikhar (2011) Adnan A. Zulfiqar (2007) Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor (2007) Patricia SloaneWhite (2011)
Hak dan Perlindungan Buruh dalam Ekonomi Islam	Muhammad Baqir Ash Shadar (2008), Nor Ghani dan MD. Nor, (2005) Surtahman Kastin Hasandan Abdul Ghafar Ismail(2001)
Kajian Tentang Buruh di Aceh	Bank Indonesia cawangan Aceh (2012) Mawardi Umar (2009) Makmur (2008) Surya Darma (2003)

1.9. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, data yang diperbaharui akan dipersoalkan dan kesimpulan kajian juga boleh diragukan. Dengan metodologi kajian juga suatu kajian akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, mudah dan berkesan. Metodologi bagi kajian ini dibincangkan secara khusus di bab ketiga. Secara umum metode-metode yang digunakan adalah sebagai berikut.

1.9.1. Metode Pengumpulan Data

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah data kualitatif. Di mana data akan dikumpulkan dari data-data dan maklumat berbentuk pengkajian dan penerbitan yang melibatkan kajian perpustakaan yang digunapakai untuk mendapatkan maklumat umum dan khusus berkaitan dengan kajian. Selain itu, data-data dokumentasi turut digunakan dengan merujuk kepada bahan-bahan yang diperolehi melalui institusi-institusi yang terlibat dengan kajian.

Kaedah temubual atau interview digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan kajian secara langsung dan terkini dari pihak yang berkaitan seperti kepada Dewan Pengupahan Provinsi Aceh, Ketua Asosiasi Buruh Aceh, Ketua Asosiasi Pengusaha Indonesia (APINDO) cawangan Provinsi Aceh, Ketua Bidang Hubungan Industri, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Aceh, Ketua Bidang Pengawas, Dinas Tenagakerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh. Soalan interview yang akan ditanyakan berkenaan dengan bagaimana sistem penetapan upah, kepatuhan syarikat dalam menerapkan keputusan kadar upah yang telah ditetapkan berdasarkan UMP, kepuasan buruh berkenaan kadar upah yang ditetapkan melalui UMP, serta pengaruh kadar upah yang ditetapkan terhadap pertumbuhan ekonomi buruh dan perkembangan syarikat.

Selain teknik pengumpulan data dengan temubual, pengkaji juga akan menggunakan bentuk pengumpulan data dengan pengamatan (*observation*), bentuk pengamatan dalam kajian ini adalah *direct observation* (pengamatan langsung) ke lapangan, yang diharapkan pengkaji akan mendapatkan data, yang kemudian akan dapat menyimpulkan keadaan yang terjadi di lapangan terhadap data primer yang diperolehi di lapangan. Dengan cara ini pengkaji akan dapat mengetahui secara langsung bagaimana peranan kerajaan dalam menentukan upah buruh dan kesannya terhadap kesejahteraan buruh dan perkembangan syarikat di Aceh. Tujuan pengamatan ini dilakukan adalah untuk melihat gambaran tentang

bagaimana kesan pelaksanaan penetapan upah minimum di kalangan buruh, apakah ada keterkaitan dalam meningkatkan kesejahteraan buruh, atau tidak sama sekali. Oleh kerana itu, tujuan pengamatan ini sangat penting untuk melihat gambaran yang jelas tentang masalah yang dihadapi buruh dan kerajaan, serta syarikat yang kemudian akan ditemukan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi tersebut.

Jadual 1.4
Senarai Responden yang ditemubual

Pihak	Individu Yang ditemubual	Jawatan
Dewan Pengupahan Provinsi Aceh	Hasbalah	Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh
Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Aceh	Pakeh Sulaiman	Seksi Pengupahan, Jaminan Sosial Ketenagakerjaan dan Kesejahteraan Tenaga Kerja
	Ichwan	Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan
Asosiasi Buruh Aceh	Syamsul Raden	Ketua Konfederasi Serikat Pekerja Seluruh Indonesia, cawangan Provinsi Aceh
Asosiasi Pengusaha Indonesia (APINDO)	Dahlan Sulaiman	Ketua Asosiasi Pengusaha Indonesia Provinsi Aceh
Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh	Gazali Mohd Syam	Ketua MPU Aceh
	Muslim Ibrahim	Timbalan MPU Aceh
Buruh Aceh	Muhammad Fauzal	Buruh di PT. Lafarge Semen Indonesia Provinsi Aceh
	Tarmizi	Tenaga Kontrak di Dinas Tanaman Pangan Provinsi Aceh
	Muhammad Iqbal	Pensyarah honorer di Fakultas Syariah, Universitas Islam Ar Raniry Banda Aceh
	Jamaluddin	Pekerja di Warung Kopi
	Arif Mirza	Pekerja di Warung Kopi

Melalui pengamatan ini peneliti akan datang ke rumah-rumah buruh yang akan ditentukan secara rawak, melalui pengamatan ini peneliti juga akan interview buruh secara langsung. Aspek-aspek yang akan diamati adalah berkisar antara bidang pemenuhan kebutuhan pokok keluarga iaitu antara lain keadaan dan status kepemilikan rumah, pemenuhan keperluan asas seperti makanan, pakaian serta, kesihatan, tingkat pendidikan anak, serta sarana dan prasarana sekitaran tempat tinggal buruh.

1.10. Metode Penganalisaan Data

Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah metode induktif dan deduktif. Metode ini bertujuan menganalisis sesuatu masalah dan membuat kesimpulan berdasarkan perkara-perkara atau maklumat yang bersifat umum yang diperoleh dari pada data-data yang bersifat khas dengan pembuktian hasil dari kajian ini.⁵¹

Semua hasil data dan maklumat yang diterima dikategorikan dalam kumpulan-kumpulan tertentu dengan membentuk jadual supaya kesimpulan umum dapat dilakukan. Maklumat yang dikumpulkan dapat membentuk fakta umum berkenaan kajian yang dilakukan melalui metode induktif.

Setelah itu, keseluruhan data dikaji dan dianalisis secara mendalam merujuk kepada keperluan persoalan dan objektif kajian dengan membentuk sub-kategori yang lebih khusus. Dengan itu, masalah kajian dapat dikenal pasti secara khusus dan lebih jelas dengan menggunakan kaedah analisis deduktif. Pengkaji menggunakan metode ini kerana berkaitan dengan polisi kerajaan Aceh dalam penetapan upah buruh dan pengaruhnya terhadap kesejahteraan buruh di Aceh.

⁵¹Andrian D, De Groot, *Methodology Foundation of Influence and Research in The Behavioral Sciences* (Belgium: Mounton and Co, 1960), 74.

1.11. Pecahan Bab

Dalam pengkajian kajian yang akan dijalankan nantinya, pengkaji akan membahagi tulisan ini terdiri dari beberapa bab pengkajian kajian. Bab pertama merupakan proposal kajian yang mengulas berkenaan dengan latar belakang kajian, objektif kajian, metodologi kajian, serta kajian.

Dalam bab dua, pengkaji akan menjelaskan dan memaparkan kedudukan buruh dalam ekonomi Islam, hak dan kewajipan, serta pembahagian buruh yang dikenal dalam ekonomi Islam. Selain itu pengkaji juga akan memaparkan bentuk upah dan cara pembayarannya dalam ekonomi Islam. Dalam bab dua ini pengkaji harap akan menjelaskan secara komprehensif berkenaan dengan teori buruh dalam ekonomi Islam. Selain itu dalam bab dua ini pengkaji juga akan menjelaskan peranan kerajaan dalam mengatur jalannya perekonomian masyarakat khususnya dalam melindungi hak-hak pekerja dalam negara muslim.

Pada bab ketiga, pengkaji akan membahas secara dalam metodologi yang di gunakan dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data serta analisis data yang terkumpul.

Bab keempat, pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap mekanisme penetapan upah di provinsi Aceh, Indonesia, sebagai usaha untuk melindungi hak-hak buruh. Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan proses-proses penetapan upah buruh, mulai dari analisis awal pasar buruh, inflasi, tingkat keahlian buruh Aceh hingga pada penetapan upah melalui keputusan Gabenor Aceh.

Bab kelima, kajian ini akan menganalisis secara mendalam proses dan kesan dari penetapan upah buruh di Aceh menurut ekonomi Islam. Penganalisisan ini lebih pada kesan setelah penetapan upah terhadap kesejahteraan dan tingkat kehidupan para buruh yang tersebar diseluruh Aceh. Diharapkan mampu memberikan solusi dan jalan keluar untuk menjawab permasalahan yang mungkin ada.

Bab keenam adalah penutup, di mana pengkaji akan memberikan kesimpulan dan saran dari seluruh kajian yang telah dilakukan. Tentunya sesuai dengan objektif kajian awal kajian ini. Apa-apa yang berkenaan akan direkomendasi untuk ditanggapi oleh pihak terkait.

Kajian ini diharapkan mampu diselesaikan paling lambat selama satu tahun setengah, ertinya target kajian ini diselesaikan pada akhir tahun 2013. Diharapkan kajian ini sudah berjalan secara penuh pada bulan September 2012 dengan sudah di setujui oleh Jabatan Ekonomi Islam melalui seminar tajuk. Setelah seminar tajuk dan telah diperbaiki sesuai cadangan para pensyarah yang hadir pada seminar tajuk, maka pengkaji akan langsung fokus untuk mencari bahan-bahan berkenaan dengan teori kajian ini untuk melengkapi pengkajian bab dua, diharapkan penyelesaian bab dua kajian ini hanya akan memakan waktu sekitar lebih kurang 4 bulan, ertinya di awal Januari 2013 pengkaji telah menyelesaikan bab dua dan telah boleh memulau untuk melakukan penelitian di lapangan.

Penelitian lapangan akan dimulai Januari 2013 dengan pengkaji akan pulang ke provinsi Aceh untuk melakukan kajian dengan *interview* pihak-pihak terkait, seperti ketua Dewan Pengupahan Provinsi Aceh, ketua organisasi persatuan buruh Aceh, pengkaji juga akan *interview* ketua syarikat pengusaha Aceh (APINDO). Diharapkan proses pengumpulan data ini boleh berjalan selama enam bulan.

Pertengahan tahun 2013, setelah proses pengumpulan data melalui *interview* telah berjalan lancar, dan pengkaji telah menulisnya dalam bentuk deskriptif, baru kemudian pengkaji akan memulau pengkajian dan analisis data hasil kajian lapangan. Diharapkan proses analisis data ini akan berjalan selama 6 bulan, ertinya kajian ini akan dapat submit akhir tahun 2013.

1.12. Kesimpulan

Peranan tenaga buruh dalam perekonomian adalah begitu besar. Buruh menjadi penggerak dalam proses pengeluaran sebuah barang, tanpa buruh barang dan perkhidmatan tidak akan boleh dinikmati oleh pengguna. Permasalahan buruh kemudian terjadi apabila pertumbuhan penduduk yang tidak seimbang dengan pertumbuhan perekonomian suatu negara, maka terjadilah kelebihan buruh yang mengakibatkan tidak seimbang nya permintaan dan penawaran buruh, yang berakibat pada turunnya nilai upah buruh yang harus dibayarkan oleh suatu syarikat atau majikan. Selain itu, sering juga terjadinya eksploitasi tenaga buruh oleh syarikat, di mana upah buruh tidak sesuai dengan jumlah jam kerja yang harus diselesaikan oleh seorang buruh, keselamatan dan kesejahteraan buruh diabaikan. Sungguh ini menjadi persoalan yang kritikal bagi banyak negara, oleh kerana itu para sarjana kapitalis menawarkan sebuah konsep, di mana negara harus melindungi hak-hak buruh dengan penetapan upah minimum yang diterima buruh dari syarikat. Sebahagian besar negara di dunia telah menerapkan konsep upah minimum ini termasuk Indonesia, yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Aceh yang merupakan salah satu provinsi yang ada di Indonesia juga telah melaksanakan polisi ini, yang beberapa tahun terakhir menjadi provinsi yang menetapkan upah buruh tertinggi di Indonesia. Padahal penetapan upah minimum sekaligus dengan penetapan yang tinggi belum tentu mampu meningkatkan kesejahteraan dan belum tentu sesuai dengan konsep ekonomi Islam, yang menekankan keadilan dan pemerataan. Oleh kerana itu, pengkaji menganggap kajian ini layak untuk dijalankan dan didalami, guna memahami bagaimana konsep penetapan upah buruh dalam sebuah ke-*khalifah* muslim, apakah sesuai diterapkan dan diimplementasikan sistem penetapan upah minimum yang ditawarkan oleh para sarjana kapitalis tersebut, atau sarjana muslim perlu menawarkan sebuah formula baru untuk melindungi hak-hak buruh di wilayah muslim, seperti di Aceh.

Kajian ini dilakukan untuk kepentingan akademik dan diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan dan juga dapat dipergunakan oleh mana-mana pihak yang berkepentingan termasuk juga kerajaan provinsi Aceh, Indonesia. Manakala skop kajian ini hanya ditumpukan pada konsep penetapan upah buruh oleh kerajaan di negara muslim menurut konsep ekonomi Islam dan menganalisis konsep penetapan upah minimum di Aceh dalam perspektif ekonomi Islam.

Dalam mendapatkan data dan menganalisisnya secara tepat memerlukan kepada kaedah metodologi yang sesuai agar hasil penyelidikan menjadi sebuah karya ilmiah yang baik. Data yang dihasilkan dari metode penyelidikan akan membantu pengkaji dalam menghasilkan rumusan kajian yang bermakna.

Sebuah keberhasilan kajian sangat dipengaruhi oleh kaedah kajian yang dipakai untuk mendapatkan data yang tepat. Untuk mencapai tujuan itu penyelidikan, pengkaji menggunakan metode penelitian yang berbentuk kajian perpustakaan dan kajian lapangan sebagai data sekunder dan data primer. Data primer diperolehi dari wawancara atau *interview* dan pengamatan atau *observasi* dan data sekunder diperolehi daripada kajian pustaka.

BAB II

BURUH DAN UPAH DALAM EKONOMI ISLAM

2.1. Pengenalan

Buruh dan syarikat merupakan sebuah unit kerja yang sangat menentukan dalam pencapaian tujuan ekonomi. Kedua unsur tersebut merupakan mata rantai yang saling berkait erat dalam menjalankan suatu usaha. Kedua belah pihak, masing-masing harus saling berhubungan dan saling memahami tugas dan kewajibannya. Oleh kerana itu, pemberian tanggungjawab untuk saling mengamanahkan hak dan wewenang haruslah diselesaikan dengan cara saling memahami pula. Kewajipan sebelah pihak menjadi hak bagi pihak yang lain, atau sebaliknya hak sebelah pihak menjadi kewajipan bagi pihak yang lain.

Buruh memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan dan peningkatan pembelanjaan di sektor pengeluaran, baik itu sektor kerajaan (pemerintah) mahupun sektor swasta. Peranan buruh ini boleh dirasakan baik ketika mereka berperanan secara individu mahupun secara berkumpulan. Mereka memberikan waktu dan kerja keras mereka untuk peningkatan kemakmuran dan kesejahteraan bagi Bangsa dan Negara.

Dalam perjalanan sejarah, buruh kerap ditempatkan dalam posisi yang dirugikan. Sejarah kelam ini disebabkan kerana pada zaman jahiliah dan negara-negara kapitalis zaman dahlulu sebelum revolusi industri buruh hanya dianggap masyarakat “*second class*”. Mereka tidak dianggap sebagai masyarakat yang mempunyai hak yang sama dengan masyarakat lain, khususnya para bangSAWan. Oleh kerana itu, revolusi industri menjadi momentum bagi buruh untuk memperbaiki kehidupan yang lebih baik. Namun harapan ini tidak sepenuhnya dapat tercapai, walaupun kaum buruh pernah menguasai politik di sebuah negara, seperti di Uni Soviet dan Italia. Kegagalan dalam usaha untuk memberikan hak dan kesejahteraan kepada pihak buruh ini adalah kerana sistem

pendekatan ekonomi yang dilakukan oleh pihak yang berwenang tidak tepat. Isu yang paling kerap menjadi akar masalah yang tidak boleh dicadangkan solusi oleh banyak sistem ekonomi di dunia adalah isu kedudukan dan peranan buruh dalam rangka pembangunan ekonomi. Selain itu, upah juga menjadi hal yang sangat sensitif jika membicarakan usaha untuk meningkatkan kehidupan buruh. Kapitalis, komunis, sosialis dan banyak sistem ekonomi lain tidak mampu memberikan cadangan yang cemerlang untuk menyelesaikan isu-isu tersebut.¹

Islam datang mengangkat darjat dan martabat buruh setingkat dengan majikan, di mana masing-masing mereka diberikan tanggung jawab kewajiban dan hak yang patut saling menghormati. Dalam lingkungan sosial-kemasyarakatan serta keagamaan, mereka bebas meningkatkan prestasi dan pengembangan jati diri tanpa ada pembatasan dari pihak mana pun, termasuk majikan. Ini menjadikan petunjuk bahawa Islam mempunyai solusi yang tepat dalam menyelesaikan isu-isu buruh dalam pembangunan ekonomi suatu negara. Setiap pihak dihormati dan dibela, tanpa adanya penindasan atau ketidakadilan kepada pihak lain, apa lagi yang memberikan kontribusi besar untuk pembangunan ekonomi negara seperti kontribusi para buruh.

2.2. Buruh dalam Ekonomi Islam

Semua sistem ekonomi mengakui bahawa buruh merupakan satu faktor pengeluaran, tidak kira apa asas ideologi masing-masing sistem ekonomi tersebut.² Namun demikian, sifat faktor pengeluaran tersebut menjadi berbeza di antara masing-masing sistem tersebut. Perbezaan ini terjadi kerana perbezaan dalam penempatan posisi buruh

¹Iskandar Budiman, *Dilema Buruh di Rantau* (Jogjakarta: Ar- Ruzz Jogjakarta, 2004), 165.

²Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis Jilid I*, terj. Radiah Abdul Kader (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1994), 100.

dalam proses pengeluaran. Perbezaan ini kemudian menjadi pembeza yang menjelaskan adakah sistem tersebut kapitalis, atau sosialis ataupun ekonomi yang berlandaskan syariat Islam.

2.2.1. Pengertian dan Konsep Buruh dalam Ekonomi Islam

Buruh bermaksud sebarang usaha dan ikhtiar yang dilakukan oleh tubuh atau fikiran manusia untuk mendapatkan ganjaran kewangan. Ianya termasuk semua jenis kerja yang dilakukan sama ada yang menggunakan tenaga fizikal atau kebijaksanaan bagi mendapatkan ganjaran.³ Menurut Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan, Buruh adalah setiap orang yang bekerja dengan menerima upah atau imbalan dalam bentuk lain.⁴

Buruh adalah sumber produktif milik manusia. Pada setiap diri manusia memiliki sumber yang boleh digunakan sebagai input dalam proses pengeluaran.⁵ Dalam istilah ilmu ekonomi konvensional sumber produktif yang dimiliki setiap manusia ini jika digunakan dalam proses pengeluaran barang atau perkhidmatan, maka ianya dianggap menjadi faktor pengeluaran.⁶ Penempatan sumber daya manusia yang kemudian dimanfaatkan dalam proses pengeluaran inilah kemudian menjadikan konsep dan hakikat buruh dalam ekonomi konvensional berbeza dengan hakikat buruh dalam ekonomi Islam.⁷

Buruh dalam ekonomi konvensional lebih diertikan adalah setiap individu yang diperintah dan dipekerjakan yang berfungsi sebagai salah satu faktor untuk proses

³Afzalur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol I, (Lahore: Islamic Publication Limited, 1975), h. 191.

⁴Undang-undang Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan

⁵Nor Ghani dan MD. Nor, "Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif", *Islamiyyat* 27(1) (2005): 67 - 79.

⁶*Ibid.*

⁷*Ibid.*

pengeluaran.⁸ Artinya, buruh hanya setakat menjadi alat untuk proses pengeluaran, ianya tidak berhak atas apa-apa yang ia keluarkan. Sedangkan dalam Islam, klasifikasi buruh sebagai faktor pengeluaran menurut ahli ekonomi Islam masih ada perbezaan. Perbezaan ini terjadi kerana pada dasarnya Al Qur'an dan Hadis memang tidak menyebutkan secara eksplisit berkenaan hal ini, tetapi hanya menjelaskan secara samar-samar. Dalam mengklasifikasikan faktor-faktor pengeluaran, para ahli ekonomi Islam kontemporari berbeza dalam melihat fungsi masing-masing faktor tersebut, sehingga ada yang menempatkan buruh sebagai faktor pengeluaran dan ada pula yang tidak.

Abu Saud misalnya, menerima pengklasifikasian faktor produksi sebagaimana dalam ekonomi konvensional, iaitu sumberdaya alam, usaha manusia (tenaga kerja) modal/capital, serta organisasi/syarikat. Dalam hal ini, Abu Saud berpendapat bahawa, modal fizik atau wang akan mengalami depresiasi sementara tanah tidak, oleh kerana itu sewa tanah tetap (*fixed rent*) dapat dikenakan terhadap modal namun tidak dapat dikenakan kepada sewa tanah.⁹

Berbeza dengan Abu Saud, ahli ekonomi Islam lain seperti Muhammad Abdul Manan, Shafi, Tahawi dan Sulaiman mengklasifikasikan buruh secara lebih luas menurut fungsi dan peranan masing-masing.¹⁰ Manan mengeluarkan modal/kapital dari faktor pengeluaran, sehingga hanya menetapkan tiga faktor pengeluaran iaitu wirausaha, tanah dan tenaga kerja (buruh). Manan menganggap modal adalah menyatu dengan tenaga kerja (buruh).¹¹ Shafi tidak memasukkan pengusaha sebagai faktor produksi sehingga hingga hanya tanah, buruh, dan modal sahaja yang menjadi faktor pengeluaran.¹² Sedangkan

⁸Syed Nawab Haider Naqvi, *Islam, Economics, and Society* (London and New York: Kegan Paul International, 1994), 158.

⁹Mahmud Abu Saud, *Outlines of Islamic Economics* (Kuwait: Shaba Islamic Press, 1994), 69.

¹⁰Pusat Pengajian dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universitas Islam Indonesia Yogyakarta atas kerja sama dengan Bank Indonesia, *Ekonomi Islam* (Yogyakarta: Rajawali Pers, 2008), 269.

¹¹Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 101.

¹²*Ibid.*

Tahawi mengklasifikasikan hanya dua faktor pengeluaran iaitu buruh dan kekayaan.¹³ Berbeza dengan ahli ekonomi Islam yang telah kita sebutkan di atas, yang secara keseluruhan setuju bahawa buruh merupakan faktor pengeluaran, maka Sulaiman dalam mengklasifikasikan faktor pengeluaran mengeluarkan buruh sebagai faktor pengeluaran. Ianya menganggap lebih penting tanah dan modal untuk kegiatan pengeluaran, dibandingkan buruh.¹⁴ Pemikiran Sulaiman ini berlandaskan pada anggapan bahawa siapa sahaja yang bekerja dengan tanah dan modal, maka mesti akan mendapatkan keuntungan dari pengeluaran.¹⁵

Meskipun para ahli ekonomi Islam tidak sefahaman dalam mengklasifikasi faktor pengeluaran, khususnya berkenaan dengan kedudukan buruh dalam faktor pengeluaran. Namun secara mendasar mereka sefahaman untuk memperhatikan aspek-aspek kemanusiaan dan keadilan dalam tenaga kerja, serta mereka menekankan pentingnya bekerja bagi setiap muslim yang beriman sebagaimana ajaran Islam.

Ajaran Islam menempatkan buruh tidak hanya semata-mata satu jumlah tenaga kerja atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pembeli tenaga kerja. Nilai-nilai Islam menghendaki para syarikat atau sesiapa yang mengupah buruh untuk memperlakukan buruhnya seperti anggota keluarganya sendiri.¹⁶ Setiap mereka yang mengupah buruh ini mempunyai tanggung jawab moral dan sosial.¹⁷ Buruh haruslah diperlakukan dengan hormat dan kasih sayang serta kesejahteraan mereka harus dijamin.¹⁸

¹³*Ibid.*

¹⁴M. Manzoor Alam, *Perspective on Islamic Economics* (New Delhi: Institute of Objective Studies, 1996), 142.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶Umer Chapra, *Islam and The Economic Challenge*, (USA: The Islamic Foundation dan The International Institute of Islamic Thought, 1995), 253.

¹⁷Yusuf Qardawi, *Norma dan Etika Ekonomi Islam*, terj. Zainal Arifin (Jakarta: Gema Insani Press, 1995), 111.

¹⁸Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam* (Purwokerto: STAIN Press, 2010), 23.

Jika pada zaman modern sekarang ini seorang buruh mempunyai harta dalam bentuk tenaga yang boleh dijual pada harga yang paling tinggi yang boleh dicapainya. Namun, dalam Islam seorang buruh tidak dibenarkan atau tidak bebas melakukan apa yang dikehendaki sesuka hatinya berkenaan dengan tenaga dan kelebihannya.¹⁹ Seorang buruh tidak dibenarkan terlibat dalam pekerjaan yang dilarang oleh *syariah*.²⁰ Pekerja dan syarikat tidak dibolehkan menindas satu sama lain. Tanggung jawab seorang buruh yang bekerja pada sebuah syarikat tidak berakhir apabila seorang pekerja meninggalkan kilang majikannya, melainkan beliau mempunyai tanggungjawab moral untuk melindungi kepentingan undang-undang majikannya dan pekerja-pekerja yang kurang bernasib baik.²¹

Dalam ekonomi konvensional aspek moral dan sosial inilah yang tidak akan kita dapati dengan jelas.²² Hal ini boleh kita lihat dalam gagasan yang dikemukakan oleh Hellbroner dan Thurow dalam buku mereka yang bertajuk *The Economic Problem*. Gagasan mereka berkenaan aspek moral buruh ini adalah menempatkan faktor-faktor pengeluaran yang dikaji dalam ekonomi modern bukan merupakan ciri-ciri alam semula jadi yang kekal. Ia adalah hasil ciptaan satu proses perubahan sejarah, satu perubahan yang mengasingkan buruh dari kehidupan sosial dan menjadikannya satu kuantiti usaha yang abstrak yang ditawarkan kepada para syarikat yang memerlukan tenaga kerja. Perubahan yang memisahkan nilai-nilai tanah dari hak-hak istimewa yang dikaitkan dengan darjat dan kuasa pada zaman dahulu. Satu perubahan yang memperkenalkan idea modal ke dalam satu masyarakat yang sudah biasa dengan kekayaan tetapi tidak pernah menganggapnya sebagai

¹⁹Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 100.

²⁰Yusuf Qardawi, *Norma dan Etika Ekonomi Islam*, 113.

²¹Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 101.

²²*Ibid.*

sesuatu yang sangat penting bukan dari segi rupa dan bentuk tetapi dari segi apa yang dapat dihasilkannya.²³

Dengan gagasan yang dikemukakan oleh tokoh ekonomi kapitalis tersebut maka terlihat jelas bahawa Islam melihat buruh dari segi yang lebih jelas dan lebih terbatas. Ia dilihat lebih luas kerana Islam melihat penggunaan perkhidmatan buruh melewati batas-batas pertimbangan kewangan semata-mata. Sedangkan Islam melihat buruh sebagai hal yang lebih terbatas kerana seorang buruh tidak mempunyai kebebasan mutlak untuk melakukan apa yang disukai dengan tenaga kerjanya.²⁴

2.2.2. Peranan Buruh dalam Ekonomi Islam

Buruh yang melalui tenaganya menjadi faktor pengeluaran terpenting dalam proses pengeluaran suatu barang atau perhitmatan adalah pihak yang sangat patut untuk dilindungi dan dihargai. Kekayaan semulajadi suatu negara tidak akan berguna dan bermanfaat kepada masyarakat Negara tersebut sebelum kekayaan semulajadi tersebut dieksploitasi dengan cara yang terbaik sehingga ianya boleh digunakan oleh seluruh lapisan masyarakat. Eksploitasi dan proses pengubahan suatu barang yang awalnya belum boleh dimanfaatkan oleh masyarakat kemudian dengan tenaga dan kerja keras buruhlah akhirnya barang-barang tersebut boleh digunakan secara luas oleh masyarakat.

Allah SWT menghadiahkan kepada manusia suatu alam yang begitu kaya dengan sumberdaya semula jadi, air, udara, tanah, ataupun api menjadikan alam ini tidak akan habis menyediakan kekayaan kepada setiap manusia yang hidup di dalamnya. Namun, yang perlu selalu diingat adalah semua kekayaan alam yang membentang sejauh mata

²³Heilbroner, Robert, L. & Thurow, Lester, C, *The Economic Problem*, 4th edition, (New Jersey: Prentice – Hall, Inc, 1972), 76.

²⁴*Ibid.*

memandang ini tidak akan berguna sedikitpun jika tidak dimanfaatkan dan dieksploitasi oleh tangan-tangan ahli manusia (buruh). Tanpa kerja keras semua kekayaan yang tidak akan habis ini akan tetap tersimpan didalam rahim alam.

Oleh kerana itulah maka selain sumberdaya alam yang pada dasarnya memang telah tersedia di persekitaran manusia, faktor bekerja keras secara bersungguh-sungguh serta tekun setiap rakyat menjadi sangat penting untuk mengeksploitasi kekayaan semula jadi Negara untuk faedah mereka sendiri. Dalam Al Qur'an telah menekankan betapa pentingnya pengeluaran kekayaan negara oleh kerja keras manusia. Penekanan ini terdapat dalam Surah *al-Najm* ayat 39 iaitu:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Al-Najm 53:39

Ertinya: *Dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya.*

Dalam ayat di atas dijelaskan bahawa tidak ada cara lain selain bekerja keras jika mahu mendapatkan sesuatu manfaat dari alam ini. Usaha setiap individu manusia merupakan penentu untuk memperoleh kemajuan dan kejayaan. Semakin individu tersebut bersungguh-sungguh maka semakin banyak harta yang akan diperolehinya.²⁵

Kekayaan alam yang diberikan Allah adalah untuk seluruh manusia yang hidup di dunia ini, ia nya tidak mengenal perbezaan di kalangan manusia. Kekayaan ini diberikan kepada lelaki mahupun perempuan, kepada manusia yang berkulit putih juga kepada yang berkulit hitam, atau juga diberikan kepada yang beriman mahupun kepada yang tidak beriman. Sesiap saja yang bekerja keras maka akan mendapatkan ganjaran masing-masing yang sepatutnya. Prinsip ini dipakai untuk para individu mahupun kepada negara. Prinsip

²⁵Afzal Ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol I, h. 189.

ini dijelaskan dalam Al Qur'an Surah *al-Anfal* ayat 53 melalui firman Allah yang bermaksud:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَأَنَّ اللَّهَ

سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٣﴾

Al-Anfal 8:53

Ertinya: *(siksaan) yang demikian itu adalah kerana Sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dianugerahkan-Nya kepada suatu kaum, hingga kaum itu meubah apa-apa yang ada pada diri mereka sendiri, dan Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.*

Konsep kekayaan yang diberikan Allah kepada manusia ini memang pada dasarnya adalah bersifat percuma akan tetapi Dia tidak memberikan kekayaan ini untuk diambil secara sewenang-wenang, sesuka hati manusia. Ianya mempunyai peraturan umum bahawa kurnia Allah hanya diberikan kepada individu-individu atau negara yang bekerja keras dan bersungguh-sungguh.²⁶

Dari seluruh penjelasan berkenaan peranan buruh di atas, maka akan didapatkan bahawasanya peranan buruh dalam ekonomi Islam adalah buruh merupakan sebagai satu-satunya pihak yang paling berperanan dalam mengolah sumberdaya alam yang telah diberikan Allah di muka bumi ini. Tanpa adanya usaha dan kerja keras buruh maka semua akan menjadi tidak bermanfaat. Peranan ini menjadi keharusan yang dibebankan kepada setiap individu manusia untuk bekerja sebaik-baiknya agar kebahagiaan dunia dan akhirat boleh dirasai oleh setiap manusia.

²⁶*Ibid*,190.

2.3. Hak dan Kewajipan antara Buruh dan Syarikat

2.3.1. Hak dan Kewajipan Buruh

Perjanjian kerja antara buruh dengan syarikat dengan sendirinya membentuk suatu tanggung jawab kerja bagi sang buruh dan majikan, di mana tanggung jawab adalah dalam bentuk hak dan kewajipan dimasing-masing pihak. Pelaksanaan kewajipan dari salah satu pihak adalah hak bagi pihak yang lain. Tanggung jawab tersebut haruslah ditunaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan dengan berdasarkan pada perjanjian bersama dan ketentuan undang-undang yang berlaku. Ketentuan syariat Islam dengan jelas telah mengatur berkenaan dengan hal ini dimana Allah telah berfirman dalam Surah *al-Maidah* ayat 1 iaitu:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَوْفُوْا بِالْعُقُوْدِ ...

Al-Maidah 5:1

Ertinya: *Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu.*

2.3.1.1. Kewajipan Buruh

Kewajipan-kewajipan seorang buruh yang mesti dilaksanakan dalam konteks bekerja adalah:²⁷

1. Kewajipan melaksanakan pekerjaan. Kewajipan ini dapat dihuraikan lagi menjadi:
Bekerja dengan baik dan rapi, melaksanakan tugas tanpa diperintah, melaksanakan tugas dengan ikhlas.
2. Wajib menunaikan perintah majikan. Setiap buruh wajib taat kepada setiap perintah majikan berdasarkan perjanjian kerja yang telah dibuat, hal inilah yang diajarkan dalam syariat Islam. Namun perintah yang wajib dituruti oleh buruh ini adalah perintah yang masih dalam rwang lingkup syariat Islam, jika perintah tersebut telah mengarah kepada kemaksiatan dan kemudaratan diri, maka haramlah untuk melakukannya.

²⁷Iskandar Budiman, *Dilema Buruh di Rantau*, 181

3. Kewajipan untuk memohon. Pekerja dalam Islam mempunyai hak untuk memohon agar mempertimbangkan segala kewajipan yang menyangkut hak-hak kemanusiaan, seperti pemeliharaan jiwa, harta, kehormatan dan agama kepada sang majikan.
4. Kewajipan menjaga kod etik. Etika dalam perjanjian kerja harus dijaga, kerana hal itu ditetapkan berdasarkan kewajipan untuk memelihara amanah dan mencegah kemudharatan bagi tiap-tiap pihak.
5. Kewajipan untuk memelihara kemudahan dan perlengkapan kerja. Pekerja diharuskan menjaga dan memelihara peralatan kerja, iaitu semua peralatan yang digunakan untuk mendukung proses pekerjaan buruh. Penjagaan peralatan kerja ini tidak hanya ketika peralatan tersebut sedang digunakan dalam proses kerja, tetapi penjagaan ini juga harus tetap dilakukan sehingga pekerjaan tersebut selesai digunakan.
6. Kewajipan untuk mengganti peralatan yang dirusakkan atau hilang. Allah SWT dan syarikat akan meminta pertanggung jawaban setiap pekerjaan yang dikerjakan oleh seorang buruh, dunia dan akhirat. Dalam kes ini, tanggung jawab yang menjadi beban pekerja adalah bagi pekerja khusus dan organisasi pekerja.

2.3.1.2. Hak-Hak Buruh

Pada masyarakat pra-Islam, pekerjaan perburuhan pada umumnya diisi oleh para hamba. Keadaan hamba pada saat itu sangat menderita kerana pada umumnya mereka hanya diberikan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang tidak berpatutan, bahkan mereka sering mendapatkan perlakuan yang buruk dari para tuannya. Hamba tidaklah dianggap sebagai manusia yang memiliki pelbagai hak bahkan kerap kali hamba dijadikan komoditi yang boleh diperjualbelikan.

Keadaan yang begitu tidak menghormati kaum hamba ini kemudian direformasi sedikit demi sedikit oleh Rasul SAW. Reformasi emansipasi dan kesejahteraan pada hamba

ini dilakukan dengan arahan-arahan sederhana seperti mengharuskan orang mempunyai sikap saling mengasihi, bersikap berperikemanusiaan, dan memperbaiki keadaan hamba dalam sosial masyarakat. Arahan-arahan sederhana ini pada hakikatnya Rasulullah sedang melakukan perubahan struktur yang berakar dalam hubungan-hubungan ekonomi. Hamba yang awalnya bekerja untuk tuannya tanpa diupah ditingkatkan menjadi saudara dan rakan tuannya. Mereka diarahkan untuk memiliki sumber-sumber daya yang dimiliki tuannya. Tuannya diharapkan untuk meningkatkan kehidupan para hamba mereka sama dengan kehidupan mereka sendiri. Reformasi ini juga menjadikan hamba pada posisi sebagai rakan kerja yang majikan, bahkan menjadi pemegang saham. Reformasi yang dilakukan oleh Nabi ini dikemudian hari membentuk pembangunan ekonomi yang lebih kuat dan teratur.²⁸

Konsep yang diamalkan oleh Rasul pada awal Islam ini menjadi acuan dasar bagi implementasi perlindungan hak-hak buruh menurut ekonomi Islam. Dari konsep ini, maka didapati bahawa hak-hak yang harus diperolehi seorang buruh ketika sudah ada kontrak kerja adalah:²⁹

1. Buruh berhak menerima upah yang memungkinkan baginya menikmati kehidupan yang layak.
2. Buruh tidak boleh diberi pekerjaan yang melebihi kemampuan fizikalnya; dan jika suatu waktu dia dipercayakan menangani pekerjaan yang sangat berat maka dia harus diberi bantuan dalam bentuk beras atau modal yang layak, atau kedua-duanya.
3. Buruh harus diberi bantuan rawatan yang tepat jika sakit dan membayar biaya rawatan yang sesuai pada saat itu.

²⁸Uswatun Hasanah, "Hak - Hak Buruh Dalam Perspektif Hukum Islam", *Law Review Volume XII No. 1 - Juli* (2012), 61.

²⁹Afzalur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, (Lahore: Islamic Publication Limited, 1975), h. 391-392

4. Penentuan yang layak harus dibuat untuk pembayaran dana saraan bagi pekerja. Majikan dan pegawai boleh dimintai sumbangan untuk dana tersebut, tetapi sebagian besar akan disumbang negara dari dana zakat.
5. Para majikan harus didorong untuk mengeluarkan sadaqahnya (sumbangan suka rela) terhadap pekerja dan anak-anaknya.
6. Mereka harus dibayar dari keuntungan insuran pengangguran pada musim pengangguran yang berasal dari dana zakat. Hal ini akan memperkuat kekuatan perjanjian mereka dan akan membantu dalam menstabilkan tingkat upah pada suatu tingkatan yang wajar dalam negeri.³⁰
7. Mereka harus dibayar dengan ganti rugi yang sesuai atas kecelakaan yang terjadi dalam pekerjaan.³¹
8. Barang-barang yang dibuat dalam kilang tempat mereka bekerja harus diberikan kepada mereka secara gratis (bila mereka memerlukannya) atau menjual kepada mereka dengan harga yang lebih murah dari harga pasar.
9. Mereka harus diperlakukan secara baik dan sopan dan dimaafkan jika mereka melakukan kesalahan selama bekerja.
10. Mereka harus disediakan akomodasi yang layak agar kesehatan dan efisiensi kerja tidak terganggu.
11. Setiap pekerja mempunyai hak untuk rehat dan juga mendapatkan ketenangan jasmani dan ruhani. Tuntutan hak ini menjadi tanggung jawab syarikat selama ia masih terikat dengan perjanjian kerja dengannya.
12. Hak Cuti. Buruh berhak mendapatkan cuti sehari dalam seminggu jika ianya melakukan perjanjian kerja dalam masa yang panjang. Hari cuti ini tetap dikira

³⁰Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran Menurut Ekonomi Islam" (Tesis: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1998), 64.

³¹Afzalur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, 298.

sebagai hari kerja bagi buruh, sehingga ianya berhak mendapatkan gaji seperti biasa. Cuti lain yang diperolehi oleh seorang buruh adalah cuti sakit, namun dalam hal ini cuti yang diperolehi oleh seorang buruh jika ia dalam keadaan sakit maka ianya tidak berhak mendapatkan gaji.

13. Hak untuk berprestasi. Setiap buruh berhak untuk mempertingkatkan prestasi kerjanya. Prestasi kerja seorang buruh adalah salah satu usaha yang patut dihargai oleh pihak syarikat.

2.3.2. Hak dan Kewajipan Syarikat

2.3.2.1. Kewajipan Syarikat

Adapun yang menjadi kewajipan-kewajipan syarikat terhadap para pekerja adalah sebagai berikut:

1. Kewajipan Membayar Gaji

Kewajipan membayar gaji juga dibahas dalam pelebagaan Undang-undang Islam, yang disebut dengan upah, di mana upah merupakan salah satu rukun dari pada *ijarah*, iaitu *'iwad* (bayaran) yang berhak diterima oleh pekerja atas usaha yang telah dilakukannya. Dalam hukum Islam pembayaran upah kepada pekerja menjadi kewajipan utama yang harus dipenuhi oleh yang mempekerjakannya (syarikat), seperti firman Allah dalam Surah *Al-Baqarah* ayat 233 iaitu:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارُّ وَالِدَةُ بَوْلِدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ ۗ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ

عَلَيْهِنَّ وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Al-Baqarah 2:233

Ertinya: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, Iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. dan kewajiban ayah memberi Makan dan pakaian kepada Para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan seorang ayah kerana anaknya, dan warispun berkewajipan demikian. apabila kedua-duanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan kedua-duanya dan permusyawaratan, Maka tidak ada dosa atas kedua-duanya. dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, Maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan.

2. Memberikan Pelatihan atau Training

Training merupakan suatu usaha untuk dapat mewujudkan kestabilan dan menciptakan mekanisme kerja yang efektif. Jadi syarikat mempunyai kewajiban memberikan bekal kepada para pekerja sesuai dengan kebutuhannya dalam menyelesaikan pekerjaan selama dalam masa perjanjian kerja. Ketentuan ini bersesuaian dengan ketentuan-ketentuan dalam akad *ijarah*, iaitu pihak pekerja akan mendapatkan upah setelah pekerjaannya dapat diselesaikan, jadi sudah menjadi kewajipan bagi syarikat untuk memberikan modal kepada para pekerja. Jika modal yang dibutuhkan berupa peralatan kerja, maka syarikat berkewajipan untuk menanggung biaya pembelian dan jika modal yang dibutuhkan berupa keperluan mendasar dari pekerja, maka hal itu menjadi tanggungan pekerja yang nantinya akan dipotong dari jumlah upah yang diberikan.³²

3. Kewajipan Menghormati Buruh

Kewajipan menghormati buruh atau konsep menghormati sesama manusia telah dijelaskan dalam Al Quran *al Hujarat* ayat 13 dimana Allah SWT telah berfirman:

³²M. Manzoor Alam, *Perspectives on Islamic Economics* (New Delhi: Institute of Objective Studies, 1996), 144.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujarat 49:13

Ertinya: *Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*

Ayat ini bermakna bahawa setiap muslim haruslah menghormati muslim yang lain tanpa memandang kepada kedudukan, pangkat, golongan, suku bangsa dan harta. Hal ini juga ditegaskan dengan sabda Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa:

Tidak ada keutamaan bagi orang Arab atas orang Ajam (yang bukan Arab), dan begitu juga sebaliknya, kecuali mereka yang lebih tinggi tingkat ketakwaannya.³³

4. Kewajipan Memberi Kemudahan

Ajaran Islam telah mengajarkan agar setiap muslim tidak saling menzalimi satu sama lain dan tidak membiarkan salah satu dari padanya dizalimi, namun Islam memerintahkan agar setiap muslim menjalin hubungan baik antar sesama muslim, dan saling memberi pertolongan dalam usaha yang baik-baik.

Larangan untuk tidak menzalimi satu sama lain juga berlaku dalam hubungan syarikat dan buruh, di mana syarikat berkewajipan untuk memberikan kemudahan bagi buruh. Kemudahan yang dimaksud adalah pemberian istirahat atau cuti kepada para pekerja yang mencakup istirahat mingguan, bulanan, dan juga tahunan. Pemberian masa rehat sangatlah bermanfaat bagi para pekerja kerana jika para pekerja harus bekerja terlalu lama ditakutkan terjadinya tekanan mental maupun gangguan fizik , maka dengan beristirahat diharapkan dapat mengatasi hal-hal tersebut.

³³Al-Syaukani, Nail al-Autar , 94.

2.3.2.2. Hak-hak Syarikat

Syarikat adalah satu pihak yang paling penting dalam sebuah perjanjian kerja antara buruh dan syarikat. Syarikat merupakan pihak yang paling bertanggung jawab dalam membuka lapangan pekerjaan-pekerjaan baru di suatu negara. Syarikat juga merupakan pihak yang merekrut pekerja, kemudian membayar upah para buruh serta melakukan pengawasan kerja secara menyeluruh. Kesemua peranan ini kemudian menjadikan syarikat berhak terhadap para pekerjanya. Di antara hak-hak syarikat secara umum adalah mencakup:

1. Pengaturan Kerja. Pihak syarikat berhak untuk mengatur setiap proses kegiatan kerja harian yang sesuai dengan waktu dan kemampuan serta keahlian yang dimiliki oleh pekerja. Semua pengaturan ini bertujuan untuk mempertingkatkan produktivitas dan kesejahteraan pihak pekerja.
2. Hak Mengajar. Semua syarikat yang mempekerjakan buruh mempunyai hak untuk memberikan pengajaran berkenaan pekerjaan yang akan dikerjakan, ini semua bertujuan untuk menghasilkan pekerjaan yang lebih baik. Ketentuan ini diqiaskan kepada ketentuan di mana setiap pemimpin mempunyai tanggung jawab untuk membimbing masyarakatnya supaya masyarakatnya boleh mengembangkan diri ke arah yang lebih berprestasi.³⁴
3. Hak untuk Memutuskan Aqad. Perjanjian kerja antara buruh dan syarikat merupakan perjanjian kerja yang dilandaskan pada aqad *ijarah*, maka perjanjian kerja antara buruh dan syarikat ini tidak boleh diputuskan oleh hanya kemahuan sebelah pihak, sebelum berakhirnya jatuh tempoh aqad. Akan tetapi, jika syarikat berada dalam

³⁴Muhammad Amin al Shamir Ibnu Abidin, *Radd al Mukhtar*, 16.

keadaan yang tidak menguntungkan pihak syarikat diperbolehkan untuk memutuskan perjanjian kerja walaupun belum jatuh tempoh.³⁵

2.4. Penawaran Buruh

Jumlah penduduk yang tinggi, menyebabkan jumlah buruh yang memerlukan pekerjaan tidak sebanding dengan jumlah industri atau syarikat. Sehingga pengangguran tidak dapat dihindari. Permasalahan lebih buruh ini kerap terjadi pada negara-negara yang sedang berkemabang termasuk Indonesia. Lebih buruh ini kemudian memuculkan pasaran buruh yang akan dipilih oleh syarikat-syarikat yang akan memerlukan perkhidmatan mereka. Penawaran buruh di pasar buruh ini bergantung kepada tiga faktor iaitu:

1. Kecekapan Buruh

Dalam Islam kecakapan dan kesempurnaan hasil kerja buruh sangat dijunjung tinggi. Islam mengajarkan agar sebarang jenis kerja harus diselesaikan dengan cekap dan sempurna, sesuai dengan target yang diharapkan dalam pengeluaran suatu barang. Para buruh dinasihatkan agar mengilang setiap keluaran dengan baik, menarik dan tahan lama. Biasanya kecekapan sangat bergantung kepada kesihatan fizikal, mental serta moral, pendidikan dan latihan para buruh itu sendiri.³⁶

2. Mobiliti Buruh

Mobiliti buruh ialah pergerakan buruh daripada satu kawasan geografi ke kawasan yang lain.³⁷ Mobiliti buruh akan memberi kesan pada keadaan ekonomi buruh, Hal ini disebabkan kerana dengan diperbolehkan perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain.

³⁵Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 209.

³⁶*Ibid.*

³⁷*Ibid*, 203.

Maka, buruh dapat mencari mana tempat yang boleh memberi upah dengan nilai yang lebih tinggi, dan jika perpindahan ini disekat, maka tempat yang terdapat banyak buruh seperti daerah pedalaman yang menghasilkan banyak bekalan buruh akan mendapat upah yang rendah dan tempat yang kekurangan buruh atau sedikit bekalan buruh akan dapat memperoleh upah yang lebih tinggi.

Mobiliti buruh sangat penting dalam pergerakan ekonomi, di mana dewasa ini masalah ekonomi dan sosiopolitik semakin banyak, maka mobiliti buruh dapat menjadi suatu kaedah yang sangat tepat dan berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Pada dasarnya Islam telah mengiktirafkan bahawa setiap buruh mempunyai hak untuk menentukan pilihan di mana ia akan bekerja sesuai dengan kemampuan yang dimilikinya, dan melihat kepada kadar upah yang akan diberikan kepadanya. Buruh juga diperbolehkan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mencari upah yang lebih tinggi. Bahkan Allah menyuruh umat manusia untuk mencari rezeki di muka bumi ini dengan berhijrah dari suatu wilayah ke wilayah lain yang lebih subur.³⁸ Firman Allah dalam surat *an-Nisa* ayat 97 iaitu:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنفُسَهُمْ ۗ بَلِ اللَّهُ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ۗ إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْتُمُ
 الْمَلَائِكَةَ ظَالِمِيٍّ أَنفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ ۗ قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ ۗ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ
 أَرْضُ اللَّهِ وَسِعَةً فَهَاجِرُوا فِيهَا ۗ فَأُولَٰئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

. An-Nisa 4:97

Ertinya: *Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan Malaikat dalam Keadaan Menganiaya diri sendiri (kepada mereka) Malaikat bertanya : "Dalam Keadaan bagaimana kamu ini?". mereka menjawab: "Adalah Kami orang-orang yang tertindas di negeri (Mekah)". Para Malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi itu?". orang-orang itu tempatnya neraka Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali.*

³⁸*Ibid*,205.

Dan dalam Surah 'al-Mulk' ayat 15 Allah berfirman:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Al-Mulk 67:15

Ertinya: *Dia yang menjadikan bumi untukmu dengan mudah kamu jalani, maka berjalanlah kamu pada beberapa penjurunya dan makanlah rezeki Allah.*

Ayat-ayat di atas telah jelas menyuruh kepada umat manusia terutama yang beriman untuk mengembara ke tempat lain supaya dapat memperbaiki keadaan ekonomi masing-masing dan dapat memberi kemakmuran kepada Negara. Para sahabat Rasulullah SAW. telah menggalakkan untuk berhijrah kerana mereka sangat memahami kepada konsep ini, di antaranya Sayidina Umar r.a, sahabat Rasulullah yang menjadi khalifah kedua iaitu setelah Abu Bakar. Beliau berkata:

“Wahai kaum Muslimin! Kamu patut mengetahui satu-satunya sumber kehidupan di Hijaz ialah dengan bergerak dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari padang rumput. Di sini tiada sumber kehidupan yang lain lagi”.³⁹

3. Penduduk

Jumlah penduduk di sebuah negara adalah faktor yang juga mempengaruhi penawaran buruh dalam negara berkenaan. Malthus yang merupakan ahli ekonomi konvensional risau dengan peningkatan jumlah penduduk yang terus berkembang. Kerisauan ini berlandaskan kepada jika pertambahan penduduk tidak dikawal maka ianya akan menjadi masalah, kerana pertumbuhan penduduk tidak seimbang dengan pertumbuhan pengeluaran makanan. Jika hal ini terjadi, maka akan meningkatnya penduduk yang tidak terpenuhi makanan pokok mereka, sehingga akan terjadi krisis kelaparan. Teori Malthus ini

³⁹Tabari dipetik oleh Dr. Yusuf-ud-Din, 219-221.

mengungkapkan bahawa pertumbuhan penduduk bertambah secara geometri manakala sumber makanan bertambah secara kira-kira (*arith metical progression*).⁴⁰ Oleh sebab itu, untuk menyelesaikan masalah pertumbuhan penduduk ini maka ekonomi konvensional menawarkan pengawalan kelahiran secara tiruan. Dalam Islam, tidak mengenal semua andaian para pemikir barat ini, dimana dalam Al Qur'an Surah *al-Jasiyah* ayat 12-13 iaitu:

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ ۗ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾
 وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ

يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Al-Jasiyah 45:12-13

Ertinya: Allah-lah yang menundukkan lautan untukmu supaya kapal-kapal dapat berlayar padanya dengan seizin-Nya dan supaya kamu dapat mencari kurnia -Nya dan Mudah-mudahan kamu bersyukur. Dan Dia telah menundukkan untukmu apa yang di langit dan apa yang di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir.

Ayat di atas dengan jelas menolak dengan tegas teori-teori yang dikemukakan oleh ahli barat ini di mana pada hakikatnya dalam Islam sumber daya yang ada tidaklah terbatas. Namun, keahlian dan tenaga manusia sahaja yang terbatas sehingga tidak mampu maksimal dalam memanfaatkan sumber yang telah ada. Lautan, daratan dan langit telah ditundukkan oleh Allah untuk para manusia sebagai rahmat kehidupan di dunia, hanya saja rahmat ini akan diperoleh dengan kerja keras. Jadi secara jelas Islam menegaskan bahawa seberapa banyak pun jumlah penduduk yang ada di bumi akan tetap sama peluang untuk memperoleh rezeki baik dalam bentuk makanan mahupun dalam bentuk lain yang menjadi pendukung kehidupan mereka.

⁴⁰Afzal Ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, 206.

Namun demikian, walaupun rezeki telah disediakan kepada tiap-tiap manusia tapi bukan berarti Islam tidak mengakui isu lebih buruh. pengakuan ini boleh dilihat dengan pengakuan Islam terhadap usaha untuk mengatasi kemiskinan melalui zakat. Kemiskinan yang merupakan akibat dari ketidak merataan distribusi kekayaan diselesaikan dengan penyaluran zakat, dimana diharapkan dengan zakat ini maka ketidakadilan distribusi kekayaan akan sedikit berkurang. Oleh kerana itu, maka lebih penduduk dan kemiskinan secara undang-undang diakui oleh Islam, namun lebih penduduk yang kemudian menyebabkan kemiskinan ini lebih disebabkan oleh kerana ketidak cekapan masyarakat tersebut untuk mendapatkan pekerjaan. Oleh kerana inilah, konsep Islam sangat mementingkan peningkatan keahlian melalui belajar. Dengan keahlian yang cukup maka sudah semestinya seseorang tersebut mampu menundukkan laut, langit dan daratan yang merupakan rahmat dari Allah SWT.⁴¹

Selain dengan peningkatan keahlian melalui belajar, Islam juga menjamin umatnya bahawa tidak akan kekurangan makan (rezeki) dengan cara berpindah atau berhijrah seperti yang telah dijelaskan pada pembahasan sebelumnya. Dengan berhijrah, isu lebih buruh yang menjadi masalah besar menurut pemikir ekonomi barat akan terselesaikan.⁴²

2.5. Konsep Upah Dalam Ekonomi Islam

2.5.1. Pengertian Upah

Upah merupakan komponen yang sangat penting dalam berjalannya sebuah perjanjian kerja. Upah akan mempengaruhi semangat dan motivasi kerja seorang buruh. jika komponen upah ini tidak ditunaikan secara adil dan berpatutan, maka hal ini akan mempengaruhi daya beli dan taraf hidup buruh serta keluarga mereka, dan secara tidak

⁴¹*Ibid.*, 211.

⁴²Nor Ghani dan MD. Nor, "Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif", *Islamiyyat* 27(1) (2005), 67 – 79.

langsung juga akan mempengaruhi daya beli suatu masyarakat, kerana pada dasarnya buruhlah yang merupakan pengguna terbesar hasil pengeluaran syarikat dan juga akan mempengaruhi pendapatan negara.

Dari segi bahasa Arab, upah disebut *al ujah* yang bererti 'iwad (ganti).⁴³ Oleh kerana itulah, maka kata *al SAWab* (pahala) dinamai juga *al ajru* atau *al ujah* (upah).⁴⁴ Menurut fuqaha upah merupakan imbalan yang diperolehi buruh dari syarikat, atau harga yang dibayarkan kepada buruh kerana jasanya dalam proses pengeluaran.⁴⁵ Afzal ur Rahaman juga mengatakan bahawa upah adalah harga yang dibayarkan pekerja atas jasanya dalam produksi kekayaan, seperti faktor produksi lainnya, tenaga kerja diberi imbalan atas jasanya, dengan kata lain, upah adalah harga dari tenaga yang dibayar atas jasanya dalam pengeluaran.⁴⁶

Dalam Al Qur'an, definisi upah tidak tercantum secara jelas. Namun pemahaman upah dicantumkan dalam bentuk pemaknaan tersirat, seperti firman Allah SWT dalam Surah *at-Taubah* ayat 105 iatu:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

At-Taubah 9:105

Ertinya: *Dan Katakanlah: "Bekerjalah kamu, Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.*

Dalam undang-undang Indonesia No 13 tahun 2003 tentang ketenagakerjaan pasal 1 ayat 30 yang berbunyi "Upah adalah hak pekerja/buruh yang diterima dan dinyatakan

⁴³Ahmad Warson Munawwir, Kamus al-Munawwir, h. 9

⁴⁴Helmi Karim, *Fiqh Muamalah* (Jakarta: Raja Grafindo, 1993), 29.

⁴⁵Iskandar Budiman, *Dilema Buruh di Rantau*, 202

⁴⁶Afzalur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, (Lahore: Islamic Publication Limited, 1975), h. 272

dalam bentuk wang sebagai imbalan dari pengusaha atau pemberi kerja kepada pekerja/buruh yang ditetapkan dan dibayarkan menurut suatu perjanjian kerja, kesepakatan, atau peraturan perundang-undangan, termasuk faedah bagi buruh dan keluarganya atas suatu pekerjaan dan/atau jasa yang telah atau akan dilakukan (UU No 13 Tahun 2003 pasal 1 ayat 30).⁴⁷

Sedangkan menurut Peraturan Pemerintah Indonesia (PP) No 5 tahun 2003 upah memiliki erti hak pekerja yang diterima dan dinyatakan dalam bentuk wang sebagai imbalan dari pengusaha kepada pekerja atas suatu pekerjaan atau jasa yang telah atau akan dilakukan, ditetapkan dan dibayarkan menurut suatu perjanjian kerja, kesepakatan, atau peraturan mengikut undang-undang, termasuk faedah bagi pekerja dan keluarganya (PP no 5 Tahun 2003 tentang UMR pasal 1 point b).⁴⁸

Dari dari pelbagai pengertian upah di atas maka dapat diambil kesimpulan bahawa upah atau *al-ujrah* merupakan pembayaran atau imbalan yang wujudnya dapat bermacam-macam, yang dilakukan atau diberikan seseorang atau suatu kelembagaan atau instansi terhadap orang lain atas usaha, kerja dan prestasi kerja atau pelayanan (*servicing*) yang telah dilakukannya.

2.5.2. Pendekatan Upah dalam Ekonomi Islam

Dalam Islam, ketentuan upah sudah sangat jelas diterangkan dalam Al Qur'an, dimana salah satu Surah yang menerangkan akan hal ini adalah dalam Surah *al Taubah* ayat 105 seperti yang telah diterangkan di atas. Selain itu penjelasan berkenaan upah juga dijelaskan dalam Surah *az-Zumar* ayat 34 iaitu:

⁴⁷Undang-Undang Indonesia No 13 Tahun 2003 Tentang Ketenaga Kerjaan

⁴⁸Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 5 Tahun 2003 Tentang Pajak Penghasilan Atas Penghasilan Yang Diterima Oleh Pekerja Sampai Dengan Sebesar Upah Minimum Propinsi Atau Upah Minimum Kabupaten/Kota, Pasal 1.

هُم مَّا يَشَاءُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ ذَٰلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

Az-Zumar 39:34

Ertinya: Mereka memperoleh apa yang mereka kehendaki pada sisi Tuhan mereka. Demikianlah Balasan orang-orang yang berbuat baik.

Kata *muhsin* dalam ayat di atas di tafsir oleh Quraish Shihab sebagai manusia yang harus berperilaku positif baik yang sifatnya *duniawi* mahupun yang *ukhrawi*. Ini bermakna seseorang yang akan mendapatkan balasan dari Allah SWT adalah mereka yang selalu melakukan aktiviti positif di dunia mahupun di akhirat. Hal ini juga menjadi landasan konsep upah dari setiap pekerjaan yang manusia lakukan. Konsep upah (pembalasan) ini tidak hanya setakat pada perbuatan yang dilakukan, namun juga diukur berdasarkan motivasi yang ada dalam diri manusia tersebut.⁴⁹

2.5.2.1. Kriteria Penetapan Kadar Upah

Isu berkenaan cara penetapan kadar upah buruh diperbincangkan oleh para ahli ekonomi secara komprehensif, namun dalam hal ini para ahli masih berbeza pendapat dalam hal penentuan kriteria penetapan upah. Di mana perbezaan ini disebabkan oleh faktor berkenaan apakah yang mesti diterima oleh seorang buruh atau bagaimanakah upah buruh ditentukan. Hal inilah yang menyebabkan banyak teori ahli berbeza pendapat dalam menentukan upah buruh. Banyak teori yang dikemukakan oleh para ahli ekonomi untuk menjawab persoalan dalam penetapan kadar upah buruh, di mana sebahagian para ahli ini mengemukakan teori bahawa upah ditentukan oleh taraf hidup. Sedangkan sebahagian para ahli ekonomi lain menekankan peranan keluaran *Sut* (kos tambahan yang ditanggung oleh firma kerana menambahkan satu unit output) dalam menentukan kadar upah buruh.⁵⁰

⁴⁹Quraish Shihab (2002), *op.cit*, h. 670

⁵⁰Afzal ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, 273.

Dalam penetapan kadar upah, ajaran Islam menawarkan sesuatu konsep yang berbeza dari pada konsep atau teori-teori yang telah dikemukakan oleh para ahli ekonomi konvensional. Islam menawarkan penetapan kadar upah berdasarkan prinsip keadilan, upah ditentukan melalui perundingan antara majikan dengan buruh. Islam juga menawarkan penetapan kadar upah yang saksama tanpa sikap memilih kasih atau menindas pihak mana pun. Konsep dasar ini menjadikan kerangka penetapan upah menjadi lebih dinamis dan harmonis antara buruh dengan majikan. Rumusan konsep dasar penetapan upah menurut Islam ini antara lain sebagai berikut:

2.5.2.1.1. Berdasarkan Prinsip Persamaan

Dalam penetapan kadar upah buruh, upah mesti ditentukan kadarnya melalui cara yang paling saksama, di mana penentuan ini haruslah tidak memilih kasih atau menindas pihak manapun. Semua pihak haruslah memperoleh bahagian yang sah dari setiap hasil kerja dan usahanya, hal ini harus bebas dari pada menzalimi pihak manapun. Prinsip penetapan kadar upah dengan cara persamaan untuk semua orang atau pihak ini berlandaskan kepada firman Allah SWT dalam Surah *al-Baqarah* ayat 79 iaitu:

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا
 فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Al-Baqarah 2:79

Ertinya: *Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis Al kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya; "Ini dari Allah", (dengan maksud) untuk memperoleh Keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan yang besarlah bagi mereka, akibat apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri, dan kecelakaan yang besarlah bagi mereka, akibat apa yang mereka kerjakan.*

Konsep ini memberikan peringatan kepada pihak yang melakukan perjanjian kerja agar bertindak adil dan saksama kepada semua orang dalam urusan mereka dengan cara tidak mengkhianati orang lain dan tidak pula merosak kepentingan sendiri. Tindakan dengan tidak membayarkan upah buruh secara adil berdasarkan kerja dan khidmat mereka terhadap syarikat merupakan suatu tindakan menganiaya pihak buruh. Manakala menganiaya syarikat pula boleh terjadi apabila buruh memaksa pihak syarikat untuk membayar upah melebihi kerja yang diberikan buruh pada syarikat.

Atas dasar perinsip inilah kemudian setiap pihak pada dasarnya diawasi dan dikawal oleh Allah SWT, di mana semua kegiatan manusia akan diberi balasan di dunia mahupun di akhirat. Semua buruh akan dibayarkan upah mereka menurut apa yang mereka kerjakan sehingga tidak ada pihak manapun yang akan dianiaya. Dengan konsep ini menjamin keadilan dalam penetapan kadar upah buruh, berdasarkan sumbangan buruh tersebut dalam proses pengeluaran. Setiap pengeluaran dalam upah buruh tanpa diikuti oleh pengurangan sumbangan mereka dalam pengeluaran dianggap sebagai suatu tindakan yang tidak adil dan zalim.⁵¹

2.5.2.1.2. Berdasarkan Prinsip Keadilan

Dalam penentuan kadar upah buruh, Islam menekankan penetapan upah berdasarkan prinsip keadilan. Penetapan kadar upah dalam masyarakat Islam ditentukan melalui perundingan di antara syarikat, buruh, dan kerajaan. Kepentingan pihak buruh dan syarikat akan diambil kira secara saksama sebelum upah ditentukan. Peranan kerajaan dalam penetapan upah agar memastikan agar upah ditetapkan pada kadar yang tidak terlalu rendah sehingga buruh tidak berupaya menyediakan keperluan hidup mereka dengan secukupnya. Penetapan upah ini juga diharapkan tidak terlalu tinggi sehingga

⁵¹Afzal ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II , 275.

mengurangkan hak syarikat untuk memperolehi bahagian yang adil daripada hasil keluaran mereka bersama.⁵²

Salah satu solusi untuk menerapkan suatu tingkap upah yang saksama di sebuah negara Islam maka perlu adanya penetapan tingkat upah minimum dengan mengambilkira perubahan dalam golongan pekerja dan dalam keadaan apa sekalipun tingkat upah ini tidak boleh jatuh. Penetapan tingkat upah minimum ini haruslah dibuat berdasarkan perubahan tingkat umum harga barang dan kos sara hidup. Tingkat upah minimum pula sudah pasti ditentukan oleh sumbangan buruh dan pertambahan sewajarnya berkadar dengan peningkatann sumbangan buruh.⁵³

2.5.2.1.3. Penetapan Kadar Upah Minimum

Hubungan antara syarikat dengan buruh sangatlah sensitif, di mana kerap kali terjadinya tindakan ketidakadilan terhadap kepentingan dan perlindungan hak buruh oleh syarikat. Dengan hubungan yang sensitif ini maka dalam ajaran Islam telah mengajarkan dan menerapkan usaha-usaha kuat untuk melindungi hak-hak buruh daripada semua bentuk penceroboh oleh pihak syarikat. Setiap pihak syarikat dipertanggungjawabkan untuk menetapkan kadar upah minimum yang harus mampu memenuhi keperluan asas hidup buruh seperti makanan, pakaian, tempat kediaman, dan sebagainya agar pekerja dapat menikmati taraf hidup yang sepatutnya.⁵⁴ Ketentuan pemenuhan keperluan asas buruh ini dinyatakan dalam firman Allah dalam Surah *Taha* ayat 118-119 iaitu:

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَصْحَىٰ ﴿١١٩﴾

Taha 20:118-119

⁵²*Ibid.*

⁵³*Ibid.*

⁵⁴Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran", 81.

Ertinya: *Sesungguhnya kamu tidak akan kelaparan di dalamnya dan tidak akan telanjang, dan sesungguhnya kamu tidak akan merasa dahaga dan tidak (pula) akan ditimpa panas matahari di dalamnya.*

Kadar upah yang dibayar kepada buruh haruslah cukup untuk membiayai keperluan makanan serta pakaian yang mencukupi, tempat tinggal yang berpatutan. Kadar upah tersebut juga harus mampu membiayai pendidikan yang baik bagi anak-anak buruh, juga harus boleh mendapatkan kemudahan perubatan untuk keluarga buruh. Kesan buruk terhadap pekerja dan perekonomian negara akan timbul jika segala keperluan asas buruh ini tidak mampu dipenuhi melalui kadar upah yang telah ditetapkan. Perasaan tidak puas hati di kalangan pihak buruh akan melahirkan perasaan benci dan pertentangan kelas dalam masyarakat yang akhirnya menghancurkan persatuan, melenyapkan kestabilan ekonomi serta sosial negara.⁵⁵

Aturan tanggung jawab negara Islam dalam menjamin kadar upah yang berpatutan untuk upah buruh di jelaskan juga dalam Surah *Hud* ayat 6 iaitu:

إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٦﴾

Hud 11:6

Ertinya: *Kecuali orang-orang yang sabar (terhadap bencana), dan mengerjakan amal-amal saleh; mereka itu beroleh ampunan dan pahala yang besar.*

Setiap negara yang penduduknya terdiri dari umat Islam yang bermakna merupakan Khalifah Allah di muka bumi maka sudah seharusnya merumuskan dan menerapkan peruntukan untuk sara hidup setiap individu rakyatnya. Hal berkenaan ini memang sudah menjadi tanggung jawab utama negara untuk memantau semua buruh di negara tersebut memperoleh kadar upah yang munasabah. Upah tersebut juga harus memastikan agar kadar

⁵⁵*Ibid.*

upah tidak jatuh di bawah tingkat minimum untuk membolehkan buruh mendapatkan semua keperluan asasnya.⁵⁶

2.5.2.1.4. Penetapan Kadar Upah Maksimum

Pada poin sebelumnya telah dijelaskan bahawa kadar upah buruh harus ditetapkan berdasarkan penetapan upah minimum untuk melindungi kadar upah yang diterima buruh. Islam pada dasarnya memang mengharuskan penjagaan tingkat upah agar jangan jatuh tingkat minimum yang telah ditentukan berdasarkan tingkat kebutuhan pemenuhan keperluan asas golongan buruh. Islam juga tidak mengizinkan kadar upah meningkat dengan sewenang-wenang melebihi satu tingkat tertentu yang ditentukan oleh sumbangan mereka terhadap pengeluaran. Sama dengan pentingnya penetapan kadar upah minimum, penetapan kadar upah maksimum yang harus dikeluarkan oleh syarikat juga sangat penting ditetapkan oleh negara Islam.⁵⁷

Penetapan kadar upah maksimum ini bertujuan agar berlaku adil dan saksama di antara buruh dengan syarikat, selain itu juga bertujuan untuk mengekalkan tahap kecakapan para buruh. Penetapan upah maksimum ini juga bertujuan agar syarikat tidak membelanjakan semua pendapatan syarikat hanya untuk membayar upah buruh dan juga bertujuan untuk mengekalkan kadar pelaburan dan tingkat yang sewajarnya.⁵⁸ Penetapan kadar upah maksimum ini diatur dalam Al Quran pada Surah *an-Najm* ayat 39 iaitu:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

An-Najm 53:39

Ertinya: *Dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya.*

⁵⁶ Surtahman Kastin Hasan (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 208.

⁵⁷ Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran", 81.

⁵⁸ Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 209.

Ayat di atas menegaskan apa sahaja yang boleh dituntut oleh seorang pekerja daripada syarikat tempat ia bekerja. Penetapan kadar upah maksimum yang boleh dituntut oleh seorang pekerja harus sama dengan apa yang telah ia sumbangkan kepada pengeluaran beserta sama-sama dengan faktor pengeluaran lain. Landasan hukum penetapan kadar upah maksimum juga dijelaskan dalam Surah *Yasin* ayat 54 iaitu:

فَالْيَوْمَ لَا تُظَلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٤﴾

Yasin 36:54

Ertinya: *Maka pada hari itu seseorang tidak akan dirugikan sedikit pun dan kamu tidak dibalasi, kecuali dengan apa yang telah kamu kerjakan.*

Pada dasarnya telah menjadi hal yang lumrah bahawa seseorang yang mengerjakan sesuatu maka akan memperoleh hasil atau hak yang setimpal dengan apa yang telah ia kerjakan. Hukum ini juga mencakup dengan konsep penetapan kadar upah pada buruh. Buruh akan memperoleh ganjaran yang setara dan sebanding dengan apa yang telah ia sumbangkan terhadap pengeluaran. Firman Allah SWT dalam Surah *an-Nahl* ayat 96 iaitu:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

An-Nahl 16:96

Ertinya: *Apa yang di sisimu akan lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah adalah kekal. dan Sesungguhnya Kami akan memberi Balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.*

2.5.2.1.5. Penetapan Berdasarkan Permintaan dan Penawaran

Penetapan kadar upah berdasarkan penetapan upah minimum serta penetapan kadar upah maksimum memperjelas bahawa Islam menyediakan kawalan keselamatan dan melindungi hak syarikat dan juga hak buruh. Namun penetapan kadar upah yang sebenar

harus berkisar antara dua batasan iaitu menurut hukum permintaan dan penawaran terhadap buruh, yang kemudian akan dipengaruhi oleh taraf hidup yang menjadi kebiasaan bagi pihak buruh, kekuatan kesatuan sekerja, serta keyakinan pihak syarikat terhadap Allah SWT dan hari pembalasan.⁵⁹

Di antara dua hukum ini kemudian kadar upah ditetapkan di antara tingkat upah minimum dan upah maksimum yang di tentukan oleh taraf hidup sederhana dan sumbangan yang diberikan oleh setiap buruh dalam proses pengeluaran. Kadar upah akan bergerak pada tingkat taraf hidup yang menjadi kebiasaan bagi golongan buruh jika kesatuan buruh lemah serta tidak berkesan dan keimanan pihak syarikat kepada Allah serta hari pembalasan diragui. Sebaliknya jika kesatuan sekerja buruh kuat dan keyakinan pihak syarikat terhadap Allah tegah, maka kadar upah akan bergerak mendekati tingkat upah maksimum yang ditentukan oleh sumbangan buruh kepada pengeluaran.⁶⁰ Negara Islam akan memainkan peranan secukupnya berkenaan penetapan kadar upah yang berpatutan dan adil kepada para pekerja.⁶¹

Jika terjadi upah jatuh di bawah kadar upah minimum yang telah ditetapkan, maka Kerajaan Islam berhak untuk ikut campur dan menetapkan kadar upah minimum yang sesuai dengan keperluan terkini para buruh. Tetapi, jika ajaran Islam yang sesuai disampaikan kepada orang ramai untuk mengukuhkan orang ramai terhadap keyakinan kepada Allah dan hari pembalasan serta membangun semangat pengorbanan dalam diri individu buruh, maka kadar upah tidak akan jatuh di bawah tahap minimum dan kerajaan tidak perlu ikut campur dalam hal ini. Jika pihak syarikat sedar dengan ikhlas akan tanggungjawab mereka terhadap para buruh mereka, maka mereka pasti akan membayar upah yang mencukupi kepada para buruh mereka supaya dapat menutup keperluan asas

⁵⁹Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran", 53.

⁶⁰Afzal Ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol I, 198.

⁶¹Wan Rohani Sulaiman, "Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran", 53.

buruh mereka. Sesungguhnya dalam masyarakat Islam yang sebenarnya, kadar upah yang dibayarkan cukup tinggi kerana ia bertujuan untuk menarik pekerja lebih hampir kepada majikan mereka sekurang-kurangnya dari segi keperluan asas mereka.⁶²

2.5.2.2. Cara Pembayaran Upah Buruh

Sejak awal Islam Rasulullah SAW mengajarkan kepada para sahabat untuk menghormati para pekeja di mana pada saat itu pekerja merupakan hamba yang menjadi orang suruhan. Rasulullah selalu menasihati para sahabat untuk membayar upah yang baik kepada para pekerjanya. Anas yang pada saat itu menjadi orang suruhan Rasulullah yang begitu lama menyatakan bahawa Baginda tidak pernah membayar upah yang rendah kepada sesiapa pihak.⁶³

Pembayaran upah mengikut ajaran Islam adalah harus berlandaskan sabda Rasulullah SAW yang ertinya:

“Berikanlah gaji kepada pekerja sebelum kering keringatnya, dan beritahukan ketentuan gajinya, terhadap apa yang dikerjakan”.⁶⁴

HR. Ibnu Majah.

Dari hadis di atas Rasulullah mengilustrasikan mekanisme pembayaran upah buruh dengan menganalogikannya dengan peluh buruh, di mana landasan konsep ini bermakna pembayaran upah buruh mestilah dilakukan dengan segera, tidak menunda-nundanya. Begitu cepat peluh buruh kering selepas bekerja, maka begitu juga upah harus segera dibayar. Hadis di atas secara luas juga menjelaskan bahawa upah buruh dibayar mengikut kepada kerja buruh berkenaan. Semakin banyak atau berat pekerjaan yang kerjakan oleh

⁶²Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 203.

⁶³Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam* (Purwokerto: STAIN Press, 2010), 21.

⁶⁴Tarmizi, jilid V, h. 231, dan Ibn Majah, dipetik oleh Dr. Yusuf-ud-Din, op.cit., h 202

seorang buruh atau semakin banyak peluh yang dikeluarkan oleh seorang buruh, maka semakin banyak pula hak (upah) yang harus dibayarkan syarikat kepadanya.⁶⁵

Konsep dasar sistem pembayaran upah mengikut hadis di atas memang sangat susah untuk diterapkan di zaman sekarang ini, di mana sistem pembayaran upah pada zaman sekarang mengikut kadar upah kerja dalam satu period, biasanya dalam waktu satu bulan. Di mana upah dikira mengikut kerja selama satu bulan kerja, baru kemudian dibayarkan kadar upah mengikut kerja tersebut. Berkenaan hal ini, jika mengikut konsep hadis di atas tidaklah bercanggah dari sistem pembayaran upah mengikut ajaran Islam kerana pada dasarnya konsep pembayaran upah sebelum peluh buruh kering adalah konsep yang menegaskan bahawa pembayaran upah buruh yang sudah menunaikan pekerjaannya namun terlambat dibayarkan upahnya. Konsep ini juga secara kontekstual melarang pemutusan perjanjian kerja secara tidak profesional, pembayaran upah di bawah kadar upah yang telah ditetapkan oleh Negara (upah minimum).⁶⁶

2.6. Pemerintah dan Ekonomi

2.6.1. Pemerintah Menurut Islam

Secara naluriah, dalam suatu tatanan sosial masyarakat baik ianya kecil mahupun besar perlu adanya ketua atau pemimpin. Ketua atau pemimpin adalah pihak yang akan bertindak sebagai pengawas, pengawal, penasihat atau wali bagi kumpulan tatanan sosial tersebut. Dalam ajaran Islam mempunyai satu set matlamat dan nilai yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia termasuk sosial, ekonomi dan politik. Semua elemen ini adalah saling terkait dan melengkapi, ianya merupakan satu keseluruhan yang konsisten. Dengan berlandaskan matlamat ini cara hidup Islam tidak akan terbentuk tanpa sebuah

⁶⁵Wan Rohani Sulaiman , “Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran”, 77.

⁶⁶*Ibid.*

masyarakat tersusun yang diperintah mengikut ajaran Islam.⁶⁷ Kekacuan dan pergaduhan merupakan suatu hal yang sangat di benci dalam Islam, hal ini ditegaskan dalam Surah *al-Baqarah* ayat 205 iaitu:

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾
Al-Baqarah 2:205

Ertinya: *Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerosakan padanya, dan merosak tanam-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan. Ungkapan ini adalah ibarat dari orang-orang yang berusaha menggoncangkan iman orang-orang mukmin dan selalu mengadakan pengacauan.*

Penegasan Allah SWT melalui firmanNya di atas merupakan penegasan di mana pentingnya suatu organisasi dan autoriti dalam suatu masyarakat Islam. Penegasan pentingnya organisasi dalam suatu masyarakat Islam juga dicerminkan dalam beberapa kenyataan dan perbuatan sebenar para sahabat dan dalam pemikir alim ulama Islam. Khalifah kedua iaitu Umar r.a menegaskan bahawa suatu masyarakat yang tersusun tidak akan wujud tanpa seorang *imam* (daulat) dan tidak ada imam tanpa adanya ketaatan.⁶⁸

Pemerintah adalah hak mutlak Allah SWT dimana Allah SWT adalah pemerintah yang sebenarnya di alam semesta ini kerana Ia lah yang menciptakan dan memilikinya. Manusia yang kemudian dilantik untuk menjadi khalifah di dunia mempunyai ikatan dan syarat untuk patuh sepenuhnya terhadap perintah dan petunjuk Allah SWT. Manusia sebagai wakil Allah SWT di dunia ini sudah sepatutnya taat dan patuh perintah dan arahanNya. Menjadi makluk yang memikul amanah sebagai khalifah maka setiap manusia harus melaksanakan semua tanggungjawab yang diberikan Allah SWT kepadanya selaku seorang

⁶⁷Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 193.

⁶⁸Khurshid Ahmad, *Kajian dalam Ekonomi Islam*, terj. Sibly Bin Maros (Jeddah: The Islamic Foundation, 1980), 214.

khlifah. Dengan kepatuhan dan pelaksanaan amanah inilah menjadi jalan satu-satunya untuk menyelamatkan manusia serta orang yang dipimpinnya dari azab dan kesengsaraan hidup di dunia dan di akhirat.⁶⁹

Kekuasaan pemerintah merupakan suatu amanah dari setiap aspek pelaksanaan tanggungjawab. Kesedaran dalam memahami hakikat bahawa semua kekuasaan, pemerintah dan kerajaan merupakan milik Allah SWT maka kerajaan yang bersifat sebagai khlifah Allah SWT adalah harus tunduk kepada segala kehendak-Nya secara keseluruhan. Hal ini juga bermakna bahawa setiap rakyat yang berada dalam kekhalifahan tersebut juga harus mentaati pemerintah yang tunduk kepada Allah SWT tersebut.⁷⁰

2.6.2. Negara Sebagai Penjamin Kebajikan

Tugas Rasulullah SAW telah ditakrifkan oleh Al Qur'an sebagai *rahmad* bagi semua umat Islam. Sebahagian dari manifestasi *rahmad* telah dijelaskan dalam Al Qur'an secara jelas dan terang. Hal ini termasuklah antara lain mencakup hal-hal memupuk kehidupan yang baik (*hayat tayyibah*) dan kebajikan (*falah*), menyediakan kesenangan dan menghapuskan kesusahan, mewujudkan kemakmuran, memelihara suasana cinta dan kasih sayang, serta memastikan kebebasan daripada kerosakan moral, kelaparan, ketakutan, dan ketegangan mental.⁷¹ Kesemua jaminan sosial dalam masyarakat ini menjadi tanggung jawab semua organisasi dan institusi termasuk Negara, institusi ini haruslah mencerminkan sifat *rahmad* dan menjaga kebajikan semua orang.⁷²

Fungsi kebajikan Negara Islam telah ditegaskan dengan khusus oleh Rasulullah apabila beliau bersabda yang bererti:

⁶⁹ Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 194.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Muhammad Baqir Ash Shadr, *Iqtishaduna: Buku Induk Ekonomi Islam*, terj. Yudi (Jakarta: Zahra, 2006), 539.

⁷² Khurshid Ahmad, *Kajian dalam Ekonomi Islam*, 226.

*Setiap pemerintah yang bertanggung jawab bagi hal-ehwal orang-orang Islam tetapi tidak berusaha dengan jujur untuk menjaga kesejahteraan mereka, tidak akan memasuki syurga bersama-sama mereka.*⁷³

HR. Al Bukhari

Kekhalifahan yang kemudian dipimpin oleh sahabat-sahabat terbaik Rasulullah SAW kemudian menerapkan dan menghayati peranan kebajikan Negara Islam sebagaimana yang diajarkan Rasulullah melalui hadis di atas. Umar ra yang merupakan khalifah yang kedua umat Islam pada masa itu pernah menulis surat kepada Abu Musa Gabenor di suatu daerah, yang isi surat tersebut berbunyi: “orang yang terbaik dalam kewibawaan ialah seseorang yang di bawah pemerintahannya terdapat ramai pengikut yang menikmati kesejahteraan, manakala pemerintah yang paling buruk adalah seseorang yang di bawah pemerintahannya terdapat ramai yang menderita kesusahan”. Melalui hadis dan surat Umar tersebut maka alim ulama Islam telah bersepakat bahawa menjaga kebajikan orang ramai dan meringankan mereka daripada penderitaan dan kesusahan merupakan objektif utama *syariah* dan menjadi tanggung jawab Negara Islam dalam melaksanakannya.⁷⁴

Sudah semestinya menjadi kewajipan pemerintah dalam menjamin kebajikan rakyatnya dalam semua sektor kehidupan. Namun demikian, perhatian khusus perlu diberikan kepada bidang pekerjaan kerana ia merupakan sumber pendapatan untuk penghidupan. Pemerintah mesti menyediakan keperluan hidup rakyatnya seperti pekerjaan, pelajaran, perusahaan, kemudahan awam, dan kesihatan.⁷⁵ Dalam penyediaan lapangan pekerjaan kepada rakyatnya Negara perlu memberikan perhatian khusus kerana dalam ajaran Islam sangat menentang pengangguran dan peminta-minta. Dalam sebuah kisah pernah seorang penganggur datang mengadu kepada Nabi Muhammad SAW akan masalahnya tidak mempunyai pekerjaan, lantas Nabi memberikan kapak dan tali kemudian

⁷³Tarmizi, jilid V, h. 231, dan Ibn Majah, dipetik oleh Dr. Yusuf-ud-Din, op.cit., h 202.

⁷⁴Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, 206.

⁷⁵*Ibid.*, 194.

menyuruhnya mencari kayu api. Dari peristiwa tersebut maka kita dapat menarik suatu kesimpulan beberapa pengajaran berhubungan dengan peranan pemerintah dalam menjamin lapangan pekerjaan terhadap rakyatnya, iaitu:⁷⁶

- 1) Menyediakan tempat aduan pengangguran untuk mengetahui golongan yang memerlukan pekerjaan;
- 2) Menyediakan bidang pekerjaan yang sesuai untuk diceburi;
- 3) Memberikan kemudahan modal dan alat perusahaan;
- 4) Memberikan latihan;
- 5) Menyediakan rangkaian perusahaan;
- 6) Memantau perkembangan buruh dan kemajuan sesuatu program;
- 7) Menentukan jumlah saraan hidup bagi perkara untuk menampung keperluan;
- 8) Menghalang kegiatan meminta-minta (mengemis).

Penyediaan pekerjaan oleh Negara ini bukan bererti bahawa semua punca pekerjaan dimiliki oleh pemerintah. Pemerintah tidak semestinya menjadikan semua aktiviti sebagai sektor awam. Pemerintah hanya perlu memberikan kemudahan-kemudahan dan sarana serta prasarana untuk kemudahan pekerjaan bagi rakyatnya. Seorang pekerja atau buruh boleh bekerja sama ada dengan pemerintah iaitu di sektor awam, atau bekerja sendiri dengan membuka bidang pekerjaan mandiri, ataupun bekerja dengan pihak swasta.⁷⁷

2.7. Kesimpulan

Landasan hukum Islam yang bersumber dari Al Quran dan hadis menerangkan bahawa dalam penetapan faktor-faktor pengeluaran bukan sahaja tertekluk kepada suatu proses perubahan yang bersifat sejarah, seperti juga di dukung oleh faktor-faktor lain yang

⁷⁶*Ibid.*, 206.

⁷⁷*Ibid.*, 207.

menentukan arah pengeluaran seperti faktor penilaian buruh, tanah, modal dalam bentuk wang, kebangkitan Kerajaan-kerajaan nasional dari Kerajaan-kerajaan feudal berada dan lainnya, akan tetapi ia nya juga tertakluk kepada suatu rancangan kerangka kerja moral dan etika yang bersifat kekal dan abadi berdasarkan ketentuan yang telah ditetapkan dalam ketentuan Syariah.

Berlandaskan ketentuan syariah tersebut menempatkan faktor-faktor pengeluaran secara umum dan buruh secara khususnya tidak pernah terpisahkan dari kehidupan sosial dan moral. Tanah yang juga merupakan faktor pengeluaran dalam Islam tidak dilihat sebagai hak yang istimewa yang kemudian dikaitkan dengan kuasa negara, namun ia nya dikaitkan sebagai suatu alat untuk meningkatkan daya pengeluaran dan digunakan untuk kebajikan individu dan masyarakat secara luas.

Negara menjadi lembaga yang paling bertanggungjawab dalam menjaga keseimbangan moral buruh mahupun syarikat. Bentuk tanggungjawab ini boleh dalam bentuk menjamin masing-masing pihak untuk menunaikan hak dan kewajipan mereka sesuai dengan perjanjian kerja yang telah disepakati. Fungsi negara dalam hal ini adalah untuk menjamin kebajikan untuk seluruh rakyatnya. Dalam hal ini negara mesti menunaikan fungsinya sebagai lembaga penjamin kesejahteraan, fungsi-fungsi tersebut adalah sebagai perwujudan setiap keperluan sosial rakyat yang dipimpinya, termasuk berkenaan dengan buruh.

BAB III
MEKANISME PENETAPAN UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP)
DI ACEH, INDONESIA

3.1. Pengenalan

Daerah Aceh yang merupakan salah satu provinsi dari tiga puluh tiga (33) provinsi yang ada di Indonesia mempunyai beberapa perkara istimewa dibandingkan dengan provinsi-provinsi lain yang ada di Indonesia. Keistimewaan ini baik dari segi sejarah mahupun dari pada segi kultur sosial kemasyarakatannya. Sejarah Aceh bermula dengan berkembangnya kerajaan Islam yang pertama di Nusantara, sehingga kultur budaya sosial kemasyarakatannya pun sangat ketara dengan nilai-nilai ajaran Islam. Masyarakat berkembang dengan nilai-nilai ke Islaman hinggalah sekarang. Hal ini dapat dilihat setelah diterapkannya syariat Islam sejak tahun 2002, di mana provinsi Aceh merupakan satu-satunya provinsi yang menerapkan syariat Islam di Indonesia.

Dengan penerapan syariat Islam ini, maka pihak kerajaan Aceh berusaha untuk mensyariatkan setiap sektor kehidupan rakyat, seperti bidang undang-undang, politik, kebudayaan, pendidikan, mahupun ekonomi yang berlandaskan syariat Islam. Dalam bidang ekonomi, pihak kerajaan Aceh telah mengeluarkan beberapa polisi berkenaan dengan penyesuaian pembangunan ekonomi berlandaskan syariat Islam, seperti pembentukan lembaga amil zakat yang berdiri sendiri yang diakui sebagai lembaga yang rasmi dalam pengelolaan dana umat yang menyeluruh, mempromosikan perbankan syariah sebagai lembaga penghimpun dan penyalur dana masyarakat berlandaskan syariat, serta berusaha meningkatkan kesejahteraan rakyat kelas bawah melalui program pembiayaan kredit untuk usaha kecil.

Selain daripada itu, pihak kerajaan Aceh juga memberikan perhatian dalam bidang tenaga kerja atau buruh sebagai usaha untuk meningkatkan kehidupan buruh. Walaupun

belum adanya suatu undang-undang yang mengaturnya, namun pembicaraan ditingkat para perancang undang-undang telahpun berjalan. Oleh kerana belum adanya suatu undang-undang khusus berkenaan buruh ini, maka kerajaan Aceh hingga sekarang pada setiap tahunnya menetapkan suatu peraturan dalam perlindungan kadar upah yang mesti dibayarkan oleh syarikat. Peraturan ini disebut penetapan Upah Minimum Provinsi atau sering disebut UMP.

3.2. Sejarah dan Perkembangan UMP di Indonesia

Sebagai negara yang berpenduduk terbesar ke lima (5) di dunia, Indonesia mempunyai jumlah sumberdaya tenaga kerja yang sangat besar. Untuk melindungi tenaga kerja yang begitu besar ini, strategi yang dilakukan oleh pemerintah Indonesia adalah dengan menguatkuasakan polisi upah minimum. Polisi upah minimum di Indonesia pertama kali diterapkan pada awal tahun 1970-an. Akan tetapi pelaksanaannya tidak berjalan efektif. Pemerintah Indonesia kemudian baru memberikan perhatian dalam pelaksanaan upah minimum ini pada akhir tahun 1980-an di bawah pemerintahan Sohar¹. Perhatian ini dilakukan setelah adanya tekanan dari dunia antarabangsa sehubungan dengan orientasi eksport produk industri Indonesia ke Negara-negara Amerika Utara dan Eropah khususnya berkenaan dengan keprihatinan terhadap keadaan kerja yang buruk dan kadar upah yang rendah serta halangan terhadap keadaan hak dasar pekerja untuk membentuk organisasi buruh.²

Tekanan yang ditujukan kepada pemerintahan Indonesia berkenaan dengan upah buruh ini dilakukan oleh organisasi perdagangan Amerika Syarikat (AFL-CIO) dan

¹Devanto Shasta Pratomo dan Putu Mahardika Adi Saputra, "Kebijakan Upah Minimum untuk Perekonomian Yang Berkeadilan: Tinjauan Uud 1945", *Journal of Indonesian Applied Economics*, Vol. 5 No. 2 (Oktober 2011), 269-285

²Indrasari Tjandraningsih dan Rina Herawati, *Munuju Upah Layak: Survei Upah Buruh Tekstil dan Garmen di Indonesia* (Jakarta: AKATIGA, 2009), 30.

beberapa aktiviti hak asasi manusia di mana mereka tidak puas hati terhadap sebuah perusahaan multinasional Amerika Syarikat yang beroperasi di Indonesia yang dipercayai memberikan upah yang sangat rendah dan keadaan lingkungan pekerjaan yang berada di bawah standard. Sebagai hasilnya, keadaan ini memaksa pemerintah Indonesia pada waktu itu untuk memberikan perhatian lebih terhadap polisi upah minimumnya dengan menaikkan upah minimum sehingga tiga kali ganda dalam nilai nominalnya (dua kali ganda dalam nilai riil).³

Setelah lebih dari 40 tahun sejak upah minimum dikuatkuasakan di Indonesia, sudah sebanyak 3 kali pemerintah Indonesiaan menggantikan standard keperluan hidup buruh sebagai dasar penetapan upah minimum. Komponen keperluan hidup tersebut meliputi; Keperluan Fizik Minimum (KFM) yang berlaku pada Tahun 1969 – 1995; Keperluan Hidup Minimum (KHM) yang berlaku pada Tahun 1996 – 2005 dan kemudian Keperluan Hidup Layak (KHL) yang berlaku Tahun 2006 hingga sekarang ini. Di samping itu, pengertian upah minimum, dan istilah-istilahnya juga mengalami beberapa kali perubahan seiring perkembangan dan perubahan pengawalseliaan.

3.2.1. Upah Minimum Tahun 1969 Sampai dengan Tahun 1995

Wacana kadar upah minimum di Indonesia dimulai dengan dikuatkuasakan Keperluan Fizik Minimum (KFM) pada tahun 1956 melalui konsesus Tripartit⁴ dengan kumpulan pakar pemakanan yang merupakan rujukan dalam penghitungan kesesuaian upah minimum untuk memenuhi keperluan para buruh pada saat itu.⁵ Penguatkuasaan polisi upah minimum kemudian diperkenalkan pada awal tahun 1970-an selepas terbentuknya Dewan

³Devanto dan Putu, “Kebijakan Upah Minimum“, 269.

⁴Tripartit adalah lembaga konsultasi dan komunikasi antara wakil pekerja, pengusaha dan pemerintah untuk memecahkan masalah-masalah bersama dalam bidang ketenagakerjaan.

⁵Sinaga Tianggur, Kebijakan Pengupahan di Indonesia. *Jurnal Ketenagakerjaan* Vol. 3 – No, 2 (Edisi Juli Desember 2008).

Penelitian Pengupahan Nasional (DPPN) berdasarkan Keputusan Presiden No. 85 Tahun 1969 dan dibentuknya Dewan Penelitian Pengupahan Daerah (DPPD) oleh pemerintahan daerah di seluruh Indonesia.⁶ Adapun penetapan kadar upah minimum pada saat itu berlandaskan Keperluan Fizik Minimum (KFM) yang meliputi dari 5 kelompok keperluan, iaitu:⁷

1. Makanan dan minuman, terdiri dari 17 komponen
2. Bahan bakar, penerangan, penyejuk terdiri dari 4 komponen
3. Perumahan dan alat dapur terdiri dari 11 komponen
4. Pakaian terdiri dari 10 komponen
5. Lain-lain terdiri dari 6 komponen
6. Penetapan kadar upah berdasarkan Keperluan Fizik Minimum (KFM) di atas dihitung untuk keperluan:⁸

1. Buruh bujang
2. Buruh + isteri (K-0)
3. Buruh + isteri + 1 (satu) orang anak (K-1)
4. Buruh + isteri + 2 (dua) orang anak (K-2)
5. Buruh + isteri + 3 (tiga) orang anak (K-3)

Dalam penetapan kadar nilai KFM pihak yang memutuskannya adalah dilakukan oleh Dewan Penelitian Pengupahan Daerah (DPPD). Penetapan kadar KFM ini dilakukan melalui penelitian harga barang di pasaran tradisional. Penelitian ini dijalankan oleh DPPD sekali dalam sebulan untuk wilayah Jakarta dan tiga bulan sekali untuk wilayah Provinsi lain yang ada di Indonesia. Selepas melaksanakan kajian, pihak DPPD akan melaporkan

⁶Rama, The Consequences of Doubling the Minimum Wage: The Case of Indonesia, *Industrial and Labor Relations Review*, 54(4) (2001), 864-881.

⁷Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak (KHL) untuk Pekerja Lajang.

⁸*Ibid.*

semua hasil kajian KFM mengenai upah minimum kepada Gabenor masing-masing provinsi, dan selanjutnya pihak Gabenor menyampaikan hasil cadangan kepada Menteri Tenaga Kerja. Selanjutnya pihak Dewan Penelitian Pengupahan Nasional (DPPN) kemudian meneliti rekomendasi dari para Gabenor sebelum ditetapkan oleh Menteri Tenaga Kerja menjadi ketentuan Upah Minimum.⁹

Walaupun penetapan upah minimum ini sudah lama ditetapkan melalui keputusan Presiden, namun ia tidak berjalan secara efektif kerana kurangnya perhatian pemerintah dalam hal pelaksanaannya dalam masyarakat. Kemudian secara normative, polisi upah minimum rasmi dikuatkuasakannya dengan dikeluarnya Peraturan Menteri Tenaga Kerja Indonesia Nombor: Per-05/Men/1989 tentang upah minimum. Berdasarkan peraturan ini, upah minimum diertikan sebagai upah pokok terendah, di mana kadar upah tersebut belum termasuk bonus kerja yang diberikan kepada buruh.¹⁰ Evaluasi terhadap kadar upah minimum akan laksanakan paling lambat dalam masa 2 (dua) tahun¹¹, di mana penetapan upah minimum dilaksanakan atas dasar pertimbangan aspek-aspek kehidupan iaitu:¹²

1. Keperluan fizik minimum;
2. Indek harga pengguna;
3. Perluasan kesempatan kerja;
4. Upah pada umumnya yang berlaku mengikut wilayah;
5. Kesenambungan dan perkembangan perusahaan; dan
6. Tingkat perkembangan perekonomian wilayah atau Nasional.

Mekanisme penetapan upah minimum berdasarkan Peraturan Menteri Tenaga Kerja Indonesia Nombor: Per-05/Men/1989, Kemudian disemak semula dengan dikeluarkan

⁹Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013

¹⁰ Pasal 1 Permenaker No 05 Tahun 1989 Tentang Upah Minimum

¹¹ Pasal 3 ayat 2 Permenaker No 05 Tahun 1989 Tentang Upah Minimum

¹² Pasal 2 Permenaker No 05 Tahun 1989 Tentang Upah Minimum

Peraturan Menteri Tenaga Kerja Nombor Per-01/Men/1990 tentang Perubahan Peraturan Menteri Tenaga Kerja Nombor: Per-05/Men/1989. Berdasarkan peraturan menteri yang baru ini, upah minimum diertikan sebagai upah pokok dan ditambah dengan faedah tetap, dengan ketentuan upah pokok serendah-rendahnya 75% dari upah minimum.¹³

3.2.2. Upah Minimum Tahun 1996 Sampai dengan Tahun 2005

Dengan peredaran masa dan perkembangan ekonomi Indonesia, pada tahun 1996 komponen KFM berdasarkan keputusan Menteri pada tahun 1989 mulai dianggap sudah tidak efektif lagi dalam mengatur ketentuan upah buruh, maka kemudian pemerintah Indonesia memandang perlu untuk mengkaji kembali ketentuan tersebut, untuk kemudian disempurnakan. Sehingga dengan pengkajian ketentuan tersebut maka kemudian didapatkan sebuah ketentuan baru di mana istilah KFM diganti menjadi komponen Keperluan Hidup Minimum (KHM). Peraturan yang baru ini ditetapkan melalui Keputusan Menteri Tenaga Kerja Indonesia Nombor 81 Tahun 1995. Berdasarkan Keputusan menteri yang baru ini. Komponen KHM mesti terdiri dari makanan dan minimum, perumahan dan fasiliti asas lain, keperluan sandang serta aneka keperluan lain. Dalam perubahan komponen berdasarkan ketentuan yang baru ini. KHM kemudian diselaraskan dengan munculnya ketentuan upah minimum dalam Permenaker Nombor 03 Tahun 1997 Tentang Upah Minimum Regional (wilayah) di mana ketentuan upah regional ini hanya berlaku dalam masa dua (2) tahun.

Kemudian pada tahun 1999 pemerintah Indonesia kembali disemak semula peraturan berkenaan buruh, disemak semula ini dengan diterbitkannya Permenaker Nombor. 01 Tahun 1999 tentang Upah Minimum. Dalam Peraturan ini, Upah Minimum

¹³Pasal 1 Permenaker No 01 Tahun 1990 Tentang Perubahan Peraturan Menteri Tenaga Kerja Nomor: Per-05/Men/1989

merupakan upah bulanan terendah yang terdiri dari upah pokok termasuk faedah tetap.¹⁴ Dalam peraturan yang baru ini, upah minimum terdiri dari UMR Tingkat 1, UMR Tingkat II, UMSR Tingkat I dan UMSR tingkat II.¹⁵ Pada penentuan kadar UMR Tk.1 dan UMR Tk.II kadar upah ditetapkan berdasarkan pertimbangan komponen-komponen berikut:¹⁶

1. Keperluan dasar
2. Indeks harga pengguna (IHK);
3. Kemampuan, perkembangan dan kelangsungan perusahaan;
4. Upah pada umumnya yang berlaku di daerah tertentu dan antara daerah ;
5. Keadaan pasar kerja;
6. Tingkat perkembangan perekonomian dan pendapatan per kapita.

Sedang dalam penentuan UMSR Tk.1 dan UMSR Tk.II kadar upah ditetapkan berdasarkan faktor pertimbangan di atas sekaligus ditambah pertimbangan kemampuan syarikat secara sektoral. Dalam penetapan kadar upah minimum ini dilakukan oleh Menteri Tenaga Kerja.¹⁷ Menteri Tenaga Kerja kemudian akan melakukan peninjauan kadar upah minimum sekurang-kurangnya 2 (dua) tahun sekali.¹⁸ Peraturan upah minimum ini hanya berlaku bagi buruh yang mempunyai masa kerja kurang dari 1 (satu) tahun.¹⁹

Peraturan Menteri ini kemudian kembali disemak semula melalui KEPMENAKERTRANS No : Kep 226/Men/2000 Tentang Perubahan Pasal-Pasal Peraturan Menteri Tenaga Kerja Nombor Per-01/Men/1999 Tentang Upah Minimum. Berdasarkan keputusan ini, terdapat beberapa perubahan istilah iaitu:

¹⁴ Pasal 1 ayat 1 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

¹⁵ Pasal 3 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

¹⁶ Pasal 6 ayat 1 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

¹⁷ Pasal 4 ayat 1 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

¹⁸ Pasal 4 ayat 5 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

¹⁹ Pasal 13 ayat 2 Permenakertrans No: PER-01/MEN/1999 jo. Kepmenakertrans Nomor KEP. 226/MEN/2000

1. Upah Minimum Regional tingkat 1 (UMR Tk.1) diubah menjadi Upah Minimum Provinsi (UMP).
2. Upah Minimum Regional Tingkat II (UMRTk.II) diubah menjadi "Upah Minimum Kabupaten/Kota.
3. Upah Minimum Sektor Regional Tingkat 1 (UMSR Tk.I) diubah menjadi Upah Minimum Sektor Provinsi (UMS Provinsi)
4. Upah Minimum Sektor Regional Tingkat II (UMSR Tk.II) diubah menjadi Upah Minimum Sektor Kabupaten/kota (UMS Kabupaten/Kota).

3.2.3. Upah Minimum Tahun 2006 Sampai dengan Sekarang

Penetapan kadar upah minimum pada tahun 2006 berlandaskan pada Keperluan Hidup Layak (KHL) seorang buruh bujang. Komponen keperluan hidup layak tersebut diatur dalam Permenaker No 13 Per-17/Men/2005 Tentang Komponen dan Pentahapan Keperluan Hidup Layak. Berdasarkan peraturan tersebut, Komponen KHL bertambah menjadi tujuh (7) kelompok keperluan dan empat puluh enam (46) komponen, di mana rinciannya sebagai berikut.²⁰

1. Makanan dan minumann, terdiri dari 11 (sebelas) komponen iaitu: beras, sumber protein (daging, ikan segar, telur ayam), kacang-kacangan (tempe/tahu), susu tepung, gula, minyak masak, sayuran, buah-buahan (setara pisang/betik), karbohidrat lain (setara tepung gandum), teh atau kopi, dan rempah-rempah.

²⁰Peraturan Menteri No. 17 Th 2005 Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia nombor: PER-17/MEN/VIII/2005 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak.

2. Keperluan asas harian, terdiri dari 9 (sembilan) komponen iaitu: seluar panjang/skirt, Kemeja lengan pendek/blouse, T-Shirt/Bra, seluar dalam, sarung/kain panjang, kasut, selipar, tuala, dan kelengkapan ibadah.
3. Perumahan terdiri pada dari 19 (sembilan belas) komponen iaitu: sewa bilik, katil, kasur dan bantal, cadar dan sarung bantal, meja dan kerusi, almari pakaian, penyapu, kelengkapan makan (pinggan makan, gelas minuman, sendok dan garpu), ceret alumunium, kualiti, periuk, penyedok, dapur minyak tanah, minyak tanah, baldi, elektrik, air bersih, dan sabun cuci.
4. Pendidikan terdiri dari 1 (satu) komponen iaitu bacaan/radio
5. Kesihatan terdiri dari 3 (tiga) komponen iaitu: keperluan asas dalam penjagaan kesihatan (ubat gigi, sabun mandi, berus gigi, shampoo, tuala wanita atau alat cukur), ubat nyamuk, dan memotong rambut.
6. Pengangkutan 1 (satu) komponen iaitu transport kerja dan lainnya.
7. Rekreasi dan Tabungan 2 (dua) komponen iaitu dalam bentuk bercuti sebulan sekali di daerah persekitaran, sedangkan komponen tabungan adalah bernilai 2% dari total nilai keseluruhan keperluan (nilai dari keperluan 1 hingga 7 di atas)

Dalam perkembangannya, peraturan berkenaan buruh yang dikeluarkan pada tahun 2006 ini, kemudian disemak semula oleh pemerintah Indonesia. Hal yang disemak semula adalah berkenaan dengan komponen KHL yang ada dalam peraturan tersebut. Penyemakan semula ini dilandasi oleh desakan dari Syarikat Buruh (SB) atau Syarikat Pekerja (SP). Hasil dari semakan semula peraturan ini adalah dengan dikuatkuasakannya PERMENAKERTRANS No. 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak. Dalam peraturan yang baru ini komponen KHL yang pada peraturan sebelumnya hanya terdiri dari tujuh (7) kelompok keperluan dan

empat puluh enam (46) komponen kemudian bertambah menjadi tujuh (7) kelompok keperluan dan enam puluh (60) komponen, dengan rinciannya iaitu:²¹

1. Makanan dan minimum, terdiri dari 11 (Sebelas) komponen iaitu: beras, sumber protein (daging, ikan segar, telur ayam), kacang-kacangan (tempe/tahu), susu tepung, gula, minyak masak, sayuran, buah-buahan (setara pisang/betik), karbohidrat lain (setara tepung), teh dan kopi, dan rempah-rempah.
2. Keperluan asas harian, terdiri dari 13 (Tiga belas) komponen iaitu seluar panjang/ skirt /pakaian muslim, seluar pendek, ikat pinggang, kemeja lengan pendek, T-Shirt/bra, seluar dalam, sarung/kain panjang, kasut, stocking, perlengkapan pembersih kasut (penggilap kasut, sikat, selipar), tuala, kelengkapan ibadah (sajadah, telekung dan songkok).
3. Perumahan terdiri dari 26 (Dua puluh enam) komponen iaitu sewa rumah, tempat tidur perlengkapan tidur (tilam dan bantal), cadar dan sarung bantal, meja kerusi, almari, penyapu, kelengkapan makanan (pinggan, gelas, sendok dan garpu), ceret, kualiti, periuk, penyedok, rice cooker ukuran 1/2 liter, dapur dan perlengkapannya (dapur gas 1 tungku, selang dan regulator, tabung gas 3 kg), gas, baldi, gayung plastic, elektrik, lampu, air bersih, sabun cuci pakaian, sabun cuci pinggan, seterika, rak pinggan, meja pelastik, pisau dapur dan cermin.
4. Pendidikan terdiri dari 2 (Dua) komponen iaitu Bacaan/ Radio, Ballpoint/pensil.
5. Kesihatan terdiri dari 5 (Lima) komponen iaitu keperluan asas penjagaan kesihatan (ubat gigi, sabun mandi, berus gigi, tuala wanita, alat cukur), deodorant, ubat nyamuk, potong rambut dan sikat.
6. Pengangkutan 1 (Satu) komponen.

²¹Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak (KHL) untuk Pekerja Lajang.

7. Rekreasi dan Tabungan 2 (Dua) komponen iaitu dalam bentuk bercuti sebulan sekali di daerah persekitaran, sedangkan komponen tabungan adalah bernilai 2% dari total nilai keseluruhan keperluan (nilai dari keperluan 1 hingga 7 di atas).

Perkembangan dan perubahan yang terjadi pada peraturan buruh mulai 1970 hingga sekarang terjadi kerana perubahan dan perkembangan struktur sosial dan ekonomi masyarakat Indonesia. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana perkembangan dan perubahan itu sendiri bertujuan untuk memberikan keadilan antara buruh dan syarikat. Secara singkat perubahan ini dapat dilihat pada Jadual 3.1.

**Jadual 3.1:
Perkembangan dan Perubahan Peraturan Buruh Di Indonesia dari Tahun 1970
Hingga Sekarang**

Regulasi Upah Minimum dan Komponen Keperluan Hidup Buruh Di Indonesia							
Tahun	Definisi Upah	Undang-undang	Landasan Kadar Upah	Penetapan Upah Minimum	Pihak Yang Menetapkan	Peninjuan	Berlandaskan Status Buruh
1970	Upah pokok terendah belum termasuk tunjang-faedah	Permenaker Per-05/Men/1989	Keperluan Fizik Minimum (KFM) ditotalkan berdasarkan konsesus triparitit dan para ahli gizi 1956	UMR Tingkat I. UMR Tingkat II. UMSR Tingkat I. UMSR Tingkat II	Menteri Tenaga Kerja	2 Tahun Sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun
hingga 1995	Upah Pokok ditambah dengan faedah-faedah tetap. dengan ketentuan upah pokok paling rendah 75% dari upah	Per-01/Men/1990 Tentang Perubahan Permenaker No: Per-05/Men/1989	Keperluan Fizik Minimum (KFM) ditotalkan berdasarkan konsesus triparitit dan para ahli gizi 1956. 5 kelompok komponen keperluan.	UMR Tingkat I. UMR Tingkat II. UMSR Tingkat I. UMSR Tingkat II	Menteri Tenaga Kerja	2 Tahun Sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun

	minimum						
1996	Upah Minimum adalah upah bulanan terendah yang terdiri dari upah pokok termasuk faedah tetap.	Permenaker no. 01 Tahun 1999 tentang Upah Minimum.	Keperluan Hidup Minimum (KHL). 4 Kelompok Keperluan: 43 Komponen	UMR Tingkat 1. UMR Tingkat II. UMSR Tingkat I UMSR Tingkat II	Menteri Tenaga Kerja	Selambatnya 2 (dua) tahun sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun
Hingga 2005	Upah Minimum adalah upah bulanan terendah yang terdiri dari upah pokok termasuk faedah tetap	Kep-226/Men/2000 Tentang Perubahan Pasal-Pasal Permenakertrans No Per-01/Men/1999 Tentang Upah Minimum.	Keperluan Hidup Minimum (KHL). 4 Kelompok Keperluan: 43 Komponen	UMP UMK UMSP UMSK	Gabenor	setiap 1 (satu) sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun
2006 hingga 2012	Upah Minimum adalah upah bulanan terendah yang terdiri dari upah pokok termasuk faedah tetap	UU No 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan Pasal 88 s/d 90	Berdasarkan Permenaker No Per-17/Men/2005 7 Kelompok Keperluan: 46 Komponen untuk Keperluan Bujang	UMP UMK UMSP UMSK	Gabenor	setiap 1 (satu) sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun
2013	Disemak semula - Keperluan Hidup Layak 7 Kelompok Keperluan: 60 Komponen: untuk Keperluan Bujang	UU No 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan Pasal 88 s/d 90	Berdasarkan Permenaker No Per-13/Men/2012 7 Kelompok Keperluan: 60 Komponen: untuk Keperluan Bujang	UMP UMK UMSP UMSK	Gabenor	setiap 1 (satu) sekali	Bujang. Masa kerja < 1 Tahun

Sumber: Dari berbagai undang-undang yang telah penulis rangkum

3.3. Profil Provinsi Aceh, Indonesia

Provinsi Aceh merupakan salah satu provinsi dari tiga puluh tiga (33) provinsi yang ada di Indonesia. Wilayah Aceh secara geografi terletak antara 20-60 Lintang Utara dan 950-980 Bujur Timur, dengan ketinggian rata-rata adalah seratus dua puluh lima (125) meter dari atas permukaan laut.²² Sebelah Barat provinsi ini bersempadan dengan Samudera Indonesia, dan sebelah Timur dan Utaranya bersempadan dengan Selat Melaka. Sedangkan sebelah Selatannya bersempadan dengan Provinsi Sumatera Utara.²³

Provinsi Aceh mempunyai keluasan 57, 948, 94 km² dengan Bandar Utamanya bernama Banda Aceh. Wilayah provinsi Aceh terbahagi kepada lapan belas Kabupaten dan lima Kota. Kabupaten dan kota ini terdiri dari 280 Kecamatan, 755 Mukim, dan 6.423 Gampong atau Desa. Kabupaten-kabupaten tersebut adalah Kabupaten Aceh Barat, Kabupaten Aceh Barat Daya, Kabupaten Aceh Selatan, Kabupaten Aceh Besar, Kabupaten Aceh Singkil, Kabupaten Aceh Jaya, Kabupaten Aceh Tamiang, Kabupaten Aceh Tengah, Aceh Tenggara, Kabupaten Aceh Timur, Kabupaten Aceh Utara, Kabupaten Bener Meriah, Kabupaten Bireuen, Kabupaten Gayolues, Kabupaten Nagan Raya, Kabupaten Pidie, Kabupaten Pidie Jaya, Kabupaten Simeulue, Kota Banda Aceh, Kota Langsa, Kota Lhokseumawe, Kota Sabang, dan Kota Sublussalam. Wilayah Aceh ini dihuni oleh sepuluh Suku, di mana secara majoriti beragama Islam. Suku-suku yang ada di Aceh ini adalah

²²Biro HUMAS Provinsi Aceh "Profil Aceh", laman sesawang web HUMAS Pemerintah Aceh dicapai 14 September 2013, <http://humas.acehprov.go.id/index.php/profil/aceh>,

²³*Ibid.*,

perikanan komoditi yang diunggulkan adalah berupa perikanan, budidaya jaring terapung, budidaya keramba, budidaya kolam, kelautan, persawahan, dan kolam pemeliharaan ikan. Sedangkan pada sektor pelancongan, Provinsi Aceh mengandalkan sektor pelancongan berbasis alam, pelancongan adat dan budaya.

Sedangkan dalam bidang perindustrian, Provinsi Aceh memiliki sepuluh (10) kawasan perindustri, iaitu Kawasan Industri Agro dan Perikanan, Kawasan Industri Asia Blang, Kawasan Industri Asia Pasai, Kawasan Industri Bireun, Kawasan Industri Blang Ulam, Kawasan Industri Kelapa Terpadu, Kawasan Industri Kelapa Terpadu Timur (KITAT), Kawasan Industri Migas Pertambangan dan Energi, Kawasan Industri Pengolahan Rotan, dan Kawasan Industri UMKM pisang sale, di mana semua kawasan perindustrian ini didukung oleh fasiliti elektrik dan telekomunikasi.²⁵

Provinsi Aceh menjadi istimewa dibandingkan dengan provinsi-provinsi lain di Indonesia disebabkan oleh penguatkuasaan syariat Islam dalam segala bidang kehidupan masyarakat. Seluruh aturan dan polisi pemerintahan berlandaskan syariat Islam. Penerapan syariat Islam ini diatur melalui Peraturan Provinsi Aceh Nombor 11 Tahun 2002 Tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syariat Islam. Melalui peraturan daerah ini, Aceh rasmi menjadi Provinsi pertama dan satu-satunya provinsi yang menerapkan syariat Islam dari tiga puluh tiga provinsi yang ada di Indonesia.²⁶

3.4. Tingkat Kemiskinan Masyarakat Aceh

Permasalahan kemiskinan yang terjadi dalam sebuah masyarakat bukan hanya suatu permasalahan yang harus dihadapi oleh negara-negara yang sedang membangun, akan tetapi juga menjadi masalah bagi negara-negara maju seperti Amerika, Ingegris, mahupun negara-

²⁵*Ibid.*

²⁶*Ibid.*

negara di Eropah namun kemiskinan yang terjadi di negara maju tidak seteruk jika dibandingkan dengan yang dihadapi oleh negara yang sedang berkembang. Permasalahan kemiskinan yang terjadi di negara maju merupakan bahagian kecil dalam komponen masyarakat mereka, Akan tetapi kemiskinan pada negara membangun menjadi persoalan yang begitu kompleks kerana jumlah penduduk miskin di negara membangun hampir mencapai setengah dari jumlah total penduduk negara berkenaan.²⁷

Persoalan kemiskinan merupakan permasalahan dalam proses pembangunan sebuah negara yang bersifat pelbagai dimensi. Permasalahan kemiskinan yang terjadi dalam suatu masyarakat dicirikan oleh kemunduran sosial ekonomi dan pengangur, sehingga kemudian menimbulkan permasalahan ketidak merataan pengagihan pendapatan dalam masyarakat. Permasalahan ini jika tidak mampu diatasi oleh pihak pemerintah maka akan menimbulkan pelbagai permasalahan turunan, baik dalam bentuk permasalahan sosial mahupun politik.²⁸

Negara Indonesia yang merupakan salah satu negara yang sedang membangun tidak terlepas dari permasalahan kemiskinan. Dari data Batan Pusat Statistik Indonesia (BPS) tempoh Mac 2013 didapati bahawa jumlah penduduk miskin di Indonesia pada bulan Mac 2013 berjumlah 28.59 juta orang atau berjumlah 11.37% dari jumlah keseluruhan penduduk Indonesia yang berjumlah 241,452,952.²⁹ Jika dibandingkan dengan tingkat kemiskinan pada tempoh September 2012 maka di peroleh bahawa angka kemiskinan pada Mac 2013 mengalami penurunan, di mana penurunan ini terjadi sebesar 0.52 juta orang dibandingkan dengan penduduk miskin pada September 2012 yang sebesar 29.11 juta orang (11.66 %).³⁰ Penurunan angka kemiskinan ini menurut BPS terjadi kerana beberapa faktor iaitu.³¹

²⁷Booth, A. dan R.M. Sundrum. "Distribusi Pendapatan", dalam *Ekonomi Orde Baru*, ed. A. Booth dan P.McCawley (Jakarta: LP3ES, 1987).

²⁸*Ibid*,

²⁹Berita Resmi Statistik No. 47/07/Th.XVI, 1 Juli 2013 laman sesawang *BPS Aceh* dicapai pada 4 Juni 2013, <http://www.bps.go.id/>.

³⁰*Ibid*.

³¹*Ibid*.

1. Selama tempoh September 2012 hingga Mac 2013 inflasi umumnya rendah, iaitu sebesar 3.2 %.
2. Upah harian (nominal) buruh tani dan buruh bangunan meningkat selama tempoh September 2012 hingga Mac 2013, iaitu masing-masing sebesar 2.08% dan 9.96%.
3. Secara nasional, rata-rata harga beras relatif stabil, tercatat pada September 2012 sebesar Rp 10,414.00 per kg dan pada Mac 2013 sebesar Rp 10,718.00 per kg;
4. Perekonomian Indonesia suku tahun I-2013 tumbuh sebesar 1.41 % terhadap suku tahun IV-2012 apabila dibandingkan dengan suku tahun yang sama tahun 2012 pertumbuhan ekonomi suku tahun I-2013 ini tumbuh sebesar 6.02%.
5. Tingkat pengangur terbuka (TPT) di Indonesia pada Februari 2013 mencapai 5.92%, mengalami penurunan dibandingkan keadaan pada Ogos 2012 yang sebesar 6.14%.
6. Selama tempoh September 2012 hingga Mac 2013, harga runcitan beberapa komoditi bahan asas seperti minyak goreng, gula, dan tepung mengalami penurunan iaitu masing-masing sebesar 5.10%, 0.60%, dan 0.20%.

Secara keseluruhan, penurunan mahupun perubahan tingkat kemiskinan yang ada di Indonesia dapat dilihat pada Jadual 3.2, di mana dalam Jadual tersebut di klasifikasikan kemiskinan mengikut kepulauan.³² Dari jadual tersebut terlihat bahawa dari enam (6) wilayah kepulauan Indonesia jumlah penduduk miskin terbesar adalah berada di wilayah Kepulauan Maluku dan Papua, kemudian di ikuti oleh wilayah Bali dan Nusa Tenggara, kemudian wilayah Sumatera. Sedangkan dari segi jumlah keseluruhan penduduk miskin maka sebahagian besar penduduk miskin adalah berada di Pulau Jawa. Sedangkan untuk peratus tingkat kemiskinan mengikut provinsi yang ada di seluruh Indonesia dapat dilihat pada jadual 3.3. di bawah:

³²Badan Pusat Statisti Indonesia, *Laporan Bulanan Data Sosial Ekonomi Edisi 34 Marc* (2013), 103.

Jadual 3.2.
Jumlah dan peratus Penduduk Miskin Menurut Pulau, Mac 2013

Pulau	Jumlah Penduduk Miskin (%)			Peratus Penduduk Miskin (%)		
	Kota	Desa	Kota+Desa	Kota	Desa	Kota+Desa
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Sumatera	2,008.33	4,111.09	6,119.42	9.64	12.72	11.51
Jawa	6,996.12	8,365.75	15,361.87	8.48	14.40	10.92
Bali dan Nusa Tenggara	601.31	1,385.60	1,986.91	11.17	16.67	14.51
Kalimantan	247.45	678.21	925.66	4.01	8.12	6.37
Sulawesi	348.27	1,677.51	2,025.78	5.74	13.99	11.22
Maluku dan Papua	124.05	1,522.87	1,646.92	6.14	31.40	23.97
Total Kemiskinan di Indonesia	10,325.53	17,741.03	28,066.56	8.39	14.32	11.37

Sumber: Laporan Bulanan Sosial Ekonomi, Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia
Edisi Mac 2013

Provinsi Aceh yang merupakan salah satu provinsi di Indonesia berada pada posisi yang ke lima (5) dari tiga puluh tiga (33) provinsi yang paling tinggi tingkat kemiskinan penduduknya. Salah satu faktor yang menyumbang peningkatan kemiskinan di Aceh adalah karena terjadinya bencana gempa dan tsunami pada tahun 2004. Tsunami telah menghancurkan masyarakat Aceh, yang sebelumnya juga telah mengalami penderitaan sebagai impak dari konflik selama tiga puluh (30) tahun. Disebabkan oleh konflik yang berpanjangan, Aceh menjadi salah satu provinsi termiskin di Indonesia meskipun wilayahnya kaya akan gas dan sumber daya alam lainnya.

Jadual 3.3.
Jumlah dan peratus Penduduk Miskin Menurut Provinsi di Indoneisa,
September 2012

Provinsi	Perkotaan			Perdesaan			Total	
	Garis Kemiskinan (Rp/Kapita/Bulan)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)	Garis Kemiskinan (Rp/Kapita/Bulan)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)	Jumlah Penduduk Miskin (000 Orang)	Peratus Penduduk Miskin (%)
Aceh	352 056	165.43	12.47	310 089	711.13	20.97	876.56	18.58
Sumatera Utara	295 080	669.36	10.28	249 165	709.09	10.53	1 378.45	10.41
Sumatera Barat	321 128	124.25	6.45	273 655	273.60	8.99	397.86	8.00
Riau	333 933	156.41	6.68	295 582	324.90	8.94	481.31	8.05
Jambi	328 504	105.35	10.53	248 812	164.73	7.29	270.08	8.28
Sumatera Selatan	296 933	367.64	13.29	238 901	674.40	13.58	1 042.04	13.48
Bengkulu	318 881	92.67	16.89	267 273	217.80	17.80	310.47	17.51
Lampung	297 421	237.94	11.88	251 202	981.06	16.96	1 218.99	15.65
Bangka Belitung	374 284	24.01	3.73	390 294	46.20	6.96	70.21	5.37
Kepulauan Riau	373 725	106.58	6.77	316 963	24.64	7.08	131.22	6.83
DKI Jakarta	392 571	366.77	3.70	0	0	0	366.77	3.70
Jawa Barat	249 170	2 560.02	8.71	228 577	1 861.46	12.13	4 421.48	9.89
Jawa Tengah	245 817	1 946.51	13.11	223 622	2 916.90	16.55	4 863.41	14.98
DI Yogyakarta	284 549	306.51	13.10	241 975	255.60	21.29	562.11	15.88
Jawa Timur	253 947	1 605.96	8.90	234 556	3 354.58	16.88	4 960.54	13.08
Banten	262 371	333.45	4.41	228 794	314.80	8.31	648.25	5.71
Bali	270 020	93.25	3.81	230 389	67.71	4.17	160.95	3.95
Nusa Tenggara Barat	274 879	415.38	21.65	230 054	412.94	15.41	828.33	18.02
Nusa Tenggara Timur	293 906	117.39	12.21	205 083	882.91	22.41	1 000.29	20.41
Kalimantan Barat	254 972	74.23	5.49	232 303	281.47	9.04	355.70	7.96
Kalimantan Tengah	274 222	32.31	4.21	279 008	109.59	7.19	141.90	6.19
Kalimantan selatan	286 844	56.54	3.56	257 282	132.68	6.07	189.21	5.01
Kalimantan Timur	384 413	91.52	3.82	330 329	154.59	10.56	246.11	6.38
Sulawesi Utara	231 794	66.81	6.36	217 355	110.72	8.69	177.54	7.64
Sulawesi Tengah	292 578	60.20	9.02	258 393	349.40	16.85	409.60	14.94
Sulawesi Selatan	215 790	133.62	4.44	183 959	672.29	12.93	805.92	9.82
Sulawesi Tenggara	215 050	29.56	4.62	198 902	274.70	16.24	304.25	13.06
Gorontalo	217 073	17.84	4.80	210 101	169.89	23.63	187.73	17.22
Sulawesi Barat	212 579	29.06	10.03	205 383	131.49	13.92	160.55	13.01
Maluku	314 855	51.10	8.39	284 629	287.79	28.12	338.89	20.76
Maluku Utara	276 117	8.74	2.92	240 447	79.56	9.98	88.30	8.06
Papua Barat	374 382	13.27	5.36	346 157	209.97	36.33	223.24	27.04
Papua	344 415	48.08	5.81	281 022	928.29	39.39	976.37	30.66

INDONESIA	277 382	10 507.77	8.60	240 441	18 086.87	14.70	28594.64	11.66
------------------	----------------	------------------	-------------	---------	-----------	-------	-----------------	--------------

Sumber: Laporan Bulanan Sosial Ekonomi, Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia
Edisi Mac 2013

Salah satu penyebab kemiskinan di Aceh karena konflik dan tsunami. Konflik yang terjadi di Aceh kemudian berakhir setelah di peroleh kesepakatan damai antara GAM dan pemerintah Indonesia. Dengan kesepakatan damai untuk mengakhiri konflik antara GAM dengan pemerintah Indonesia pada Ogos 2005 telah membuka pintu kepada pemerintah dan NGO untuk memulihkan ekonomi Aceh agar mampu setara dengan provinsi-provini lain yang ada di Indonesia. Dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat Aceh ini, khususnya dalam usaha mengeluarkan masyarakat dari kemiskinan, Word Bank sebagai salah satu NGO yang aktif dalam penyaluran bantuan baik dana mauhupun pelatihan pernah mengumumkan beberapa dapatan dalam memahami kemiskinan yang terjadi di Aceh. Dapatan Word Bank berkenaan dengan kemiskinan antara lain adalah.³³

1. Tingkat kemiskinan di Aceh sebelum tsunami, sebesar 28.4 % dari jumlah penduduk pada tahun 2004, jauh lebih tinggi daripada tingkat kemiskinan nasional Indonesia sebesar 16.7 %. Kemiskinan di Aceh meningkat pasca bencana tsunami mencapai 32.6 %. Tingkat kemiskinan turun di bawah angka sebelum tsunami menjadi 26.5 % pada tahun 2006 disebabkan adanya kegiatan rekonstruksi dan berakhirnya konflik.
2. Ada dua kelompok yang mudah terdedah di Aceh, yang saling berkaitan namun sesungguhnya berbeza: kelompok yang miskin secara struktural dan kelompok miskin disebabkan oleh tsunami, yang kehilangan harta benda peribadi. Banyak dari kelompok memiliki kapasiti produktif tertentu, misalnya tingkat pendidikan, yang tidak dimiliki

³³Word Bank, Kajian Kemiskinan Di Aceh Tahun 2008: Dampak Konflik, Tsunami, dan Rekonstruksi Terhadap Kemiskinan di Aceh. 66.

oleh kelompok yang miskin secara struktural. Pengelompokan dan keterbatasan dana awam yang dapat digunakan untuk mengurangi kemiskinan menyebabkan Aceh saat ini harus memikirkan investasi awam yang akan memberikan hasil paling besar dalam upaya pengurangan kemiskinan tersebut. Kelompok mangsa tsunami akan amat terbantu melalui upaya pemulihan aset yang hilang dan peningkatan angka kemiskinan yang kecil setelah tsunami disertai dengan keberagaman yang mendasar antara pelbagai suku di daerah Aceh. Wilayah yang terkena dampak tsunami memang mengalami peningkatan angka kemiskinan, namun pada tahun 2006, angka ini kembali ke tingkat sebelum tsunami, atau bahkan lebih kecil. Kemampuan untuk memperlancar konsumsi melalui penggunaan tabungan jelas membantu keluarga-keluarga tertentu melalui masa peralihan yang sukar, sama halnya dengan penerima bantuan bencana. Kemiskinan di wilayah konflik tetap tinggi selama tempoh ini namun juga mengalami penurunan yang signifikan di tahun 2006.

3. Kemiskinan di Aceh umumnya merupakan fenomena di pedesaan, dengan sekitar 30 % keluarga di wilayah pedesaan hidup di bawah garis kemiskinan dibandingkan dengan kurang dari 15 % di wilayah perkotaan. Secara geografi, wilayah yang terletak dekat Banda Aceh memiliki tingkat kemiskinan yang rendah, sementara daerah-daerah di wilayah tengah dan selatan Aceh menunjukkan tingkat kemiskinan yang lebih tinggi. Rendahnya tingkat pendidikan serta pertanian sebagai kegiatan utama keluarga juga terkait secara positif dengan kemiskinan.
4. Percepatan proses yang memungkinkan mereka mendapatkan penghasilan kembali. Membantu kelompok yang miskin secara struktural memerlukan intervensi yang berbeda yaitu intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan mereka untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi (misalnya tenaga kerja, aset fisik).

Dari temuan Word Bank di atas maka didapati bahawa kemiskinan yang terjadi di Aceh pada dasarnya lebih disebabkan oleh konflik yang berpanjangan di seluruh wilayah Aceh, peningkatan kemiskinan yang diakibatkan oleh tsunami hanya meningkat sebesar 4.2 %, di mana pada tahun 2004 tingkat kemiskinan masyarakat Aceh adalah sebesar 28.4% dan selepas tsunami tingkat kemiskinan masyarakat Aceh menjadi 32.6%.³⁴ Hal ini menunjukkan bahawa bencana tsunami bukan punca utama dari permasalahan kemiskinan yang terjadi di Aceh, melainkan kemiskinan yang terjadi di Aceh lebih disebabkan oleh konflik yang terjadi di Aceh.

Dengan proses pemulihan yang terjadi di Aceh baik pemulihan untuk korban tsunami mahupun korban konflik, secara keseluruhan telah membantuk masyarakat dalam usaha untuk keluar dari kemiskinan. Namun demikian, permasalahan kemiskinan yang terjadi di Aceh hingga sekarang masih menjadi permasalahan yang kompleks dengan beraneka ragamnya latar belakang masyarakat.

Dari data terakhir yang dikeluarkan oleh Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh menunjukkan bahawa peratusan penduduk miskin (penduduk yang berada di bawah Garis Kemiskinan) di Aceh pada bulan Mac 2012 sebanyak 19.46 % menurun dibandingkan dengan Mac 2011 iaitu sebanyak 19.57%,³⁵ penurunan ini terjadi sebesar 0.88%. Jumlah penduduk miskin di daerah perkotaan menurun sebanyak 0.6%, sedangkan untuk jumlah penurunan penduduk miskin di daerah perdesaan sebanyak 1%. Penurunan peratus jumlah kemiskinan disebabkan oleh dua hal iaitu:³⁶

1. Keadaan pertumbuhan ekonomi Aceh pada suku tahun III-2012 secara suku tahunan mencapai 1.26% dan tanpa minyak dan gas mencapai 1.53%.

³⁴*Ibid.*

³⁵Badan Pusat Statistik Aceh, Berita Resmi Statistik No. 4/01/13/Th.VII, 2 Januari 2013

³⁶*Ibid.*

2. Indeks Harga Konsumen (IHK) Mac 2012-September 2012 mengalami peningkatan dari 130.77 pada bulan Mac 2012 menjadi 131.33 pada September 2012 atau terjadi inflasi yang relatif kecil yaitu sebesar 0.43 %.

Tinggi atau rendahnya angka kemiskinan yang terjadi di Aceh sangat dipengaruhi oleh Garis Kemiskinan (GK),³⁷ kerana yang dikira penduduk miskin iaitu penduduk yang memperoleh rata-rata perbelanjaan per kapita dalam satu bulan di bawah perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Selama tempoh Mac 2012 hingga September 2012, garis kemiskinan di Aceh mengalami kenaikan sebesar 0.59% iaitu dari Rp 320,013.00 per kapita per bulan menjadi Rp 321,893.00 per kapita per bulan pada September 2012. Untuk daerah perkotaan, Garis Kemiskinan naik sebesar 0.51 %, dari Rp 350,260.00 per kapita per bulan pada Mac 2012 menjadi Rp 352,056.00 per kapita per bulan pada September 2012. Sedangkan untuk daerah perdesaan juga naik sebesar 0.63%, iaitu dari Rp 308,162.00 per kapita per bulan pada Mac 2012 menjadi Rp 310,089.00 per kapita per bulan pada September 2012.³⁸

Kenaikan standard garis kemiskinan seperti yang terjadi di Aceh dilihat dan di perhatikan melalui komponen Garis Kemiskinan, di mana komponen tersebut terdiri dari dua komponen iaitu komponen Garis Kemiskinan Makanan (GKM)³⁹ dan Garis Kemiskinan Bukan Makanan (GKBM)⁴⁰. GKBM di antaranya terdiri dari perumahan,

³⁷Garis kemiskinan merupakan suatu penetapan batas minimum pendapatan yang dianggap perlu untuk di cukupi dalam memperoleh satandar hidup dalam pemenuhan keperluan asas di suatu Negara. Metode yang digunakan adalah menghitung Garis Kemiskinan (GK), yang terdiri dari dua komponen iaitu Garis Kemiskinan Makanan (GKM) dan Garis Kemiskinan Bukan Makanan (GKBM). Penghitungan Garis Kemiskinan dilakukan secara terpisah untuk daerah perkotaan dan perdesaan. Penduduk miskin adalah penduduk yang memiliki rata-rata pengeluaran per kapita per bulan di bawah Garis Kemiskinan.

³⁸Badan Pusat Statistik Aceh, Berita Resmi Statistik No. 4/01/13/Th.VII (2 Januari 2013)

³⁹Garis Kemiskinan Makanan (GKM) merupakan nilai pengeluaran kebutuhan minimum makanan yang disetarakan dengan 2100 kalori per kapita per hari. Paket komoditi kebutuhan dasar makanan diwakili oleh 52 jenis komoditi (padi-padian, ubi, ikan, daging, telur dan susu, sayuran, kacang-kacangan, buah-buahan, minyak dan lemak, dll).

⁴⁰Garis Kemiskinan Bukan Makanan (GKBM) adalah kebutuhan minimum untuk perumahan, sandang, pendidikan, dan kesehatan. Paket komoditi kebutuhan dasar non-makanan diwakili oleh 51 jenis komoditi di perkotaan dan 47 jenis komoditi di perdesaan.

pendidikan, keperluan asas, dan kesihatan. dalam hal ini, peranan komoditi makanan lebih besar dibandingkan dengan peranan komoditi bukan makanan dalam menentukan garis kemiskinan yang berlaku. Di mana pada bulan Mac 2012, sumbangan GKM terhadap GK adalah sebesar 76.12% dan pada bulan September tahun 2012 peranan komponen ini adalah sebesar 76.11%.⁴¹

Jadual 3.4.
Garis Kemiskinan, Jumlah dan Peratus Penduduk Miskin di Provinsi Aceh
Menurut Daerah, Mac 2012 – September 2012

Daerah/ Tahun	Garis Kemiskinan (Rp./Kapita/Bulan)			Jumlah Penduduk Miskin (000)	Peratus Penduduk Miskin
	Makanan	Bukan Makanan	Total		
Dalam Bandar					
Mac, 2012	238,662	94,692	350.26	171.80	13.07
September, 2012	247,271	99,113	352,056	165.43	12.47
Luar Bandar					
Mac 2012	229,447	62,638	308,162	737.24	21.97
September, 2012	242,395	65,87	310,089	711.13	20.97
Luar + Dalam					
Mac 2012	232,039	71,653	320,013	909.04	19.46
September, 2012	243,766	7,522	321,893	876.56	18.58

Sumber: Diolah dari data Survei Sosial Ekonomi Nasional Mac 2012 dan September 2012,
Berita Rasmi Statistik No. 4/01/13/Th.VII, 2 Januari 2013

Dalam penentuan komoditi yang paling di perlukan oleh penduduk miskin, maka diketahui bahawa beras merupakan komoditi yang paling utama bagi penduduk miskin. Pada bulan September 2012 sumbangan pengeluaran beras terhadap Garis Kemiskinan Makanan di wilayah dalam bandar adalah sebesar 32.97%, manakala untuk wilayah luar

⁴¹Badan Pusat Statistik Aceh, Berita Resmi Statistik No. 4/01/13/Th.VII, 2 Januari 2013

bandar adalah sebesar 39.32%. Sedangkan untuk komoditi bukan makanan, maka kos pakaian yang siap di pakai mempunyai peranan yang cukup besar terhadap Garis Kemiskinan Bukan Makanan dengan total nilai adalah sebesar 23.99% untuk wilayah bandar dan 30.37% untuk wilayah luar bandar.⁴²

Jadual 3.5
Peranan Komoditi Terhadap Garis Kemiskinan di Provinsi Aceh, September 2012

	Komoditi	Dalam Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Makanan	Beras	32.97	39.32
	Rokok Tembakau	15.67	13.31
	Ikan Tongkol/tuna/cakalang	7.92	5.79
	Gula	4.86	5.49
	Telur ayam	4.27	3.27
	Cili	3.67	3.06
Bukan Makanan	Pakaian	23.99	30.37
	Perumahan	20.56	20.4
	Minyak Petrol	8.21	8.52
	Pendidikan	7.34	4.4
	Elektrik	6.23	5.88

Sumber: Badan Pusat Statistik Aceh, Berita Rasmi Statistik
No. 4/01/13/Th.VII, 2 Januari 2013

Permasalahan kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat, khususnya masyarakat Aceh dan Indonesia pada umumnya, merupakan permasalahan yang tidak hanya berkenaan jumlah dan peratus penduduk miskin di suatu wilayah, namun dimensi lain yang penting untuk menjadi tumpuan iaitu tingkat keterukan kemiskinan. Keberhasilan dalam memperkecil jumlah penduduk miskin memang sudah sewajarnya di perhatikan namun dari

⁴²*Ibid.*

pada itu polisi kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan juga harus mampu mengurangi tingkat keterukan dari kemiskinan.

Pada tempoh Mac 2012 hingga September 2012, Indeks Kedalaman Kemiskinan (P1) dan Indeks Keperahan Kemiskinan (P2) menunjukkan kecenderungan menurun. Indeks Kedalaman Kemiskinan turun dari 3.548 pada bulan Mac 2012 menjadi 3.069 pada bulan September 2012, sedangkan Indeks Keterukan Kemiskinan pada tempoh yang sama menurun dari 0.994 menjadi 0.825. Penurunan nilai kedua indeks ini menunjukkan bahawa rata-rata pengeluaran penduduk miskin cenderung mendekati garis kemiskinan, serta ketidaksamaan pengeluaran di antara penduduk miskin juga semakin berkurang.

Jadual 3.6
Indeks Tingkat Kemiskinan (P1) dan Indeks Keterukan Kemiskinan (P2) di Provinsi Aceh Menurut Daerah, Mac 2012 - September 2012

Tempoh	Dalam Bandar (%)	Luar Bandar (%)	Dalam dan Luar Bandar (%)
Indeks Tingkat Kemiskinan (P1) Mac, 2012 September, 2012	2.102	4.114	3.548
	1.438	3.708	3.069
Indeks Keterukan Kemiskinan (P2) Mac, 2012 September, 2012	0.551	1.168	0.994
	0.268	1.043	0.825

Sumber: Diolah dari data Survei Sosial Ekonomi Nasional Mac 2012 dan September 2012, Berita Rasmi Statistik No. 4/01/13/Th.VII, 2 Januari 2013

3.5. Pasar Kerja Provinsi Aceh

Sejak tahun 2008 hingga tahun 2012, struktur ketenaga kerjaan di Aceh di dominasi oleh kelompok primer iaitu sektor pertanian, perkebunan, kehutanan dan perikanan dan sektor perlombongan dan penggalian. Akan tetapi peratus penduduk yang bekerja di kelompok ini cenderung menurun dari 49% menjadi 46.24%. Pada sektor sekunder iaitu sektor industri pengolahan, sektor elektrik dan air bersih dan sektor kontruksi juga terjadi penurunan. Penurunan ini terjadi sebesar 11.92% dan 10.72%. Peningkatan ini justeru terjadi pada kelompok keperluan pelengkap (*tahsiniah*) iaitu sektor perdagangan, hotel dan restoran serta sektor pengangkutan dan transportasi, serta sektor kewangan, real estate, juga pada sektor perkhitematan. Peningkatan ini mengalami kenaikan dari pada 39.08% kepada 43.04 % sepanjang tempoh 2008 hingga 2009.⁴³

Pada tahun 2013, ketenagakerjaan Provinsi Aceh tempoh Februari 2013 menunjukkan bahawa terdapat 3.236.220 orang penduduk usia kerja,⁴⁴ iaitu penduduk dengan usia 15 tahun ke atas. Terdapat 65.56 % penduduk dari 3.2 juta penduduk usia kerja termasuk dalam angkatan kerja⁴⁵, hal ini bermakna sebesar 2,121,518 orang merupakan penduduk angkatan kerja. Sedangkan sebesar 34.44 % lainnya merupakan penduduk yang termasuk dalam bukan angkatan kerja atau sekitar 1,114,702 orang. Daripada data tersebut

⁴³Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, "Indikator Ketenagakerjaan Provinsi Aceh Februari 2013", laman sesawang Badan Pusat Statistik Aceh, dicapai 6 Semptember 2013, <http://aceh.bps.go.id/maintenis/pubprov.php?cHViPWluYWtIcmZlYjIwMTM>.

⁴⁴Pengertian Usia Kerja di Indonesia adalah penduduk yang telah berusia 15 (lima belas) tahun ke atas.


⁴⁵Angkatan kerja didefinisikan sebagai penduduk usia kerja yang termasuk dalam kelompok bekerja dan kelompok pengangguran.

menunjukkan bahwa sebahagian penduduk usia kerja yang berada di provinsi Aceh telah siap untuk memasuki pasar tenaga kerja, terlihat dengan tingginya tingkat partisipasi angkatan kerja yang mencapai 65,56 % dari total penduduk usia kerja. Ketenagakerjaan Aceh ini dapat dilihat pada diagram 3.1.

Secara keseluruhannya jumlah penduduk Aceh yang termasuk dalam penduduk usia kerja meningkat pada Februari 2013 dibandingkan Februari 2012. Pada Februari 2013 penduduk usia kerja sebanyak 3,236,220 orang, meningkat sebesar 66,057 orang jika dibandingkan dengan keadaan Februari 2012, dengan jumlah penduduk usia kerja sebanyak 3,170,163 orang.⁴⁶ Peningkatan jumlah penduduk usia kerja menunjukkan semakin banyaknya penduduk yang berada di dalam kelompok usia produktif untuk mendukung perekonomian Provinsi Aceh. Berdasarkan jantina, baik pada keadaan bulan Februari 2012 mahupun Februari 2013, penduduk usia kerja masih sedikit didominasi oleh perempuan dengan 50.59 % bahagian, dibandingkan total penduduk usia kerja.

⁴⁶Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, "Indikator Ketenagakerjaan Provinsi Aceh Februari 2013", laman sesawang Badan Pusat Statistik Aceh, dicapai 6 Semptember 2013, <http://aceh.bps.go.id/maintenis/pubprov.php?cHViPWluYWtIcmZlYjIwMTM>.

Rajah 3.1.
Tenaga Kerja Provinsi Aceh Februari 2013



Sumber: Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh: Indikator Ketenagakerjaan
Provinsi Aceh Februari 2013

Pada bulan Februari 2013 di Provinsi Aceh mengalami kenaikan jika dibandingkan dengan bulan Februari 2012. Pada bulan Februari 2013 penduduk angkatan kerja di Aceh berjumlah 2,121,518 orang, sedangkan pada Februari 2012 berjumlah 2,087,692 orang, artinya peningkatan terjadi sebesar 33,000 orang atau lebih kurang 1.62%.⁴⁷ Peningkatan jumlah penduduk ke dalam golongan angkatan kerja akan lebih menarik untuk analisis bidang ketenagakerjaan dibandingkan hanya menekankan pada analisis penduduk usia kerja. Hal ini disebabkan kerana penduduk yang tergolong usia kerja masih merangkumi penduduk yang bukan angkatan kerja, iaitu penduduk yang berusia produktif untuk berkerja namun tidak berada dalam pasar tenaga kerja seperti penduduk yang bersekolah, mengurus rumah tangga, dan lainnya.

⁴⁷*Ibid.*

Perbandingan antara jumlah penduduk lelaki dengan perempuan yang termasuk dalam golongan kelompok angkatan kerja maka di dapati bahawa penduduk lelaki lebih banyak sekitar 518,000 orang pada bulan Februari 2013 atau sekitar 24.41% lebih banyak dibandingkan penduduk perempuan yang masuk golongan angkatan kerja ini. Hal ini juga terjadi pada tempoh 2012 di mana pada bulan Februari 2012, penduduk lelaki dalam angkatan kerja lebih banyak daripada penduduk perempuan sekitar 481,000 orang atau kurang lebih 23.05%. angkatan kerja lelaki pada Februari 2012 sebanyak 61.52% dan meningkat pada Februari 2013 sebanyak 0.69% menjadi 62.21%.⁴⁸

Pada usia kerja didapati bahawa jumlah perempuan lebih mendominasi dibandingkan dengan jumlah lelaki, sedangkan pada kelompok angkatan kerja jumlah lelaki lebih banyak daripada perempuan, ini menunjukkan bahawa walaupun penduduk usia kerja didominasi oleh perempuan, namun penduduk yang telah bersedia untuk masuk ke pasar tenaga kerja masih dikuasai oleh lelaki. Perkara ini berkaitan dengan tugas dan fungsi lelaki di dalam rumah tangga, di mana seorang lelaki adalah sebagai kepala keluarga yang harus bekerja untuk menafkahi anggota rumah tangganya atau biasa disebut sebagai sistem patriarki.⁴⁹ Dari data tersebut maka diketahui bahawa majoriti penduduk di Provinsi Aceh masih menganut sistem patriarki.⁵⁰

Bagi penduduk yang telah mendapatkan pekerjaan secara aktif dalam ekonomi adalah sebesar 1,943,690 orang atau sekitar 60.06% dari total penduduk usia kerja. Tidak jauh berbeza dengan kelompok penduduk angkatan kerja, pada kelompok penduduk yang

⁴⁸*Ibid.*

⁴⁹Patriarki adalah sebuah sistem sosial yang menempatkan laki-laki sebagai sosok otoriti utama yang sentral dalam organisasi sosial. Ayah memiliki otoriti terhadap perempuan, anak-anak dan harta benda. Secara tersirat sistem ini melembagakan pemerintahan dan hak istimewa laki-laki dan menuntut subordinasi perempuan. Lihat: Bressler, Charles E. *Literary Criticism*, "An Introduction to Theory and Practice", *Pearson Education, Inc.* 2007. ISBN-13: [978-0-13-153448-3](#)

⁵⁰Tim Peneliti SMERU (2001), "Dampak Kebijakan Upah Minimum terhadap Tingkat Upah dan Penyerapan Tenaga Kerja di Daerah Perkotaan Indonesia", Laporan dari Lembaga Penelitian SMERU, dengan dukungan dari USAID/PEG (2001), 9.

telah bekerja, maka jantina lelaki lebih banyak dibandingkan dengan jantina perempuan, hal ini dapat dilihat di mana pada Februari 2013 jumlah lelaki yang bekerja sebanyak 1,224,342 orang atau sekitar 62.99% dari total penduduk kelompok kerja, sehingga hanya sekitar 37.01% perempuan yang bekerja atau sebesar 719,348 orang.⁵¹ Sedangkan Februari 2012 penduduk lelaki yang bekerja adalah sekitar 61.93% dan perempuan sekitar 38.07%.⁵²

Sedangkan untuk golongan yang tidak terserap dalam pasar tenaga kerja atau sebagai kelompok pengangur, maka pada Februari 2013 adalah sebanyak 177,828 orang. Angka ini meningkat sebesar 13,000 orang jika dibandingkan dengan pengangur pada Februari 2012. Apabila dilihat dari segi jantina, maka jumlah pengangur lelaki lebih tinggi dibandingkan dengan pengangur perempuan. Pada Februari 2012 pengangur lelaki sebanyak 93,371 orang dan pengangur perempuan sebanyak 71,036 orang. Sedangkan untuk tahun Februari 2013, pengangur lelaki sebanyak 95,375 orang, dan pengangur perempuan sebanyak 82,453 orang. Beza antara Februari 2012 dengan Februari 2013 adalah lebih kurang 22,000 orang dan pada Februari 2013 pengangur lelaki lebih banyak sekitar 13,000 orang.⁵³

Jika dilihat dari purata pekerjaan penduduk yang bekerja di Provinsi Aceh maka di dapati bahawa majoriti penduduk berstatus sebagai buruh/karyawan/pegawai, iaitu sebesar 32.67% dari total penduduk usia kerja. Namun demikian jumlah tersebut menurun jika dibandingkan dengan keadaan tahun sebelumnya yang mencapai hingga 33.66%. Sedangkan pada bidang status pekerjaan yang berusaha sendiri, terjadi peningkatan sebesar 1.46 % dibandingkan keadaan Februari 2012. Peningkatan ini menunjukkan bahawa semakin banyak peluang pekerjaan yang boleh diciptakan oleh usahawan.

⁵¹The World Bank, Laporan: "Perkembangan Triwulanan Perekonomian Indonesia: Menyoroti Kebijakan Desember 2012", 28.

⁵²Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, "Indikator Ketenagakerjaan Provinsi Aceh Februari 2013", laman sesawang Badan Pusat Statistik Aceh, dicapai 6 Semptember 2013, <http://aceh.bps.go.id/maintenis/pubprov.php?cHViPWluYWwtlcmZlYjIwMTM>.

⁵³*Ibid.*,

Sedangkan untuk bidang status sebagai buruh maka status pekerja buruh juga semakin meningkat, hal ini ditunjukkan oleh bukti dengan adanya peningkatan peratus pengusaha atau syarikat yang berusaha untuk membuka pekerjaan dengan peluang pekerjaan tetap, iaitu sebesar 4.45% pada Februari 2012 menjadi 4.83% di bulan Februari 2013. Keadaan ini juga didukung oleh menurunnya peratus pengusaha yang mengambil buruh tidak tetap, iaitu menurut sebesar 0.38%. Walaupun penurunan ini terjadi dalam jumlah yang kecil namun penurunan tersebut telah menunjukkan penambahbaikan status buruh.⁵⁴

Peningkatan peratus pekerja bebas juga terjadi pada bidang pertanian, dimana peningkatannya terjadi sebesar 4.40%, hal ini menunjukkan bahawa sektor primer masih mempunyai peranan yang besar di pasar kerja. Status pekerjaan yang masih membimbangkan adalah masih tingginya presentasi penduduk perempuan yang bekerja sebagai pekerja tidak dibayar, di mana bahagian mencapai 35.74%. perempuan yang bekerja sebagai buruh sebanyak 29.18% sedangkan untuk peratus penduduk lelaki yang bekerja sebagai buruh adalah sebesar 34.71% dan yang merupakan pekerja keluarga di mana tidak dibayar adalah hanya sebesar 7.60% selain daripada itu penduduk lelaki juga banyak yang bersatus pekerjaannya berusaha sendiri iaitu 22.45% dan berusaha dibantu buruh tidak tetap/buruh tidak dibayar iaitu 19.90%.⁵⁵

3.6. Prosedur dan Mekanisme Penetapan UMP oleh Kerajaan Aceh

Definisi upah di Indonesia juga mengikuti pada apa yang telah termaktub dalam konvensi International Labour Organisation (ILO) mengenai perlindungan upah atau

⁵⁴Word Bank, Kajian Kemiskinan Di Aceh Tahun 2008: Dampak Konflik, Tsunami, dan Rekonstruksi Terhadap Kemiskinan di Aceh, h. 25.

⁵⁵Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, "Indikator Ketenagakerjaan Provinsi Aceh Februari 2013", laman sesawang Badan Pusat Statistik Aceh, dicapai 6 September 2013, <http://aceh.bps.go.id/maintenis/pubprov.php?cHViPWluYWwtlcmZlYjIwMTM>

protection of wage. Prinsip ini secara umum juga menjadi landasan Negara Indonesia dalam menetapkan upah buruh, walaupun adanya sedikit penyesuaian. Definisi upah yang dipahami dalam undang-undang Indonesia mengikut Peraturan Pemerintah No. 08 Tahun 1981 mengenai Perlindungan Upah adalah suatu penerimaan sebagai imbalan dari pengusaha kepada buruh untuk suatu pekerjaan atau jasa yang telah atau akan dilakukan, dinyatakan atau dinilai dalam bentuk wang yang ditetapkan menurut suatu persetujuan atau perundangan, dan dibayarkan atas dasar suatu perjanjian kerja antara pengusaha dengan buruh, termasuk faedah baik untuk buruh sendiri mahupun keluarganya.⁵⁶

Dari pada pengertian upah menurut undang-undang tersebut, maka upah adalah dua hak dan kewajiban yang saling berkait antara buruh dengan syarikat. Upah menjadi hak bagi buruh, dan menjadi kewajiban bagi syarikat. Hal ini menjadi suatu pengertian mendasar kepada Negara Indonesia bahawa upah harus memiliki sifat sosial, di mana besaran kadar upah serta faedah harus mampu memenuhi keperluan dan keperluan keluarga buruh.

Dalam Undang-undang Republik Indonesia No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan, telah diatur berkenaan dengan prosedur pengupahan di Indonesia, baik ditingkat provinsi mahupun ditingkat Kabupaten. Dalam undang-undang tersebut pada bahagian kedua, khususnya dimulai dari Pasal 88 ayat (1 hingga 3) iaitu:

Setiap pekerja/buruh berhak memperoleh penghasilan yang memenuhi penghidupan yang layak bagi kemanusiaan. (2). Untuk mewujudkan penghasilan yang memenuhi penghidupan yang layak bagi kemanusiaan sebagaimana dimaksud pada ayat (1), pemerintah menetapkan kebijakan pengupahan yang melindungi pekerja/buruh. (3). “Kebijakan pengupahan yang melindungi pekerja/buruh sebagaimana dimaksud pada ayat (2) meliputi :

- a. Upah Minimum*
- b. Upah kerja lembur*
- c. Upah tidak masuk kerja kerana berhalangan*

⁵⁶Suwarto, *Hubungan Industrial dalam Praktek*, Asosiasi Hubungan Industrial Indonesia, 2003 hal 188

- d. *Upah tidak masuk kerja kerana melakukan kegiatan lain di luar pekerjaannya,*
- e. *Upah kerana menjalankan hak waktu istirahat kerjanya*
- f. *Bentuk dan cara pembayaran upah*
- g. *Denda dan potongan upah*
- h. *Hal-hal yang dapat diperhitungkan dengan upah*
- i. *Struktur dan skala pengupahan yang proporsional*
- j. *Upah untuk pembayaran pesangon,⁵⁷ dan*
- k. *Upah untuk perhitungan pajak penghasilan.⁵⁸*

Dalam Pasal 88 ayat (4) kemudian dijelaskan berkenaan dengan landasan penetapan kadar upah minimum berdasarkan Keperluan Hidup Layak (KHL). Di mana ayat (4) ini berbunyi iaitu:

Pemerintah menetapkan Upah Minimum sebagaimana dimaksud pada ayat (3) huruf (a) berdasarkan keperluan hidup layak dan dengan memperhatikan produktivitas dan pertumbuhan ekonomi.⁵⁹

Dalam undang-undang Penetapan Upah Minimum ini, mekanisme penetapan upah dijelaskan pada Pasal 89 ayat (1) dan (2). Penetapan besaran upah dibahagi menjadi dua iaitu (a) berdasarkan wilayah Provinsi atau Kabupaten/kota, (b) berdasarkan sektor pada wilayah Provinsi atau Kabupaten/kota yang diarahkan kepada pencapaian keperluan hidup layak. Penetapan kadar upah minimum ditingkat provinsi dilakukan oleh Gabenor sesuai dengan aturan yang dijelaskan dalam Pasal 89 ayat (3) iaitu:

Upah Minimum sebagaimana dimaksud pada ayat (1) ditetapkan oleh Gabenor dengan mempertimbangkan rekomendasi dari Dewan Pengupahan Provinsi dan/atau Bupati/Walikota.” Ayat (4) “Komponen serta pelaksanaan tahapan pencapaian keperluan hidup layak diatur dengan Keputusan Menteri.⁶⁰

Penentuan kadar Upah Minimum yang menjadi bidang kuasa pemerintah dalam hal ini adalah Gabenor, kemudian diatur lagi bagaimana peringkat dan pihak yang akan

⁵⁷Pasangon adalah ganti rugi dalam bentuk wang yang di berikan syarikat apabila memberhentikan buruh dari pekerjaannya.

⁵⁸Undang-undang Republik Indonesia No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan, Pasal 88 ayat 1-3.

⁵⁹ *Ibid*, ayat 4.

⁶⁰ *Ibid*, Pasal 89 ayat 1-2.

membantu Gabenor sebelum menentukan kadar upah. Melalui Pasal 98 ayat (1) diterangkan bahawa pihak yang akan membantu Gabenor dalam penetapan kadar upah yang bersesuaian adalah Dewan Pengupahan provinsi. Pembentukan dewan pengupahan provinsi ini diatur dalam Pasal 98 ayat (1) iaitu:

Untuk memberikan saran, pertimbangan, dan merumuskan kebijakan pengupahan yang akan ditetapkan oleh pemerintah, serta untuk pengembangan sistem pengupahan nasional dibentuk Dewan Pengupahan Nasional, Provinsi dan Kabupaten/Kota.⁶¹

Setelah pembentukan Dewan Pengupahan Provinsi, sebagai pihak yang akan membantu Gabenor dalam penentuan kadar upah buruh, maka kemudian pada Ayat (2) Undang-undang Republik Indonesia No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan menjelaskan unsur keanggotaan Dewan Pengupahan Provinsi, iaitu:

Keanggotaan Dewan Pengupahan sebagaimana dimaksud pada ayat (1) terdiri dari unsur pemerintah, organisasi pengusaha, syarikat pekerja/syarikat buruh, perguruan tinggi dan pakar. Ayat (3): Keanggotaan Dewan Pengupahan tingkat Nasional diangkat dan diberhentikan oleh Presiden, sedangkan keanggotaan Dewan Pengupahan Provinsi, Kabupaten/Kota diangkat dan diberhentikan oleh Gabenor/Bupati/Walikota.⁶²

Tata cara mengenai pembentukan dewan pengupahan provinsi, bagaimana komposisi keanggotaannya, tata cara pelantikan dan pemberhentian keanggotaan, serta tugas dan tata kerja Dewan Pengupahan sebagaimana dimaksudkan pada ayat (1) dan ayat (2) kemudian diatur dengan Keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 107 Tahun 2004 Tentang Dewan pengupahan. Dewan Pengupahan Provinsi diangkat dan dipilih selama tiga tahun sekali, di mana seperti yang telah ditetapkan dalam pasal 98 di atas bahawasanya keanggotaan dewan pengupahan provinsi terdiri dari pada unsur Pemerintah, Organisasi Pengusaha, Syarikat Pekerja/Syarikat Buruh, Perguruan Tinggi, dan Ahli Ekonomi.

⁶¹*Ibid*, Pasal 98 ayat 1.

⁶²*Ibid*, Ayat 2.

Dalam menentukan kadar upah yang akan diajukan kepada Gabenor, Dewan Pengupahan Provinsi harus mempertimbangkan kadar upah yang sesuai dengan Keperluan Hidup Layak menurut Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak (KHL) untuk Pekerja Bujang. Komponen KHL yang diatur dalam peraturan Menteri tersebut merangkumi keperluan pokok yang harus diperolehi buruh bujang selama satu bulan. Keperluan pokok tersebut merangkumi makanan dan minimum terdiri dari pada 11 (sebelas) komponen, sandang terdiri dari 13 (tiga belas) komponen, perumahan terdiri dari 26 (dua puluh enam) komponen, pendidikan terdiri dari 2 (dua) komponen, kesihatan terdiri dari 5 (lima) komponen, Transportasi 1 (satu) komponen, Rekreasi dan Tabungan 2 (dua) komponen. Rinciannya item komponen-komponen keperluan hidup buruh bujang tersebut boleh dilihat pada lampiran A.

Dalam menetapkan nilai KHL di suatu daerah, dalam hal ini provinsi Aceh. Dewan Pengupahan Provinsi Aceh terlebih dahulu menentukan besaran Keperluan Hidup Minimum (KHM) yang besarnya lebih dari pada 20% lebih tinggi dari KFM (Keperluan Fizik Minimum) yang selama tempoh sebelum 1996 menjadi landasan dalam penetapan kadar upah minimum di Indonesia. KHL yang merupakan landasan dalam penentuan kadar upah minimum merupakan peningkatan dari Keperluan Hidup Minimum (KHM) yang besarnya diperolehi dari survei harga yang dilakukan oleh kumpulan ahli yang terdiri dari pada unsur gabungan yang di bentuk oleh Ketua Dewan Pengupahan Provinsi Aceh. Ianya merupakan suatu lembaga non struktural yang bersifat tripartik yang akan bertugas memberikan saranan dan cadangan serta pertimbangan kepada Gabenor dalam penetapan kadar upah minimum.

Acuan survei harga penetapan nilai Keperluan Hidup Layak (KHL) yang dilakukan oleh lembaga ini dilaksanakan dengan menggunakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Menteri Tenaga kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak di mana survei yang dilakukan melalui beberapa tahapan. Tahapan pertama adalah dengan dibentuknya kumpulan survei oleh Ketua Dewan atau Bupati atau Wali Kota. Kumpulan yang dibentuk akan disesuaikan dengan keperluan, namun biasanya jumlah kumpulan adalah 5 (lima) orang yang terdiri dari pada 4 (empat) orang anggota Dewan Pengupahan, yang keanggotaan Dewan Pengupahan ini terdiri dari unsur Pemerintah, Organisasi Pengusaha, Syarikat Buruh, Perguruan Tinggi. Sedangkan untuk 1 (satu) orang lagi adalah dari BPS setempat. Tahapan pelaksanaan survei dalam penentuan nilai KHL ini dapat dilihat secara lengkap dalam Lampiran A.

Setelah proses servey berjalan secara keseluruhan, kemudian Dewan Pengupahan mengajukan besaran kadar KHL untuk dijadikan landasan dalam penetapan kadar UMP. Dengan adanya kadar UMP yang ditetapkan oleh pemerintah ini, maka setiap syarikat atau pengusaha dilarang membayar upah lebih rendah dari pada kadar upah minimum yang telah ditentukan. Hal ini sesuai dengan yang termaktub dalam pasal 89. Namun demikian, jika syarikat didapati tidak mempunyai kesanggupan untuk membayar upah para buruhnya mengikut kadar upah yang telah ditetapkan maka, syarikat berkenaan boleh melakukan permohonan penangguhan. Penangguhan pembayaran kadar upah ini diatur dengan Keputusan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor: Kep. 231/Men/2003.

Sedangkan untuk kesepakatan kadar upah yang dipersetujui antara syarikat dengan buruh sah jika mengikut kadar upah minimum yang telah ditetapkan oleh pemerintah. Hal ini diatur pada pasal 91 ayat (1) dan (2) Undang-undang Nombor 13 Tahun 2003. Dalam

pasal tersebut diatur bahawasanya pengaturan pengupahan yang ditetapkan atas persetujuan antara syarikat dan pekerja tidak boleh lebih rendah dari ketentuan pengupahan yang ditetapkan undang-undang yang berlaku. Jika ternyata kadar upah tersebut lebih rendah maka persetujuan tersebut akan batal secara hukum dan syarikat diharuskan membayarkan upah buruhnya menurut peraturan undang-undang yang berlaku.

Berkenaan penyusunan struktur atau skala upah, dalam Undang-undang Nombor 13 Tahun 2003 Pasal 92 ayat (1) hingga ayat (3) menjelaskan bahawa:

Pengusaha menyusun struktur dan skala upah dengan memperhatikan golongan, jabatan, masa kerja pendidikan dan kompetensi.” Ayat (2) : Pengusaha melakukan peninjauan upah secara berkala dengan memperhatikan kemampuan perusahaan dan produktivitas. Ayat (3) :Ketentuan mengenai struktur dan skala upah diatur dengan Keputusan Menteri.

3.7. Implementasi Penetapan UMP di Aceh

Setelah ketentuan upah minimum ditetapkan melalui keputusan Gabenor, maka kemudian setiap syarikat swata mahupun negeri mesti membayar upah buruh mereka sesuai dengan kadar upah yang telah ditetapkan. Namun demikian, ketentuan kadar upah minimum berdasarkan keputusan Gabenor tersebut meliputi:

- a. Kadar upah minimum sebagaimana dimaksud dalam keputusan Gabenor adalah Upah Bulanan Terendah yang terdiri dari Upah Pokok termasuk Faedah Tetap.
- b. Kadar Upah Minimum yang ditetapkan hanya berlaku bagi buruh yang tingkatannya paling rendah dan mempunyai masa kerja kurang dari 1 (satu) tahun.
- c. Bagi buruh yang berstatus tetap, tidak tetap dan dalam masa percobaan, upah yang diberikan oleh pengusaha serendah-rendahnya sebesar Upah Minimum Kabupaten (UMK).

- d. Untuk para buruh atau pekerja harian, artinya tidak tetap maka kadar upah mereka ditentukan secara upah bulanan yang akan dibayarkan berdasarkan jumlah hari kehadiran mereka bekerja, dengan perhitungan upah harian. Iaitu:
- (1) Untuk syarikat dengan sistem masa kerja 6 (enam) hari dalam satu minggu, maka upah bulanan dibahagi 25 (dua puluh lima)
 - (2) Bagi syarikat dengan sistem masa kerja 5 (lima) hari dalam seminggu, maka upah bulanan dibahagi menjadi 21 (dua puluh satu).
- e. Jika ada sebuah syarikat yang tidak mampu melaksanakan ketentuan UMP, maka boleh mengajukan penangguhan Upah Minimum tersebut kepada Gabenor atau Pejabat yang ditunjuk sesuai dengan peraturan perundang-undangan yang berlaku dan selawat-lewatnya 10 (sepuluh) hari sebelum berlakunya Surat Keputusan Gabenor.

Kadar upah yang telah ditetapkan oleh Gabenor melalui penguatkuasaan keputusan Gabenor ini kemudian diawasi oleh Dinas Tenaga Kerja dan Imigrasi Provinsi Aceh. Pengawasan ini lebih menyangkut dengan kepatuhan dan pelaksanaan pembayaran upah buruh mengikut kadar UMP yang telah ditetapkan oleh keputusan Gabenor tersebut.

Dalam dalam pelaksanaan UMP, sisi lain yang perlu diketahui adalah berkaitan dengan kewajiban bagi setiap syarikat untuk menyusun Peraturan Perusahaan (PP) dan Perjanjian Kerja Bersama (PKB). Pengertian peraturan perusahaan adalah peraturan yang dibuat secara tertulis oleh syariat berkenaan dengan syarat kerja dan tata tertib syarikat. Peraturan syarikat paling kurang mencakup hal-hal berikut:

- (1) Hak dan kewajiban syarikat
- (2) Hak dan kewajiban buruh
- (3) Syarat kerja
- (4) Tata tertib syarikat, dan
- (5) Jangka waktu berlakunya peraturan syarikat berkenaan.

Sedangkan pengertian Perjanjian Kerja Bersama yaitu suatu perjanjian yang merupakan hasil kesepakatan antara pihak syarikat buruh yang tercatat di instansi yang bertanggung jawab di bidang tenaga kerja dengan syarikat, atau beberapa syarikat atau organisasi syarikat yang merangkumi syarat-syarat kerja, hak dan kewajiban kedua-dua belah pihak. Perjanjian kerja harus mengandungi beberapa hal berikut, iaitu:

- (1) Hak dan kewajiban pengusaha
- (2) Hak dan kewajiban syarikat buruh serta buruh
- (3) Jangka waktu dan tarikh mulainya perjanjian kerja bersama
- (4) Tanda tangan para pihak pembuat perjanjian kerja bersama.

Sekiranya syarikat tidak melaksanakan semua peraturan di atas, sama ada kadar UMP, Peraturan Perusahaan (PP) serta Perjanjian Kerja Bersama (PKB), maka setiap pihak boleh melaporkan kepada Dinas Tenaga Kerja dan Imigrasi Aceh, yang kemudian boleh mengambil tindakan mengikut peraturan yang berlaku.

3.8. Kesimpulan

Keadaan ekonomi masyarakat Aceh pada saat ini dilihat dari sisi struktur pertumbuhan ekonomi tergolong masih sangat lemah, terbukti di mana provinsi Aceh menjadi provinsi dengan tingkat kemiskinan nombor enam ditingkat Sumatera. Padahal sumberdaya dan kekayaan provinsi Aceh boleh dikatakan mencukupi. Kemiskinan tinggi ini jika dikaitkan dengan impak buruk dari konflik, serta ditambah dengan terjadinya bencana gempa dan tsunami pada tahun 2006 silam memang rasional, oleh demikian setiap polisi kerajaan Aceh yang menyangkut dengan pembangunan struktur untuk kebaikan ekonomi masyarakat Aceh sangat dibutuhkan pada saat ini.

Polisi yang menjadi salah satu harapan rakyat Aceh saat ini adalah polisi penetapan kadar upah minimum buruh yang bekerja di Aceh. Dengan polisi ini diharapkan tingkat

kemiskinan Aceh boleh menurun pada setiap tahunnya. Polisi upah minimum ini telah diterapkan sejak tahun 1969 di Indonesia, Pelbagai perubahan telah disusun untuk menyempurnakan aturan ini, di mana aturan terakhir yang dikeluarkan pemerintah dalam hal peningkatan dan perlindungan hak-hak buruh adalah dengan dikeluarkannya Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen Dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak, di mana dalam peraturan Menteri ini diatur bagaimana mekanisme persiapan sebelum penentuan kadar upah minimum dikuatkuasakan di suatu provinsi.

Dalam Peraturan Menteri tersebut dijelaskan bahawasanya kadar upah minimum haruslah berlandaskan tingkat keperluan layak masyarakat, mengikut daerah masing-masing. Tingkat keperluan hidup layak menjadi acuan dalam penentuan kadar upah minimum di setiap provinsi di Indonesia, termasuk di Aceh. Dalam prosedur penentuan KHL ini, Dewan Pengupahan yang dibentuk oleh Gabenor mengikut Undang-undang Republik Indonesia No. 13 tahun 2003 tentang kenengakerjaan kemudian melaksanakan survei untuk menentukan kadar KHL di dalam masyarakat. Pelaksanaan dan komponen survei berkenaan KHL ini telah diatur dalam keputusan Menteri di mana komponen-komponen tersebut mencakup 7 (tujuh) kekompok keperluan di mana terdiri dari 60 (enam puluh) komponen untuk keperluan bujang dalam satu bulan.

Dalam implementasinya, setiap syarikat kemudiaan diharuskan membayar gaji setiap buruhnya tidak lebih rendah dari pada kadar yang telah ditetapkan melalui UMP tersebut. Dinas Tenaga Kerja dan Imigrasi Provinsi Aceh menjadi pihak yang mengawasi pelaksanaan aturan tersebut dilapangan. Jika kemudian ada syarikat yang tidak mampu membayar upah buruh mereka mengikut kadar upah yang telah ditetapkan, maka syarikat berkenaan diperbolehkan mengajukan rayuan untuk penangguhan pembayaran kadar upah

berdasarkan kadar upah yang telah ditentukan, paling lewat 10 (sepuluh hari) sebelum aturan berkenaan dikuatkuasakan.

BAB IV
DAPATAN KAJIAN:
POLISI PENETAPAN UPAH MINIMUM PROVINSI (UMP) ACEH MENURUT
EKONOMI ISLAM

4.1. Pengenalan

Penetapan kadar upah buruh melalui polisi penetapan Upah Minimum Provinsi (UMP) secara langsung menjadi harapan masyarakat Aceh untuk meningkatkan kehidupan perekonomian mereka, hal ini kerana landasan hukum dalam penetapan kadar upah melalui polisi UMP ini merujuk tuntutan UUD 1945 pasal 27 ayat (2) sebagai landasan hukum tertinggi di Indonesia. Dalam UUD 1945 tersebut, menegaskan bahawa setiap warga Negara Indonesia berhak atas pekerjaan dan penghidupan yang layak bagi kemanusiaan. Oleh kerana itu, setiap buruh yang bekerja di syarikat Negara mahupun syarikat swasta berhak menerima kadar upah yang wajar dan layak untuk memenuhi kehidupan mereka.

Selain dari pada UUD 1945, landasan hukum pelaksanaan UMP di Indonesia adalah berdasarkan Undang-Undang Nombor 14 Tahun 1969, Tentang ketentuan-ketentuan pokok mengenai tenaga kerja (Lembaran Negara Tahun 1969 Nombor 55, Tambahan Lembaran Negara Nombor 2912), Peraturan Kerajaan (PP) Nombor 8 Tahun 1981 tentang perlindungan upah (Lembaran Negara Tahun 1981 Nombor 39, Tambahan Lembaran Negara Nombor 3201), serta Peraturan Menteri Tenaga Kerja RI yang merupakan teknis dari pelaksanaan Undang- Undang dan PP di atas.

Semua landasan hukum (KUH Perdata dan Undang-Undang) pelaksanaan UMP di atas hanya mengatur berkenaan dengan upah secara luas dan umum. Di mana aturan kadar upah yang mesti dibayarkan syarikat kepada buruh tidak diatur secara terperinci. Oleh sebab itu kerajaan kemudian perlu untuk mengeluarkan aturan guna mengatur kadar upah yang mesti dibayarkan kepada buruh oleh syarikat. Aturan berkenaan dengan ketetapan

kadar upah ini antara lain adalah Peraturan Menteri Tenaga Kerja tentang Penetapan Upah Minimum Regional di tiga puluh tiga provinsi yang ada di Indonesia.

Peraturan yang dikeluarkan kerajaan berkenaan dengan masalah UMP juga dalam Undang-Undang Nombor 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan (lembaran Negara RI tahun 2003 Nombor 39, tambahan lembaran Negara RI Nombor 4279), Undang-undang Nombor 32 Tahun 2004 Tentang Kerajaan Daerah (Lembaran Negara RI Nombor 4437), Keputusan Presiden RI Nombor 107 Tahun 2004 Tentang Dewan Pengupahan, Keputusan Presiden RI Nombor 187/M Tahun 2004 Tentang Pembentukan Kabinet Indonesia Bersatu, Peraturan Menteri Tenaga Kerja Nombor 01 Tahun 1999. Keputusan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Nombor Kep 226/MEN/2000 Tentang Upah Minimum, Peraturan Kerajaan Nombor 25 Tahun 2000 Tentang Kewenangan Provinsi sebagai Daerah Otonom (Lembaran Negara RI tahun 2000 Nombor 54, Tambahan Lembaran Negara RI Nombor 3942).¹

Berlandaskan semua pertimbangan hukum seperti yang dijelaskan di atas, maka Gubernur Aceh kemudian menetapkan Polisi Upah Minimum sebagai sebuah standar upah minimum yang mesti dibayarkan syarikat kepada buruh. Polisi UMP ini ditetapkan setahun sekali yang merujuk kepada Undang-undang, peraturan kerajaan dan peraturan Menteri, seperti yang telah disebutkan di atas. Dengan penetapan upah ini diharapkan pertumbuhan dan perkembangan perekonomian di Aceh, khususnya bidang tenaga kerja lebih stabil.

¹Peraturan Menteri Tenaga Kerja Dan Transmigrasi Republik Indonesia Nomor : PER-17/MEN/VIII/2005

4.2. Analisis Prosedur dan Pelaksanaan Sistem Penetapan Upah Minimum Provinsi Aceh menurut Ekonomi Islam

Seperti yang telah dijelaskan pada BAB III penelitian ini, mekanisme penetapan UMP diawali dengan pembentukan Dewan Pengupahan Provinsi, yang merupakan lembaga tidak struktural yang bersifat tripartite,² yang terdiri dari unsur kerajaan (perguruan tinggi dan pakar), pengusaha, dan perwakilan pekerja. Secara personalia Struktur Dewan Pengupahan Provinsi ditetapkan oleh Kepala Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh, di mana susunan dan personalia lembaga ini terdiri dari:³

- Ketua : Kepala Disnaker dan Mobduk Provinsi Aceh
- Wakil Ketua : Fakultas Hukum Universitas Syiah Kuala
- Sekretaris : Sekretaris Disnaker dan Mobduk Provinsi Aceh
- Anggota : 1) Unsur Biro Hukum SETDA Provinsi Aceh
2) Unsur BAPPEDA Provinsi Aceh
3) Unsur BPS Provinsi Aceh
4) Unsur Badan Pariwisata Daerah Provinsi Aceh
5) Unsur DISPERINDAGKOP Provinsi Aceh
6) Unsur DISNAKERTRANS Provinsi Aceh, 3 (tiga) orang
7) Unsur DPD APINDO Aceh, 4 (tujuh) Orang
8) Unsur DPD Konfederasi SPSI Provinsi Aceh, 2 (dua) orang
9) Unsur DPD FSPN Provinsi Aceh, 2 (dua) orang

Dalam melaksanakan tugasnya, dewan pengupahan akan melaksanakan tinjauan di seluruh kabupaten di Aceh guna mengetahui besaran KHL⁴ di daerah. Besaran KHL daerah kemudian menjadi acuan pokok dalam penetapan kadar UMP. Besaran KHL berdasarkan Kabupaten berbeza-beza, hal ini disebabkan kerana pertumbuhan dan tingkat inflasi di daerah berbeza. Oleh kerana itu, kemudian dalam menentukan besaran KHL Provinsi,

²Tripartite adalah lembaga yang terdiri dari Dewan Pengupahan Provinsi, perwakilan buruh, perwakilan syarikat, akademisi, dan perwakilan badan statistic.

³Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

⁴KHL adalah singkatan dari Keperluan Hidup Layak. Ianya merupakan batas minimum keperluan hidup seorang buruh. Dalam Islam KHL dikenal sebagai *had al kifayah*.

Dewan Pengupahan Provinsi akan melihat nilai KHL tingkat Kabupaten yang tidak terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah. Artinya KHL tingkat Provinsi ditetapkan berdasarkan hasil survei nilai KHL Kabupaten yang nilai KHL nya di tengah-tengah, tidak terlalu tinggi mahupun tidak terlalu rendah.⁵

Jadual 4.1
Nilai KHL Tingkat Kabupaten di Aceh Tahun 2011

No	Nama KAB/ Kota	Besaran KHL (Rp)	Dalam Ringgit Malaysia (RM 1= 3513.73)
1.	Kabupaten Bireun	1,297,929.00	369.35
2.	Kabupaten Aceh Utara	1,400,773.00	398.65
3.	Kabupaten Bener Meriah	1,292,486.00	367.80
4.	Kabupaten Aceh Timur	1,488,108.00	423.50
5.	Kabupaten Aceh Barat	1,734,315.00	493.58
6.	Kabupaten Aceh Jaya	1,588,468.00	452.00
7.	Kabupaten Abdy	1,654,200.00	470.70
8.	Kota Subulussalam	1,420,773.00	404.34
9.	Kabupaten Aceh Singkil	1,523,425.00	433.50
10.	Kabupaten Aceh Tamiang	1,360,995.00	387.30
Provinsi Aceh		Rp. 1,334,000.00	RM 379.60

Sumber: Dinas Tenaga kerja dan Mobilitas Penduduk Aceh

Penetapan besaran KHL Provinsi mengikut besaran KHL Kabupaten misalnya dapat dilihat pada besaran KHL pada tahun 2011, di mana pada tahun ini UMP Aceh merupakan kadar UMP tertinggi di Indonesia. Kadar KHL Kabupaten tersebut dapat dilihat pada jadual 4.1. Pada tahun 2011, nilai KHL provinsi Aceh ditetapkan sebesar 1,334,000.00 sedangkan

⁵*Ibid.*

kadar UMP yang ditetapkan adalah 1,350,000.00. Kadar UMP sebesar 1,350,000.00 ditetapkan berdasarkan Nilai rata-rata KHL dari seluruh Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh.

Hasil survei nilai KHL yang dilakukan oleh Dewan Pengupahan menjadi landasan pokok dalam penetapan nilai KHL Provinsi Aceh, yang kemudian menjadi landasan pokok kadar UMP yang akan ditetapkan Gubernur.

“Nilai KHL merupakan acuan pokok dalam penetapan kadar UMP Provinsi. Tetapi inflasi dan pertumbuhan ekonomi serta tingkat pengangguran juga ikut dipertimbangkan. Namun intinya, yang biasa susah untuk di sepakati adalah kadar UMP yang mengikut KHL”⁶

Survei yang dilakukan oleh Dewan Pengupahan ini dilakukan dengan berpedoman kepada soal selidik yang diterbitkan oleh Direktorat Pengupahan dan Jaminan Sosial Ketenagakerjaan, Direktorat Jenderal Pembinaan Hubungan Industrial dan Jaminan Sosial Tenaga kerja, Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi. Survei yang dilakukan Dewan Pengupahan ini bersifat menjalin ikatan emosional dengan para responden atau dengan seolah-olah ingin membeli barang.⁷ Di samping itu, Dewan Pengupahan tidak menjadikan hasil survei yang dilakukan oleh Badan Pusat Statistik (BPS) untuk dijadikan pertimbangan dalam menentukan nilai KHL. Hal ini lebih disebabkan oleh perbezaan metode survei yang dijalankan oleh kedua lembaga. Perbezaan ini dijelaskan oleh Pakeh Sulaiman iaitu:

“Dalam menjalankan survei KHL metode yang digunakan oleh BPS adalah berlandaskan kepada IHK (indeks harga pengguna) iaitu dengan cara pihak BPS mendatangi tempat di mana terjadinya transaksi jual beli dengan menunggu pembeli datang sedangkan survei yang dilakukan oleh Dewan Pengupahan bersifat menjalin ikatan emosional seolah-olah pihak Dewan Pengupahan ingin membeli barang berkenaan”.⁸

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*

⁸ Pakeh Sulaiman (Kepala Seksi Pengupahan, Jaminan Sosial Ketenagakerjaan dan Kesejahteraan Tenaga Kerja, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

Dengan diperolehnya nilai KHL dari seluruh Kabupaten dan Kota diseluruh Aceh, maka barulah Dewan Pengupahan menentukan nilai KHL Provinsi. Dengan nilai KHL Provinsi ini kemudian Dewan Pengupahan melaksanakan mesyuarat secara tripartit⁹ untuk memutuskan kadar cadangan UMP. Mesyuarat ini dilaksanakan dengan mempertimbangkan kedua-dua unsur iaitu pengusaha dan buruh, selanjutnya akan dijadikan cadangan Dewan Pengupahan Provinsi Aceh sebagai bahan pertimbangan lebih lanjut dalam menerbitkan Peraturan Gabenor tentang penetapan UMP Aceh.¹⁰ Berdasarkan hasil mesyuarat inilah kemudian Gabenor Aceh menetapkan kadar UMP melalui keputusan Gabenor. Peraturan Gabenor ini kemudian mengikat setiap pembayaran upah buruh, pegawai honor atau guru honor yang bekerja di Provinsi Aceh.

Jadual 4.2.
Kadar UMP Aceh dari Tahun 2009-2013

Tahun	Nombor Surat Keputusan (SK)	Kadar UMP (Rp)	Nilai KHL (Rp)	Kadar Kenaikan
2009	Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh No. 95 Tahun 2008	1,200,000	1,414,732	-
2010	Peraturan Gabenor (Per Gub) Aceh No. 132 Tahun 2009	1,300,000	1,494,792	8.3%
2011	Peraturan Gabenor (Per Gub) Aceh No. 56 Tahun 2010	1,350,000	1,334,000	3.8%
2012	Peraturan Gabenor (Per Gub) No.76 Tahun 2011	1,400,000	1.531.459	3.7%
2013	Peraturan Gabenor (Pergub) Aceh. 65 Tahun 2012	1,550,000	1.600.000	10.7%

Sumber: Peraturan Gabenor Aceh dari Tahun 2009 hingga Tahun 2013

⁹Tripartit adalah mesyuarat dalam menentukan kadar upah minimum oleh pihak Dewan Pengupahan Provinsi, perwakilan buru, perwakilan organisasi syarikat, akademisi, dan Badan Pusat Statistik (BPS).

¹⁰Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

4.2.1. Analisis Proses Penetapan UMP Berlandaskan Nilai KHL

Dalam proses penetapan UMP secara keseluruhan, jika ditinjau secara konsep Islam maka terdapat beberapa hal penting yang kurang sesuai dengan konsep ekonomi Islam. Hal yang tidak sesuai mengikut ekonomi Islam ini menjadi bahan yang perlu dianalisis dan dicadangkan solusi guna memperoleh penyelesaian masalah, sehingga polisi dalam penetapan UMP Aceh dimasa hadapan lebih sesuai dengan syariat Islam. Hal-hal yang kurang sesuai tersebut akan di huraikan di bawah ini.

4.2.1.1. Proses Penentuan Komponen Keperluan Hidup Layak

Dalam penetapan kadar UMP di Aceh seperti yang telah kita bahas di atas, Petama yang menjadi landasan utama kadar upah adalah berdasarkan KHL, di mana dalam penentuan nilai KHL ini merujuk pada item-item yang telah ditentukan oleh peraturan Menteri tenaga kerja Indonesia. Item-item ini telah dijelaskan pada BAB II, di mana pada setiap tahunnya item keperluan pokok buruh berbeza-beza, tergantung penilaian dari pihak yang berwenang dalam hal ini Dewan Pengupahan Nasional memilih dan menentukan item yang menjadi keperluan buruh dalam kehidupan sehari-hari. Setelah penentuan item komponen keperluan hidup ditetapkan melalui keputusan Menteri, barulah setiap provinsi melaksanakan survei di daerah masing-masing sebelum menentukan nilai KHL provinsi untuk menjadi rujukan UMP wilayah masing-masing.

Dalam proses penentuan komponen keperluan hidup layak tersebut secara asasi telah memenuhi keperluan hidup buruh bujang secara material. Namun demikian, jika kemudian komponen-komponen keperluan hidup layak tersebut ditinjau kembali menurut keperluan dasar seorang buruh bujang berdasarkan agama khususnya Islam, maka komponen tersebut belumlah mewakili keperluan hidup seorang buruh bujang muslim baik

secara jasmani mahupun rohani. Padahal manusia hidup pada asasnya haruslah terpenuhinya keperluan jasmani mahupun rohani.

Penentuan komponen keperluan hidup layak yang menjadi acuan pokok kadar UMP ditetapkan oleh Menteri tenagakerja semata-mata berlandaskan komponen keperluan hidup yang bersifat jasmani atau material. Di mana komponen-komponen tersebut belum sepenuhnya mempertimbangkan keperluan setiap buruh menurut jenis kelamin atau agama.

Hal ini seperti dinyatakan oleh Syamsul Raden iaitu:¹¹

“Survei KHL sepenuhnya mengikut peraturan Menteri Tenaga Kerja, tidak boleh lari dari pada itu (item KHL). Komponen-komponen yang telah ditetapkanpun tidak boleh kita tambah atau pun kita kurang. Dalam peraturan tersebut memang tidak membedakan antara keperluan buruh wanita atau lelaki atau pun keperluan buruh mengikut agama, Islam atau agama lain. KHL tersebut hanya mengikut keperluan hidup buruh bujang, lebih dari itu tidak. Padahal memang pada dasarnya komponen keperluan buruh jika ditinjau menurut jenis kelamin atau agama maka akan terjadi perbezaan komponen yang diperlukan buruh berkenaan dalam kehidupan keseharian mereka”.

Selain itu juga di tegaskan oleh Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi

Aceh iaitu:

“Survei yang dilakukan oleh Dewan Pengupahan sepenuhnya mengikut peraturan Menteri. Kami ikut sahaja apa yang disuruh. Termasuk dalam penentuan komponen yang di survei, tidak boleh kami menambah atau mengurang komponen yang telah ditetapkan. Komponen-komponen tersebut memang tidak mengikut keperluan buruh yang sudah berkeluarga, atau keperluan buruh mengikut jenis kelamin mahupun agama”.¹²

Dalam Islam, konsep keperluan manusia dalam hal penggunaan suatu barang mempunyai tingkatan yang tidak sama. Tingkatan pengambilan ini melalui tingkatan-tingkatan keutamaan yang berbeza-beza, sesuai tingkat manfaat dan keperluannya. Para ulama telah membahagi keutamaan ini menjadi tiga, iaitu *al-hajat al-dharuriyyah*, *al-hajat*

¹¹Syamsul Raden (Ketua Konfederasi Serikat Pekerja Seluruh Indonesia, cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2013.

¹²Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013

al-hajiyyah, dan *al-hajat al-tahsiniyyah*.¹³ Semua kaum muslim diharuskan memprioritaskan keperluan hidup mereka mengikut tingkatan keperluan tersebut secara konsisten. Keperluan pada tingkatan *dharuriyyah* haruslah dipenuhi terlebih dahulu baru kemudian memenuhi keperluan pada tingkatan selanjutnya. Keutamaan pemenuhan tingkatan keperluan ini haruslah diaplikasikan pada semua jenis keperluan iaitu mencakup keperluan agama (*al din*), kehidupan, harta, ilmu pengetahuan (akal), serta menjaga kelangsungan keturunan (*nasab*).¹⁴

Dalam perhitungan kehidupan layak mengikut keadaan sosial dan keagamaan masyarakat Aceh, maka sudah semestinya nilai KHL mengikut konsep *had al kifayah*. *Had al kifayah* tercapai apabila keperluan jasmani dan rohani individu dapat terpenuhi. Hal ini sesuai dengan pernyataan oleh Muslim Ibrahim¹⁵ bahawa:

Dalam penetapan nilai KHL berlandaskan syariat maka ianya harus memenuhi lima syarat iaitu, *pertama*; pemenuhan keperluan makan dan minum sesuai dengan konsep empat sehat lima sempurna, artinya makan dan minum tersebut terdiri dari karbohidrat, sayuran, buah-buahan, lauk pauk (ikan dan daging) serta susu. *Kedua*; keperluan perumahan, di mana perumahan paling minimum menurut syarak adalah perumahan yang tidak terkena uap tanah (mempunyai lantai yang patut), tidak terkena air hujan atau panas mata hari (mempunyai atap yang patut), tidak terlihat oleh lalu lalang orang dipersekitaran (mempunyai dinding yang patut), ukuran rumah bergantung kepada besar kecilnya keluarga yang menempatinnya, artinya jika keluarga tersebut hanya mempunyai anak satu orang, maka rumah yang layak bagi keluarga tersebut adalah dua bilik di mana satu bilik untuk suami isteri, dan satu bilik untuk anak, namun jika keluarga tersebut mempunyai lebih dari satu anak maka setiap anak sepatutnya mempunyai masing masing bilik. *Ketiga*; keperluan pakaian, pemenuhan pakaian mestilah mengikut keadaan sosial dan budaya serta iklim di daerah tersebut. Dalam konteks Aceh, batas minimum yang mesti diperoleh oleh masyarakat adalah terpenuhi pakaian yang mengikut konsep pakaian secara Islami yang menutup aurat dan mengikuti dua musim iaitu musim kemarau dan musim hujan. *Keempat*; pemenuhan keperluan perlengkapan kerja, setiap pekerja harus diberikan perlengkapan yang mereka perlukan dalam menunaikan pekerjaan mereka, misalnya pada zaman rasul yang menjadi perlengkapan kerja seorang

¹³Monzer Kahf, The Theory of Consumption, dalam Sayyid Tahiret, *Microeconomics An Islamic Perspective* (Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd, 1992), 47.

¹⁴*Ibid.*

¹⁵Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 Disember 2013.

pedagang (*khafilah dagang*) adalah seekor keledai yang mampu membawa beban seorang dewasa bertubuh sedang serta mampu mengangkat beban lebih kurang 20 kilogram. *Kelima*; pemenuhan keperluan dasar rohani (*al din*), iaitu berupa Al Quran yang mempunyai terjemahan sehingga senang dipahami, pemenuhan keperluan kitab hadis yang lengkap berupa kitab Bukhari dan Muslim yang mempunyai terjemahan, dan kitab fiqih, manfaat kitab fiqih ini adalah untuk memahami dan mengimplementasikan nilai-nilai yang terkandung dalam Al Quran dan kitab hadis dalam kehidupan sehari-hari.

Penetapan komponen keperluan kehidupan minimum bujang untuk penetapan UMP di Aceh secara umum telah memenuhi keperluan material buruh bujang. Namun pemenuhan keperluan yang berlandaskan syariah, seperti yang telah kita jelaskan di atas, maka penetapan item-item yang telah ditetapkan oleh Menteri tenaga kerja Indonesia dalam menilai KHL masih kurang sesuai dengan konsep ekonomi Islam, khususnya pemenuhan keperluan *dharuriyyah* dalam bentuk pemenuhan keperluan agama.

Dalam tujuh (7) kelompok keperluan dan enam puluh (60) komponen keperluan hidup layak tersebut penilaian keperluan hanya berlandaskan keperluan material buruh. Keperluan rohani seorang buruh dalam hal ini keperluan agama (*al din*) terdapat satu (1) item iaitu pemenuhan kelengkapan ibadah berupa sajadah, songkok atau mukena, item ini dimasukkan dalam kelompok keperluan pakaian. Semestinya jika pengelompokan keperluan hidup layak mengikut konsep syariah maka keperluan dasar setiap muslim mengikut keperluan agama maka keperluan yang berlandaskan keperluan agama harus dikelompokkan dalam kelompok khusus, di mana dalam kelompok keperluan ini di tentukan keperluan seorang buruh sesuai keperluan mengikut agama mereka, seperti jika dalam Islam keperluan untuk Al Quran, mukena, atau pakaian yang menutup aurat yang boleh digunakan untuk shalat menjadi keperluan yang penting untuk dipenuhi. Ertinya perlu adanya kelompok keperluan mengikut keperluan agama setiap buruh, sehingga keperluan kerohanian setiap buruh dapat terpenuhi.

Walaupun secara material penentuan tujuh (7) kelompok keperluan dan enam puluh (60) komponen keperluan hidup layak tersebut telah memenuhi keperluan asas buruh bujang secara umum, namun jika kita tinjau kembali terdapat beberapa item yang kurang sesuai dengan konsep keperluan asas seorang pekerja yang hidup pada zaman sekarang sekaligus berkenaan dengan pemenuhan hak buruh secara syarak. Kelompok kebutuhan yang masih kurang sesuai dengan pemenuhan keperluan tersebut adalah pada kelompok kesihatan, semestinya setiap buruh memperoleh hak untuk mendapatkan insurans, sekurang-kurangnya insurans kesihatan berlandaskan insurans Islam.

Dalam Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2012 Tentang Perubahan atas Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Nombor Per-12/MEN/VI/2007 Tentang Petunjuk Teknis Pendaftaran Kepesertaan, Pembayaran yuran, Pembayaran Santunan dan Pelayanan Jaminan Sosial Tenaga Kerja pada hakikatnya memang telah diatur berkenaan dengan insurans buruh, di mana setiap syarikat semestinya mendaftarkan setiap buruh mereka kepada insurans JAMSOSTEK yang merupakan insurans yang di iktiraf oleh Negara. Namun JAMSOSTEK adalah insurans konvensional, oleh demikian item tentang insurans buruh dipandang perlu dimasukkan kedalam perhitungan nilai KHL, sebab selain buruh boleh mendapatkan jaminan insurans yang sesuai dengan syariat Islam, ianya juga akan terhindar dari perkara kecurangan syarikat apabila tidak memberikan jaminan insurans bagi buruh. Perkara kecurangan ini boleh terjadi kerana peraturan Menteri tidak mengikat secara penuh, syarikat boleh saja tidak mendaftarkan buruh mereka apabila kewangan syarikat tidak begitu baik. Oleh demikian, nilai KHL yang mencakup nilai insurans Islam dipandang perlu untuk diambil kira dalam penetapan nilai KHL.

Selain itu, sistem pendaftaran insurans mengikut aturan Menteri tersebut tidak akan berlaku pada pekerja honorer¹⁶ yang bekerja pada agensi kerajaan, kerana pada agensi kerajaan pekerja mereka telah dijamin melalaui insurans khusus, namun syaratnya adalah telah mempunyai surat kerja (SK) yang sah yang dikeluarkan oleh negara. Yang menjadi permasalahan adalah bagaimana nasib pekerja honorer yang bekerja di agensi kerajaan yang belum mempunyai SK tentu mereka tidak akan memperoleh insurans yang sepatutnya mereka peroleh. Oleh sebab itu, keperluan insurans sudah sewajarnya dimasukkan dalam kelompok kesihatan dalam penentuan nilai KHL.

4.2.1.2. Penentuan Nilai KHL Berlandaskan Keperluan Kehidupan Buruh Bujang

Komponen dan item yang ditetapkan oleh Menteri tenaga kerja Indonesia, yang kemudian menjadi acuan pokok dalam pelaksanaan survei untuk memperoleh nilai keperluan hidup layak (*had al kifayah*) merupakan komponen dan item yang berlandaskan keperluan hidup seorang buruh bujang. Hal ini bermakna, nilai KHL yang di peroleh melalui survei yang kemudian menjadi acuan pokok penetapan kadar UMP merupakan nilai KHL untuk keperluan hidup seorang buruh bujang dalam sebulan, di mana keperluan hidup tanggungan buruh, yakni keluarga baik isteri mahupun anak-anaknya tidak menjadi pertimbangan.

Penentuan nilai KHL yang berlandaskan keperluan hidup seorang buruh bujang ini jika ditinjau menurut konsep ekonomi Islam dan konsep keadilan sosial maka dapat disimpulkan bahawa penentuan KHL ini tidak memenuhi konsep keadilan dalam penghitungan nilai keperluan hidup (*had al kifayah*) oleh kerajaan. Pihak kerajaan

¹⁶Pengertian honorer mengikut Peraturan Pemerintah Nombor 48 Tahun 2005 Pasal 1 dijelaskan bahawa Tenaga honorer adalah seseorang yang diangkat oleh Pejabat Pembina Kepegawaian atau pejabat lain dalam pemerintahan untuk melaksanakan tugas tertentu pada agensi pemerintah atau yang penghasilannya menjadi beban Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara atau Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah.

semestinya menjadi pihak yang adil dan netral dalam menjamin kehidupan sosial masyarakatnya.

Tugas Rasulullah SAW telah ditakrifkan oleh Al Qur'an sebagai *rahmat* bagi semua umat Islam. Sebahagian dari manifestasi *rahmat* telah dijelaskan dalam Al Qur'an secara jelas dan terang. Hal ini termasuklah antara lain mencakup hal-hal memupuk kehidupan yang baik (*hayat tayyibah*) dan kebajikan (*falah*), menyediakan kesenangan dan menghapuskan kesusahan, mewujudkan kemakmuran, memelihara suasana cinta dan kasih sayang, serta memastikan kebebasan daripada kerosakan moral, kelaparan, ketakutan, dan ketegangan mental.¹⁷ Kesemua jaminan sosial dalam masyarakat ini menjadi tanggung jawab semua organisasi dan institusi termasuk Negara, institusi ini haruslah mencerminkan sifat *rahmat* dan menjaga kebajikan semua orang.¹⁸

Fungsi kebajikan Negara Islam telah ditegaskan dengan khusus oleh Rasulullah apabila beliau bersabda yang ertinya:

“Setiap kerajaan yang bertanggung jawab bagi hal-ehwal orang-orang Islam tetapi tidak berusaha dengan jujur untuk menjaga kesejahteraan mereka, tidak akan memasuki syurga bersama-sama mereka”.¹⁹

HR. Al Bukhari

Melalui konsep *rahmat* dan menjaga kebajikan semua orang, maka jika dihubungkan dengan mekanisme penetapan nilai KHL di Aceh maka sudah semestinya kerajaan Aceh melaksanakan survei yang tidak berpedoman pada tingkat keperluan kehidupan seorang buruh bujang, kerana bagaimana negara menjaga kebajikan rakyatnya sedangkan ianya tidak mencakup keseluruhan keperluan masyarakatnya. Kerajaan Aceh dalam hal ini sudah semestinya menjalankan survei penentuan nilai KHL dengan

¹⁷Muhammad Baqir Ash Shadr, *Iqtishaduna: Buku Induk Ekonomi Islam*, terj. Yudi (Jakarta: Zahra, 2006), 539

¹⁸Khurshid Ahmad (1980), *Kajian dalam Ekonomi Islam*, terj. Sibly Bin Maros, (Jeddah: The Islamic Foundation, 1980), 214

¹⁹Tarmizi, jilid V, h. 231, dan Ibn Majah, dipetik oleh Dr. Yusuf-ud-Din, op.cit., h 202.

mempertimbangan juga kehidupan keperluan tanggungan buruh. Sekurang-kurangnya tanggungan buruh yang menjadi pertimbangan dalam penentuan nilai KHL adalah seorang isteri dan dua orang anak. Penentuan nilai KHL berdasarkan keperluan satu orang isteri dan dua orang ini adalah sesuai dengan konsep aturan pembentukan keluarga muslim yang kuat, sehat, dan sejahtera melalui perenjanaan jumlah anak jika orang tua takut tidak mampu membiayai keperluan secara baik. Konsep ini dijelaskan dalam Surah An Nissa ayat 9 iaitu:

وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا
قَوْلًا سَدِيدًا

An Nissa 4:9

Ertinya: *dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan dibelakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan Perkataan yang benar.*

Ayat di atas menerangkan bahawa kelemahan ekonomi, kurang stabilnya keadaan kesihatan fisik dan kelemahan intelegensi anak, akibat kekurangan makanan yang bergizi, menjadi tanggung jawab kedua orang tuanya. Maka disinilah peranan perencanaan jumlah anak untuk membantu orang-orang yang tidak dapat menyanggupi hal tersebut, agar tidak berdosa di kemudian hari bila meninggalkan keturunannya. Tugas negara dalam Islam hal ini adalah menjamin upah dari hasil kerja buruh dibayar berdasarkan kerja mereka, serta menerima upah yang memungkinkan bagi dirinya serta keluarganya untuk menikmati kehidupan yang layak.²⁰

Dengan penentuan nilai KHL berlandaskan keperluan kehidupan seorang buruh bujang, maka nilai tanggungjawab suami atau isteri yang mempunyai amanah untuk

²⁰Afzalur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, (Lahore: Islamic Publication Limited, 1975), h. 245

menafkahi keluarga menjadi tidak dijamin oleh Negara. Padahal dalam Islam, memenuhi keperluan rumah tangga seorang muslim adalah wajib ditunaikan oleh setiap kepala keluarga, dalam hal ini suami. Peranan negara dalam hal ini adalah memberikan jalan kepada rakyatnya untuk memperoleh jalan agar mampu memberikan nafkah yang cukup serta halal kepada keluarga mereka. Oleh sebab itu, jika dalam penilaian KHL hanya berlandaskan keperluan hidup seorang buruh bujang, maka peranan negara dalam memberikan jalan kepada setiap rakyatnya untuk memperoleh pendapatan yang cukup untuk diberikan kepada keluarga mereka tidak terlaksana.

Dalam hal ini, maka sudah sepatutnya kerajaan Aceh memikirkan agar dalam penentuan nilai KHL, upah buruh tidak terikat sepenuhnya mengikut kerajaan pusat Indonesia. Kerajaan Aceh yang telah merumuskan pelbagai macam konsep kehidupan berlandaskan syariat seperti bidang perbankan, seharusnya juga fokus dalam memikirkan bagaimana agar bidang ketenagakerjaan khususnya dalam penentuan nilai KHL ini boleh disusun sendiri mengikut keperluan masyarakat Aceh yang berlandaskan syariat Islam, yang tidak hanya mempertimbang keperluan kehidupan seorang buruh bujang.

4.2.1.3. Tinjauan Proses Penetapan Nilai KHL Provinsi

Dalam penentuan nilai KHL provinsi, seperti yang telah dibahas pada awal bab ini, bahawasanya nilai KHL Provinsi ditentukan melalui mesyuarat antara pihak kerajaan dan pihak pengusaha serta pihak buruh. Mesyuarat ini kemudian akan membahas dan menetapkan nilai KHL provinsi berdasarkan hasil survei nilai KHL tingkat Kabupaten dan Kota diseluruh Aceh. Disebabkan nilai KHL tingkat Kabupaten dan Kota berbeza-beza mengikut tingkat inflasi dan pertumbuhan ekonomi masing-masing wilayah, maka nilai KHL tingkat provinsi kemudian ditetapkan melalui diskusi bersama antara pihak kerajaan

dan pihak pengusaha serta pihak buruh untuk menentukan nilai KHL Provinsi yang paling patut. Penentuan nilai KHL ini dijelaskan oleh Hasbalah bahawa:²¹

Apabila nilai KHL dari semua Kabupaten telah masuk ke kita, maka kemudian akan dilaksanakan mesyuarat antara Dewan Pengupahan, perwakilan organisasi buruh, organisasi pengusaha dan team ahli. Dalam mesyuarat ini kemudian akan ditetapkan nilai KHL provinsi di mana biasanya nilai KHL tersebut nilai KHL Kabupaten yang tidak terlalu tinggi atau tidak terlalu rendah.

Namun, jika mengikut Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak Pasal 7, maka penetapan nilai KHL Provinsi yang akan menjadi rujukan dalam penetapan nilai UMP adalah mengikut nilai terendah dari pada nilai KHL di Provinsi berkenaan. Ketentuan dalam pasal 7 ini adalah sebagai berikut:²²

Upah Minimum Provinsi yang ditetapkan Gabenor didasarkan pada nilai KHL Kabupaten/Kota terendah di Provinsi yang bersangkutan dengan mempertimbangkan produktivitas, pertumbuhan ekonomi, keadaan pasar kerja dan usaha yang paling tidak mampu (marginal).

Penetapan nilai KHL Provinsi mengikut nilai terendah KHL Kabupaten mengikut peraturan Menteri di atas, kemudian tidak dijalankan sepenuhnya dilapangan kerana dewan pengupahan provinsi mempunyai hak dan kuasa memutuskan kadar KHL sesuai dengan mesyuarat dengan pihak syarikat dan perwakilan buruh. Dewan pengupahan agak susah menyatukan pendapat dengan pihak perwakilan buruh apabila aturan ini tetap dipaksakan. Oleh demikian, maka kemudian dewan pengupahan menetapkan nilai KHL Provinsi mengikut nilai tengah daripada nilai keseluruhan KHL Kabupaten di Aceh.²³

Penetapan nilai KHL Provinsi yang menggunakan metode penentuan nilai KHL berlandaskan titik tengah dari sejumlah nilai KHL Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh

²¹Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

²²Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak Pasal 7.

²³Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

ini bermakna bahawa nilai KHL provinsi disepakati dan setuju oleh antara tiga (3) pihak iaitu kerajaan, pengusaha dan buruh dengan cara menilai dan memutuskan nilai KHL Kabupaten atau Kota yang mempunyai nilai rata-rata tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah (nilai tengah-tengah) yang kemudian ditetapkan menjadi nilai KHL Provinsi untuk selanjutnya menjadi acuan pokok dalam penentuan kadar UMP di Aceh.

Metode penetapan nilai KHL dengan cara nilai tengah ini pada hakikatnya telah sesuai dengan konsep ekonomi. Di mana apabila terjadi perbezaan kepentingan antara dua pelaku ekonomi, maka negara menjadi pihak yang berwenang untuk menemukan kepentingan yang sama antara kedua-duanya.²⁴ Dalam penetapan kadar upah, negara berkewajipan bersifat adil antara kepentingan buruh mahupun kepentingan syarikat, oleh demikian apabila dalam konteks Aceh penetapan nilai KHL Provinsi berlandaskan nilai KHL dari pelbagai Kabupaten maka sudah semestinya pemerintah menetapkan nilai KHL provinsi mengikut keseimbangan antara kepentingan syarikat mahupun kepentingan buruh iaitu dalam bentuk penetapan nilai KHL berlandaskan nilai tengah dari keseluruhan nilai KHL Kabupaten yang ada di Aceh.

Penentuan nilai KHL menggunakan metode ini boleh dilihat misalnya pada tahun 2011. Di mana jadual nilai KHL 4.1. menunjukkan nilai KHL dari setiap Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh. Contohnya pada tahun 2011, berdasarkan mesyuarat tripatit yang dilaksanakan pada tahun 2011, maka diputuskan nilai KHL Provinsi adalah sebesar Rp 1,334,000. Di mana pada saat itu nilai KHL tertinggi dari seluruh Kabupaten adalah sebesar Rp. 1,734,315 iaitu nilai KHL Kabupaten Aceh Barat, sedangkan nilai KHL yang paling rendah adalah nilai KHL Kabupaten Bener Meriah iaitu sebesar Rp.1,292,486. Penentuan nilai KHL provinsi pada tahun 2011 dengan nilai Rp 1,334,000 adalah nilai tengah antara

²⁴American Academy of Political and Social Science (1913), *The Cost of Living Vol. 48*, Boston: American Academy of Political and Social Science, 1913, h. 22.

nilai KHL Aceh Barat yang merupakan nilai KHL tertinggi dengan nilai KHL Bener Meriah yang merupakan nilai KHL yang paling rendah.

Walaupun penetapan nilai KHL Provinsi melalui tidak tengah KHL Kabupaten telah sesuai dengan konsep ekonomi, namun ianya masih mempunyai kekurangan di mana metode ini akan menyebabkan terjadinya ketidak menyeluruhnya ketetapan nilai KHL Provinsi yang akan mempengaruhi kadar UMP yang akan dikuatkuasakan. Maknanya, penetapan KHL melalui pertimbangan nilai tengah akan menyebabkan Kabupaten yang nilai KHL nya berada pada nilai tinggi akan tidak terwakili melalui penentapan KHL Provinsi, sedangkan untuk Kabupaten yang nilai KHL berada pada nilai KHL rendah, maka nilai KHL ini akan memberikan mereka kelebihan dan keuntungan. Hal ini sesuai dengan pernyataan Ketua organisasi buruh Aceh, Syamsul Raden bahwa²⁵

Sesungguhnya penetapan nilai KHL Provinsi dengan cara melihat nilai KHL Kabupaten yang tidak tinggi atau terlalu rendah, kemudian ditetapkan menjadi nilai KHL Provinsi sangat tidak tepat, sebab akan menganiaya buruh yang berada di Kabupaten yang nilai KHL nya lebih tinggi, di mana secara langsung akan tidak memenuhi keperluan hidup minimum mereka.

Penentuan nilai KHL Provinsi melalui metode ini pada dasarnya memang untuk menghindari agar tercapainya kesefahaman antara besaran KHL Provinsi antara pihak syarikat dengan pihak buruh.²⁶ Namun pada hakikatnya, nilai KHL kabupaten yang diperoleh melalui survei merupakan nilai KHL yang sesungguhnya dalam menggambarkan keperluan masyarakat dari setiap Kabupaten. Oleh kerana itu apabila kemudian nilai KHL provinsi ditetapkan melalui nilai KHL yang berada pada nilai titik tengah antara semua Kabupaten dan Kota maka kemudian Kabupaten yang nilai KHLnya tinggi akan mengalami kekurangan dari nilai KHL yang seharusnya. Misalnya pada kes tahun 2011, di mana nilai KHL yang ditetapkan oleh Dewan Pengupahan adalah sebesar Rp 1,334,000 yang

²⁵Syamsul Raden (Ketua Konfederasi Serikat Pekerja Seluruh Indonesia, cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2013.

²⁶*Ibid.*,

merupakan nilai KHL tengah dari nilai KHL seluruh Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh, maka kemudian timbul persoalan bagaimana nasib Kabupaten dan Kota yang nilai KHL nya berada di atas nilai KHL provinsi yang ditetapkan tersebut, misalnya untuk wilayah Kabupaten Aceh Barat yang pada tahun tersebut nilai KHL nya adalah Rp. 1,734,315. Apakah dengan penetapan nilai KHL Provinsi dengan nilai Rp 1,334,000 akan mencukupi keperluan kehidupan masyarakat buruh di wilayah berkenaan?, sebaliknya dengan penetapan nilai KHL melalui metode ini wilayah yang nilai KHL nya berada di bawah nilai rata-rata maka akan lebih diuntungkan, namun hal ini tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah adalah nilai KHL wilayah yang tinggi harus mengikuti nilai KHL yang berada di tengah-tengah, tentunya nilai KHL untuk wilayah yang tinggi akan mengalami pengurangan dari nilai yang seharusnya.

Melalui penentuan nilai KHL seperti yang telah kita jelaskan di atas, maka jika ditinjau menurut konsep keadilan (*'adalah*), maka keadilan dalam penentuan nilai KHL provinsi antara pihak buruh dan syarikat pada dasarnya memang tercapai, artinya kesepakatan dalam bentuk nilai KHL tengah menjadi rujukan dalam penentuan nilai KHL Provinsi dicapai melalui kesepakatan mengikut jalan tengah berupa penetapan nilai KHL yang disepakati bersama di mana tidak memaksakan kepentingan pihak buruh dalam bentuk keinginan nilai KHL tinggi, atau tidak memaksa kepentingan pihak syarikat dalam bentuk keinginan nilai KHL rendah dengan mengikut nilai KHL tengah.

Namun prinsip keadilan (*'adalah*) dalam ekonomi Islam yang telah dipandang oleh para fuqaha sebagai isi pokok maqashid asy-syari'ah dalam konteks pemenuhan keperluan pokok semua individu dan jaminan setiap orang untuk memperoleh keperluan dasar hidup manusia, terhormat dan sesuai dengan martabat manusia sebagai *khalifah* Allah SWT,²⁷

²⁷Umer Chapra, *Islam and The Economic Challenge*, (USA: The Islamic Foundation dan The International Institute of Islamic Thought, 1995), 212

maka metode dalam penentuan nilai KHL provinsi Aceh kurang sesuai dalam menjamin pemenuhan keperluan pokok masyarakat secara luas.

Konsep pemenuhan keperluan pokok secara menyeluruh dalam Islam adalah berlandaskan hadis Rasulullah SAW yang artinya:

*“Tidak beriman orang yang kenyang sementara tetangganya kelaparan, sementara ia tahu hal itu”*²⁸

HR. Bukhari

Pemenuhan keperluan pokok dalam ekonomi Islam adalah melalui kerangka hidup sederhana, meskipun tetap menyertakan keselesaan, ianya tidak dibenarkan memasuki dimensi pemborosan dan kesombongan yang sangat dilarang dalam Islam. Pandangan Islam berkenaan dengan konsep pemenuhan keperluan pokok ini kemudian kadang kala dianggap sebuah pemikiran yang lahir kerana pemikiran Barat saat ini memberikan perhatian khusus akan hal ini. Permasalahan dalam memenuhi keperluan pokok mengikut cara Islam telah menjadi perhatian penting dalam fiqh serta literature Islam sepanjang sejarah kaum muslimin. Para fuqaha telah sepakat bahawa *fardhu kifayah* hukumnya bagi masyarakat muslim untuk memperhatikan pemenuhan keperluan pokok orang-orang miskin.²⁹ Semua cendekiawan muslim masa kini seperti Maulana Maulidi, Imam Hasan al-Banna, Sayyid Qutht, Musthafa as-Siba’i, Abu Zahrah, Baqir as-Sadr, Muhammad al Mubarak, serta Yusuf al Qaradhawi bersepakat demikian.³⁰

Dalam kontek penetapan nilai KHL oleh kerajaan Aceh, dalam menjamin pemenuhan keperluan hidup buruh mahupun individu masyarakat, maka perlu adanya solusi lain agar dalam penetapan nilai KHL provinsi tidak hanya mempertimbangan keadilan antara pengusaha dan perwakilan dari pihak buruh, sehingga menyebabkan

²⁸Al Bukhari, dari Ibnu Abbas, *al Adab al-Mufrad* (1379) h 52;112

²⁹ Umer Chapra, “*Islam and The Economic Challenge*”, 212

³⁰*Ibid.*, 213

keperluan pokok individu yang berada dalam wilayah yang pada hakikatnya memang mempunyai nilai KHL tinggi menjadi tidak memenuhi disebabkan oleh metode yang digunakan kerajaan tersebut.

Cadangan untuk persoalan ini, jika dikaji mengikut konsep keadilan maka menurut penulis kerajaan Aceh sudah boleh menetapkan kadar upah mengikut Kabupaten/Kota yang ada di Aceh. Hal ini penting disebabkan pertumbuhan ekonomi yang berbeza di setiap Kabupaten di Aceh menyebabkan tingkat keperluan asas masyarakat pun ikut berbeza. Oleh dimikian, apabila penetapan nilai KHL Provinsi hanya mengikut nilai tengah KHL Kabupaten akan merugikan pihak buruh mahupun pihak syarikat. Penetapan kadar upah mengikut Kabupaten ini akan lebih sesuai apabila ianya akan mewakili nilai KHL masyarakat tempatan. Peraturan mengenai kadar upah mengikut Kabupaten ini diatur dalam Undang-undang Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan. Di mana setiap Provinsi dan Kabupaten boleh menetapkan nilai upah mengikut daerah masing-masing. Aturan ini dinyatakan pada Pasal 89 ayat 1 iaitu:

Upah minimum sebagaimana dimaksud dalam Pasal 88 ayat (3) huruf a dapat terdiri atas:

- a. upah minimum berdasarkan wilayah provinsi atau kabupaten/kota;
- b. upah minimum berdasarkan sektor pada wilayah provinsi atau kabupaten/kota.

Walaupun aturan berkenaan dengan penetapan kadar upah mengikut Kabupaten telah diatur dalam undang-undang Indonesia namun kerajaan Aceh belum melaksanakan aturan ini mengingat pertumbuhan industri di Kabupaten di Aceh masih belum sama rata. Oleh demikian penetapan nilai UMP secara menyeluruh bagi setiap Kabupaten yang ada di Aceh masih dipandang efektif.

Kita tidak menetapkan upah di Kabupaten mengingat tidak semua Kabupaten roda perekonomian berdasarkan industri, masih banyak Kabupaten perekonomian mereka berdasarkan sektor pertanian yang

tradisional. Kerana itu UMP Provinsi masih sesuai ditetapkan bagi seluruh Kabupaten.³¹

Jadi mengingat konsep keadilan dalam Islam, penetapan kadar upah mengikut Kabupaten yang ada di Aceh menjadi penting untuk terpenuhi keperluan asas para buruh terlepas wilayah berkenaan mempunyai industri atau tidak. Sudah tugas dan kuasa pemerintah untuk menjamin pemenuhan keperluan asas rakyat di suatu negara.

4.2.1.4. Kadar UMP di Bawah Nilai KHL

Setelah kadar nilai KHL Provinsi diperoleh melalui mesyuarat tripartit, yang terdiri dari pihak kerajaan, syarikat, dan buruh, selanjutnya nilai KHL Provinsi tersebut dijadikan cadangan Dewan Pengupahan Provinsi Aceh sebagai bahan pertimbangan lebih lanjut dalam menerbitkan Peraturan Gabenor tentang penetapan kadar Upah Minimum Provinsi (UMP) Aceh. Setelah menerima rekomendasi kadar nilai UMP dari Dewan Pengupahan Provinsi Aceh, kemudian Gabenor Aceh akan mempelajari dan menimbangan nilai cadangan tersebut. Selanjutnya baru kemudian Gabenor Aceh menerbitkan Peraturan Gabenor Provinsi Aceh tentang Penetapan Kadar Upah Minimum Provinsi Aceh yang berlaku satu (1) tahun.

Dalam penentuan nilai cadangan kadar UMP yang ditetapkan oleh Dewan Pengupahan maka dalam hal ini dijumpai bahawa penetapan cadangan kadar UMP oleh Dewan Pengupahan adalah di bawah nilai KHL Provinsi. Oleh sebab itu, maka tidak hairan ketika kadar UMP dari tahun 2005 hingga tahun 2013 berada di bawah nilai KHL provinsi yang ditetapkan oleh Dewan Pengupahan Provinsi Aceh, hanya pada tahun 2011 kadar UMP berada di atas nilai KHL. Hal ini boleh dilihat pada jadual 4.3.

³¹Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 8 Marc 2014

Penetapan nilai UMP yang berada di bawah nilai KHL Provinsi sepatutnya tidak terjadi kerana nilai KHL yang diperoleh adalah menyangkut pemenuhan keperluan hidup seorang buruh. Ianya merupakan cara kerajaan agar pemenuhan keperluan pokok individu rakyatnya terjamin. Jika kemudian, kerajaan Aceh dalam hal ini menetapkan kadar UMP di bawah kadar KHL maka sudah semestinya peranan kerajaan agar setiap individu rakyatnya terpenuhi keperluan pokok tidak tercapai.

Padahal seperti yang telah dibahas sebelumnya, bahawasanya para fuqaha telah sepakat bahawa *fardhu kifayah* hukumnya bagi masyarakat muslim untuk memperhatikan pemenuhan keperluan pokok orang-orang miskin.³² Prinsip keadilan (*'adalah*) dalam ekonomi Islam yang dipandang oleh para fuqaha sebagai isi pokok *maqashid asy-syari'ah* merupakan konsep pemenuhan keperluan pokok semua individu dan jaminan setiap orang untuk memperoleh standart hidup manusiawi, terhormat dan sesuai dengan martabat manusia sebagai *khalifah* Allah SWT.³³

Pada hakikatnya nilai UMP memang sudah semestinya berada di atas, atau paling kurang sesuai dengan nilai KHL Provinsi. Namun kemudian apabila kadar UMP berada di bawah nilai KHL, jika ditinjau menurut Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak, maka hal ini tidaklah menjadi suatu masalah. Sebab dalam undang-undang tersebut telah dijelaskan bahawa nilai UMP adalah untuk mencapai nilai kehidupan layak (KHL). Ertinya, penetapan kadar UMP adalah suatu cara untuk memperoleh kehidupan layak, bukan sebaliknya iaitu kadar UMP adalah harus sesuai dengan nilai KHL.³⁴ Dalam pasal 9 ayat 2 peraturan Menteri tersebut dijelaskan bahawa :

³²*Ibid.*, 213

³³*Ibid.*, 213

³⁴Pakeh Sulaiman (Kepala Seksi Pengupahan, Jaminan Sosial Ketenagakerjaan dan Kesejahteraan Tenaga Kerja, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

Penetapan upah minimum sebagaimana dimaksud dalam Pasal 6 diarahkan kepada pencapaian KHL

“Nilai UMP adalah suatu cara untuk mencapai keperluan hidup layak, artinya penetapan UMP sebuah cara untuk mencapai keperluan hidup minimum buruh. Hal ini sesuai dengan Undang-undang. Perkara ini kurang difahami oleh buruh atau masyarakat kita, di mana mereka beranggapan bahawa kadar UMP harus di atas nilai KHL, padahal UMP adalah cara untuk mencapai pemenuhan KHL”.³⁵

Jadual 4.3
Kadar UMP dan KHL Provinsi Aceh dari Tahun 2005 hingga 2013

NO	TAHUN	KADAR			
		UMP		KHL	
		Dalam Rupiah (Rp)	Dalam Ringgit (RM 1= 3513.73)	Dalam Rupiah (Rp)	Dalam Ringgit (RM 1= 3513.73)
1	2005	620,000	176.50	980,000	279.09
2	2006	820,000	233.50	920,000	262.00
3	2007	850,000	242.00	1,200,000	341.74
4	2008	1,000,000	284.79	1,189,946	338.88
5	2009	1,200,000	341.74	1,414,732	402.90
6	2010	1,300,000	370.22	1,494,792	425.70
7	2011	1,350,000	384.46	1,476,145	420.39
8	2012	1,400,000	398.70	1,531,459	436.14
9	2013	1,550,000	441.42	1,600,000	455.66

Sumber: Dewan Pengupahan Daerah Provinsi Aceh tahun 2013

Jadi secara umum, ketika permasalahan penetapan kadar UMP yang berada di bawah nilai KHL lebih disebabkan kerana pada hakikatnya aturan tersebut telah ditetapkan melalui peraturan Menteri Tenaga Kerja Indonesia. Sehingga ketika Aceh menetapkan nilai

³⁵*Ibid.*

UMP berada di bawah nilai KHL maka ianya dianggap sebagai perkara yang telah sesuai dengan Undang-undang. Padahal semestinya wilayah Aceh yang berlandaskan syariat Islam mengikuti dan menerapkan prinsip pemenuhan pokok individu mengikut konsep Islam. Oleh sebab itu sudah sewajarnya ketika kerajaan Aceh untuk menyelesaikan persoalan ini dengan cara melepaskan diri dari undang-undang kerajaan pusat, yang kemudian merancang undang-undang baru berkenaan dengan persoalan ini yang tentunya mengikut konsep yang diajarkan syarak.

Selain dari pada itu, alasan lain mengapa kadar UMP sangat tidak wajar di bawah nilai KHL, sebab seperti yang telah dijelaskan pada pembahasan sebelumnya, bahawa pada saat penetapan nilai KHL Provinsi pun telah tidak mewakili keperluan hidup individu dari setiap Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh. Ditambah lagi apabila kemudian penetapan UMP di bawah nilai KHL yang secara hakikatnya tidak memenuhi syarat pemenuhan keperluan hidup layak bagi seluruh wilayah Aceh. Maknanya, ketika kemudian kadar UMP ditetapkan di bawah nilai KHL, maka ianya secara tidak langsung telah menurunkan dua kali nilai KHL dari nilai yang sebenar. Jika kita hubungkan dengan pepatah lama, maka ianya sama dengan, sudah jatuh ditimpa tangga pula. Oleh sebab itu, jika konsep ini di tinjau menurut hukum ekonomi Islam, maka ianya tidak sesuai dengan konsep keadilan dalam pemenuhan keperluan pokok individu dalam suatu Negara muslim.

4.2.2. Pelaksanaan dan Pengawasan UMP di Lapangan

Dalam pelaksanaanya di lapangan, UMP harus ditaati oleh institusi kerajaan atau swasta dalam pembayaran upah para pekerjanya. Namun apabila suatu syarikat atau institusi tidak mampu untuk membayar upah sesuai dengan UMP maka syarikat tersebut boleh mengajukan penangguhan. Namun untuk mendapatkan penangguhan, maka pengusaha harus menyerahkan hasil audit satu (1) tahun terakhir. Dalam audit itu

menggambarkan kesulitan untuk membayar ketentuan upah yang baru, dengan jangka penangguhannya berbeda mulai dari 6 bulan hingga 12 bulan atau setahun.³⁶ Dari data yang masuk ke Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas penduduk Aceh, tidak ada permohonan syarikat yang mengajukan penangguhan kerana tidak dapat membayar buruh sesuai UMP, hal ini dinyatakan oleh Hasbalah iaitu:³⁷

Hingga hari ini (5/12/13) belum ada satu syarikat pun yang mengajukan penangguhan pembayar upah pekerja mengikut UMP yang ditetapkan oleh pemerintah Provinsi Aceh. Ini bermakna syarikat di Aceh cukup kuat baik secara ekonomi mahupun sosial.

Dengan tidak adanya permohonan penangguhan pembayaran upah mengikut UMP ini bermakna setiap syarikat yang ada di Aceh mampu membayar upah para pekerjanya sesuai dengan UMP, hal ini sesuai dengan pernyataan Ketua APINDO Aceh bahawa kadar UMP yang ditetapkan tidak memberatkan pihak syarikat.³⁸

Secara keseluruhan kadar UMP yang ditetapkan oleh Pemerintah Aceh tidak memberatkan syarikat-syarikat yang beroperasi di Aceh.

Namun demikian, di lapangan pembayaran upah buruh mengikut ketetapan kadar UMP masih menjadi masalah yang harus dihadapi oleh Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh. Permasalahan ketidaksesuaian pembayaran upah mengikut UMP ini disampaikan oleh Ichwan iaitu:³⁹

Permasalahan ketidakpatuhan syarikat dalam pembayaran upah buruh mereka sesuai dengan kadar UMP yang ditetapkan Pemerintah menjadi dilema yang hingga sekarang belum boleh diselesaikan. Banyak syarikat khususnya syarikat menengah ke bawah memang tidak membayar upah sesuai dengan UMP. Hal ini lebih disebabkan kewangan syarikat yang mungkin tidak mampu mengikut kadar UMP yang ditetapkan pemerintah.

³⁶Hasbalah (Sekretaris Dewan Pengupahan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

³⁷*Ibid.*

³⁸Dahlan Sulaiman (Ketua Asosiasi Pengusaha Indonesia Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 23 Disember 2013.

³⁹Ichwan (Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2013

Pembayaran upah mengikut UMP semestinya harus dipatuhi oleh setiap syarikat baik syarikat itu bersekala besar mahupun bersekala kecil, selama ia mempekerjakan buruh, maka syarikat tersebut wajib membayar upah pekerjaanya mengikut kadar UMP yang ditetapkan.

Dari hasil wawancara penulis dengan beberapa buruh yang bekerja di pelbagai bidang di Aceh, maka dapat diketahui perbezaan tingkat kesadaran syarikat bersekala menengah ke atas atau institusi kerajaan dengan syarikat menengah ke bawah dalam membayar upah pekerja. Misalnya Muhammad Fauzal yang merupakan pekerja tetap pada syarikat semen Andalas Indonesia ianya menerima gaji setiap bulannya telah sesuai dengan UMP yang ditetapkan, selain itu ia juga menerima pelbagai faedah dari syarikat tempat ia bekerja.

Syarikat telah membayar saya dengan upah yang sesuai, kadar nya tidak perlu saya sebutkan. UMP tahun 2012 besarnya Rp 1,400,000 bukan ? gaji saya setiap bulan di atas nilai tersebut. Selain itu, saya juga menerima tambahan jaminan kesehatan dan faedah lain.⁴⁰

Beitu juga dengan Tarmizi yang telah bekerja selama empat tahun memperoleh gaji sebesar Rp 1,650,000 yang telah sesuai dengan kadar UMP tahun 2013, namun ia tidak memperoleh faedah lain seperti insurans.

Alhamdulillah gaji saya cukup untuk menutup keperluan saya dalam satu bulan, apa lagi saya masih bujang. Bahkan gaji sebesar Rp 1,650,000 boleh saya tabung untuk keperluan masa hadapan. Memang syarikat tidak menyertakan saya dalam insurans, saya pikir wajar sebab saya belum mempunyai surat tugas dari Negara.⁴¹

Sedangkan gaji yang diterima Muhammad Iqbal dalam setiap bulannya adalah sebesar Rp 1,000,000, kadar upah yang Iqbal terima hanya gaji pokok, ia tidak menerima faedah lain misalnya insurans, namun ia akan mendapat gaji tambahan jika ada pekerjaan tambahan yang tidak pasti dalam setiap bulannya.

⁴⁰Muhammad Fauzal (Buruh di PT. Lafarge Semen Indonesia Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2013.

⁴¹Tarmizi (Tenaga Kontrak di Dinas Tanaman Pangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

Gaji yang saya terima dalam setiap bulannya adalah sebesar Rp 1,000,000. Nilai tersebut hanya gaji pokok, jika ada kerja tambahan baru ada gaji lebih. Memang angka tersebut tidak mampu menutup semua keperluan saya dalam sebulan, namun saya ada beberapa kerja sampingan, jadi boleh lah menutup kekurangan dari gaji kerja pakok saya tersebut”⁴².

Selain itu, Arif Mirza dan Jamaluddin menerima upah sebesar Rp 600,000 per bulan ditambah wang makan dalam Rp 25,000 per hari, mereka tidak menerima faedah lain selain gaji pokok dan wang makan, sehingga jika ditotalkan maka gaji Arif Mirza dan Jamaluddin dalam sebulan adalah Rp 1,350,000.

Saya telah bekerja disini dalam satu tahun lebih. Bos bayar gaji saya dalam sebulan Rp 600,000. Namun setiap hari saya menerima wang makan sebesar Rp 25,000 per hari. Selain dari pada itu saya tidak menerima faedah lain dari bos.- Arif Mirza.⁴³

Gaji saya gak besar bang, cuma Rp 600,000 dalam sebulan. Tapi bolehlah dari pada nganggur gak tau kerja apa, cari kerja sekarang susah bang. Apalagi saya yang dari kampong, pengalaman kurang, keahlian kurang”. Jamaluddin.⁴⁴

Perbezaan dalam pembayaran gaji antara syarikat menengah ke atas dengan syarikat mikro dalam mematuhi kadar UMP dipengaruhi oleh besar atau kecilnya kewangan syarikat.⁴⁵ Namun dalam aturan kerajaan setiap syarikat yang mempekerjakan buruh harus membayar upah sesuai dengan ketetapan UMP, namun kemudian jika tidak mampu maka syarikat berkenaan harus mengajukan penangguhan. Akan tetapi apabila yang berlaku sekarang adalah tidak adanya syarikat yang mengajukan penangguhan namun kemudian membayar upah buruh mereka di bawah kadar UMP, maka syarikat berkenaan telah melanggar ketentuan Pasal 185 Undang Undang No 13 tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan, iaitu hukuman penjara paling singkat 1 tahun dan paling lama 4 tahun dan

⁴²Muhammad Iqbal (Pensyarah honorer di Fakultas Syariah, Universitas Islam Ar Raniry Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 14 Disember 2013.

⁴³Arif Mirza (Pekerja di Warung Kopi Darussalam, Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013

⁴⁴Jamaluddin (Pekerja di Warung Kopi Darussalam, Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013.

⁴⁵Ichwan (Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2013.

atau denda paling sedikit Rp 100 juta dan paling banyak Rp 400 juta. Di mana hal tersebut termasuk dalam kategori tindak kejahatan. Bunyi pasal 185 tersebut adalah:

Barang siapa melanggar ketentuan sebagaimana dimaksud dalam Pasal 42 ayat (1) dan ayat (2), Pasal 68, Pasal 69 ayat (2), Pasal 80, Pasal 82, Pasal 90 ayat (1), Pasal 143, dan Pasal 160 ayat (4) dan ayat (7), dikenakan sanksi pidana penjara paling singkat 1 (satu) tahun dan paling lama 4 (empat) tahun dan/atau denda paling sedikit Rp. 100,000 (seratus juta rupiah) dan paling banyak Rp 400,000,000 (empat ratus juta rupiah).⁴⁶

Walaupun secara Undang-undang telah diatur dengan jelas hukum bagi yang tidak membayar upah buruh mengikut kadar UMP, namun hingga saat ini belum ada syarikat di Aceh yang terjaring hukuman berkeenaan, walau hakikatnya syarikat berkeenaan tidak membayar upah pekerja mereka mengikut UMP. Hal ini disampaikan oleh Ichwan dalam temubual dengan penulis iaitu:

Kami belum pernah mencabut surat izin apalagi menetapkan denda kepada syarikat yang tidak membayar upah buruh mereka mengikut UMP. Kami hanya memperingatkan mereka dengan surat teguran dan sosialisasi.⁴⁷

Jika mengikut Undang-undang, Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk menjadi pihak yang paling berwenang dalam menentukan nasib syarikat berkeenaan, kerana Bidang Pengawasan merupakan pihak yang berwenang dalam mengawasi dan menilai berjalan atau tidaknya pelaksanaan UMP di lapangan. Akan tetapi kerana mengingat tingkat pengangguran di Aceh yang begitu tinggi, yang tidak sebanding dengan pertumbuhan usaha dan lapangan pekerjaan maka, kemudian syarikat-syarikat yang tidak membayar upah pekerja mengikut UMP hanya akan ditegur melalui program pembinaan.

Kita tidak boleh bertindak represif (menindas) dalam bertindak menghadapi syarikat yang tidak membayar upah buruh mereka mengikut UMP. Kerana jika bertindak demikian hanya akan menimbulkan masalah baru berupa pemutusan hubungan kerja yang akhirnya akan menambah angka

⁴⁶Undang-undang Republik Indonesia No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan, Pasal 185.

⁴⁷Ichwan (Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2013

pengangguran. Kita akan melakukan pembinaan, dengan cara datang dan menjelaskan kepada mereka berkenaan pentingnya pembayaran upah sesuai dengan UMP.⁴⁸

Jika ditinjau dari tingkat pengangguran Aceh iaitu sebesar 210,000 orang dari 2,034,000 orang golongan angkatan kerja tempoh Ogos 2013 yang meningkat sebesar 13,000 orang jika dibandingkan dengan pengangguran pada Februari 2012 maka persoalan berkenaan ketidak patuhan syarikat dalam hal pembayaran upah sesuai dengan UMP sangat patut terjadi, sebab keadaan pasar kerja sangat tidak stabil, jumlah para pencari kerja lebih besar dibandingkan dengan lapangan pekerjaan, sehingga syarikat dengan sangat mudah melakukan pemutusan hubungan kerja bagi buruh yang tidak mahu untuk bekerja sebagaimana upah yang telah ditetapkan oleh majikan.


Pertumbuhan industri di Aceh kecil, janji Irwandi (Mantan Gabunor Aceh) mahu membawa 50 Industri ke Aceh tidak terimplementasi. Sehingga sampai hari ini, jumlah pengangguran Aceh masih sangat tinggi, tidak sebanding dengan pertumbuhan ekonomi Aceh. jadi tidak heran apabila syariat sesuka hati menentukan upah kepada buruh mereka, jika tidak berkenan mereka boleh mencari buruh lain yang mahu bekerja sesuai dengan upah yang mereka tetapkan.⁴⁹

Jadi dalam hal pelaksanaan UMP di lapangan kepatuhan syarikat dalam membayar upah buruh sesuai dengan UMP masih rendah, khususnya syarikat dalam skala menengah ke bawah. Hal ini terjadi lebih disebabkan oleh pasar kerja yang begitu tidak stabil di Aceh, pengangguran tinggi, kedudukan buruh dengan syarikat tidak lagi terjalin dalam hubungan kerjasama satu dengan lainnya yang saling memerlukan.

⁴⁸ *Ibid*,

⁴⁹ Pakeh Sulaiman (Kepala Seksi Pengupahan, Jaminan Sosial Ketenagakerjaan dan Kesejahteraan Tenaga Kerja, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Disember 2013.

Rajah 4.1
Tingkat Pengangguran Aceh dan Indonesia




Sumber: Situs Resmi Badan Pusat Statisti Provinsi Aceh, <http://aceh.bps.go.id/> diakses pada 31 Desember 2013

Dalam permintaan dan penawaran buruh, kadar upah hakikatnya memang sangat di pengaruhi oleh permintaan dan penawaran buruh di pasar kerja. Di mana dalam hubungannya dengan pasar tenaga kerja, permintaan tenaga kerja adalah hubungan antara tingkat upah dan jumlah pekerja yang dikehendaki oleh syarikat. Sehingga permintaan tenaga kerja dapat didefinisikan sebagai jumlah tenaga kerja yang diambil bekerja oleh syarikat pada setiap kemungkinan tingkat upah dalam jangka waktu tertentu.

Berkenaan dengan permintaan buruh yang mempengaruhi kadar upah Miller dan Meiners berpendapat bahawa permintaan tenaga kerja dipengaruhi oleh nilai marginal produk (*Value of Marginal Product, VMP*). Nilai marginal produk (VMP) adalah pendarapan antara Produk Fizikal Marginal (*Marginal Physical Product*) dengan harga produk yang bersangkutan. Produk Fizikal Marginal (*Marginal Physical Product, MPP*) adalah kenaikan total produk fizikal yang bersumber dari penambahan satu unit input variabel (tenaga kerja). Dengan mengandaikan bahawa perusahaan beroperasi pada pasar

kompetitif sempurna maka besarnya VMP yang merupakan perkalian antara $MPP \times P$ akan sama dengan harga input produk yang bersangkutan yaitu PN. besarnya $VMP = P$ didapatkan dari pernyataan bahwa kombinasi input optimum atau biaya minima dalam proses produksi akan terjadi bila rajah isoquan menjadi tangens terhadap isocost.⁵⁰

Rajah 4.2
Kadar Upah Mengikuti Permintaan Pasar Buruh



Sumber: Miller dan Meiners, *Journal of Economics Literature*, volxx, Jun 1982

Sedangkan penentuan kadar upah mengikut penawaran buruh adalah jumlah tenaga kerja yang dapat disediakan oleh pemilik tenaga kerja pada setiap kemungkinan upah dalam jangka waktu tertentu. Dalam teori klasik, sumberdaya manusia (buruh) merupakan individu yang bebas mengambil keputusan untuk bekerja atau tidak. Bahkan pekerja juga bebas untuk menetapkan jumlah jam kerja yang diinginkannya. Teori ini didasarkan pada teori tentang pengguna, di mana setiap individu bertujuan untuk memaksimumkan kepuasan dengan cara yang dihadapinya.

⁵⁰Brown, Charles; Curtis Gilray and Andrew Kohen, The effects of minimum wage on employment and unemployment, *Journal of Economics Literature*, VoLXX, Juni 1982.

Teori tentang penawaran buruh ini apabila kemudian ditinjau kembali dengan konsep bekerja dalam Islam, maka walaupun seorang individu bekerja mengharapkan imbalan dalam bentuk upah namun ianya tidak bererti bahawa individu tersebut semata-mata bekerja hanya untuk memenuhi kepuasannya sahaja dan boleh memilih hendak bekerja atau tidak, melainkan konsep bekerja dalam Islam menempatkan kerja sebagai amal ibadah yang akan dibalas oleh Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Ini bermakna konsep kerja dalam Islam tidak hanya bertumpu pada upah yang diperoleh dari majikan melainkan ada balasan yang akan diperoleh dari Allah SWT di dunia mahupun di akhirat sesuai dengan usaha dan kerja kerasnya. Kerja dalam Islam diletakkan sebagai ibadah yang menjadikannya sebagai bentuk aktiviti yang khusus dibandingkan aktiviti lain. Islam melarang pengangguran, melainkan Islam sangat menganjurkan untuk bekerja kepada setiap umatnya kerana kemudahan serta jalan untuk memperoleh rezeki melalui kerja keras telah disediakan oleh Allah SWT kepada hambanya. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al Mulk ayat 15 iaitu:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Al Mulk 67: 15

Ertinya: *Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, Maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezki-Nya. dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.*


Melalui konsep bekerja ini kemudian setiap buruh akan lebih semangat untuk bekerja, namun demikian kondisi pasar tenaga kerja sesuai dengan teori Miller di atas tetap akan mempengaruhi pasar kerja di wilayah muslim namun pasar kerja yang terbentuk akan berbeza apabila setiap buruh di pasar wilayah muslim mempunyai semangat kerja yang

terbentuk bukan semata-mata mengharapkan upah dari majikan tapi ianya juga mengharapkan redha dari Allah SWT, bekerja bersungguh-sungguh merupakan kunci untuk memperoleh redha Allah SWT. Dengan demikian, walaupun tingkat upah yang diperoleh buruh dari majikan sesuai dengan keadaan pasar kerja tempatan, namun semangat kerja buruh di wilayah muslim tidak sama dengan semangat kerja buruh di wilayah bukan muslim yang hanya mengharapkan upah dan bebas untuk bekerja atau tidak.

Layard dan Walters menyebutkan bahawa keputusan individu untuk menambah atau mengurangi masa luang dipengaruhi oleh tingkat upah dan pendapatan tidak kerja. Adapun tingkat produktivitas selalu berubah-ubah sesuai dengan fasa produksi dengan pola mula-mula naik mencapai puncak kemudian menurun. Semakin besar keanjalan tersebut semakin besar peranan input tenaga kerja untuk menghasilkan output, bererti semakin kecil jumlah tenaga kerja yang diminta. Sedangkan untuk menggambarkan pola kombinasi faktor produksi yang tidak sebanding (Variable proportions) umumnya digunakan rajah isokuan (isoquantities) yaitu rajah yang menggambarkan pelbagai kombinasi faktor produksi (tenaga kerja dan kapital) yang menghasilkan volume produksi yang sarna. Lereng isokuan menggambarkan pergerakan substitusi marginal atau *marginal Rate of Technical Substitution* atau dikenal dengan istilah MRS. Hal ini dimaksudkan untuk melihat hubungan antara faktor tenaga kerja dan modal yang merupakan cerun dari rajah isoquant di bawah ini.⁵¹

⁵¹Atkinson, A.B. Ur employment. Wages, and Government Policy, *The Economics Journal*, Volume 92, 45-50.

Rajah 4.3 Penentuan Kadar Upah mengikut Penawaran Buruh



Sumber : Atkinson, A.B. Ur Employment, Journal of Economics Literature, volxx, Jun 1982

Jadi secara kombinasi antara permintaan dan penawaran buruh dalam pasar kerja memang sangat mempengaruhi kadar upah yang ditawarkan syarikat bagi para buruh, selain itu tingkat produktiviti produk yang dihasilkan juga akan menentukan kadar upah yang akan diterima buruh. Dalam kes pasar buruh di Aceh, tingkat upah di bawah nilai UMP pada hakikatnya sesuai dengan konsep permintaan dan penawaran buruh dalam penetapan kadar upah. Namun, walaupun keadaan pasar tidak seimbang dengan pertumbuhan syarikat, bukan bererti syarikat boleh membayar upah buruh mereka sesuka hati. Syarikat sewajarnya juga memperhatikan peringkat kesejahteraan buruh mereka, walau pasar buruh menyediakan banyak buruh untuk dipekerjakan. Di sisi lain, permasalahan ketidakseimbangan pasar buruh ini kemudian menjadi kewajipan bagi pihak kerajaan untuk

menyediakan lapangan pekerjaan secukupnya sesuai dengan tingkat pertumbuhan penduduk yang kian tinggi di Aceh, sehingga ketidakseimbangan antara pertumbuhan syarikat dengan ketersediaan buruh dapat tercapai, yang akhirnya kesesuaian upah boleh diterapkan secara konsisten.

Ketidak seimbangan pasar buruh di Aceh juga berimpak buruk terhadap prestasi kerja bidang Pengawasan Ketenaga Kerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh. Kerana menimbang takut timbulnya permasalahan baru berupa terjadinya pemutusan hubungan kerja yang kemudian menambah pengangguran baru, apabila suatu syarikat dikenakan hukuman menarik lesen usaha kerana tidak membayar upah pekerja mengikut UMP maka kemudian Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan hanya memberikan program pembinaan apabila suatu syarikat patuh terhadap ketetapan UMP. Semestinya dalam Undang-undang telah sangat jelas hukuman bagi syarikat yang tidak patuh terhadap aturan, namun aturan berdasarkan undang-undang ini sama sekali tidak berjalan dilapangan.



Gambar: Seorang Buruh Pertanian di Kabupaten Aceh Besar, yang bekerja di kilang padi memperoleh upah dalam seminggu sekali

Dengan demikian, jika permasalahan ini ditinjau mengikut konsep keadilan pembayaran upah dan peranan kerajaan dalam hal melindungi individu buruh di Aceh, maka keadilan dalam pembayaran upah dan perlindungan buruh oleh pemerintah masih belum tercapai. Dengan alasan tingkat pengangguran tinggi, syarikat boleh dengan mudah memanfaatkan keadaan demi menekan kos produksi dan sekaligus untuk memperoleh keuntungan yang besar. Sedangkan para pekerja terpaksa memilih untuk melakukan pekerjaan demi tanggung jawab hidup bagi keluarganya dalam upaya memenuhi keperluan. Ditambah lagi, peran kerajaan yang masih kurang dalam pengawasan pelaksanaan UMP yang telah ditetapkan, hanya kerana takut terjadinya permasalahan baru jika suatu syarikat dikenakan hukuman yang berlaku. Sehingga pihak syarikat secara tidak langsung di mendapatkan keuntungan kerana sikap kerajaan tersebut, dan pihak buruh sangat dirugikan kerana tidak ada pihak yang boleh menjamin mereka dalam memperoleh hak berupa upah yang sesuai dengan ketetapan UMP.

4.3. Analisis Peranan dan Fungsi Kerajaan Aceh dalam melindungi Hak-hak Buruh di Aceh

Peranan kerajaan dalam mengawal perekonomian disebuah negara muslim adalah bersifat semula jadi, tetap dan berkekalan. Hal ini berbeza dengan peranan kerajaan di negara-negara barat yang memegang prinsip kapitalis di mana peranan kerajaan hanya bersifat bermusim, di mana peranan tersebut bergantung pada keadaan dan keperluan sahaja. Seperti lazimnya sistem ekonomi lain, dalam ekonomi Islam kerajaan mempunyai fungsi-fungsi utama dalam menjamin jalannya perekonomian. Fungsi-fungsi tersebut adalah:⁵²

⁵²Khurshid Ahmad, *Kajian dalam Ekonomi Islam*, 226.

- 1) Menghapuskan kemiskinan dan menciptakan keadaan yang boleh menggalakkan gunatenaga penuh dan kadar pertumbuhan yang tinggi;
- 2) Menggalakkan kestabilan dalam nilai benar wang;
- 3) Memelihara undang-undang dan ketentraman;
- 4) Memastikan keadilan sosial dan ekonomi;
- 5) Menyusun jaminan sosial dan memupuk kesaksamaan agihan pendapatan dan kekayaan;
- 6) Menyelaraskan hubungan antar bangsa dan menjamin wujudnya pertahanan Negara.

Setiap fungsi-fungsi kerajaan di atas tidak ada kepentingan yang khusus, kesemuanya penting dan tidak ada satu pun yang boleh diabaikan. Peranan dan fungsi kerajaan mengikut konsep Islam ini kemudian jika ditinjau dalam pelaksanaan UMP di Aceh, khususnya peranan kerajaan dalam melindungi hak-hak buruh maka kerajaan Aceh dalam hal ini masih kurang peranannya, dalam memastikan fungsi negara sebagai penjamin keadilan sosial dan ekonomi. Semestinya peranan kerajaan Aceh dalam proses penetapan UMP mampu menjamin penetapan kadar UMP yang akan memberikan perlindungan upah sesuai dengan keperluan hidup buruh, serta memberikan kesempatan bagi tumbuh dan berkembangnya syarikat yang ada di Aceh.

Masih kurang peranan kerajaan Aceh dalam menjamin perlindungan hak hak buruh dalam hal ini melalui penguatkuasaan UMP boleh dilihat di mana masih terjadinya ketidak patuhan syarikat dalam membayar upah para pekerja mengikut kadar UMP yang ditetapkan, selain dari pada itu kerajaan pun dalam hal ini tidak mampu mengawasi secara efektif pelaksanaan UMP di lapangan, pengawasan pelaksanaan UMP hanya dalam bentuk kunjungan ke syarikat-syarikat untuk menyampaikan sosialisasi agar syarikat membayar

upah para pekerjanya mengikut kadar UMP yang ditetapkan.⁵³ Jika kemudian ditemukan syarikat yang tidak membayar upah mengikut UMP pihak pengawas pun dalam hal ini tidak mengambil sebarang tindakan tegas, hanya kerana alasan takut timbulnya pengangguran baru bila syarikat berkenaan ditarik lessen usahanya.⁵⁴

Selain dari pada itu, dalam penetapan kadar UMP juga masih di bawah nilai KHL padahal nilai KHL adalah nilai keperluan hidup layak (*had al kifayah*) yang dihitung melalui survei di lapangan dan merupakan nilai yang mewakili keperluan masyarakat secara luas. Sehingga jika kemudian nilai UMP ditetapkan di bawah nilai KHL maka bermakna pihak kerajaan masih belum betul-betul memberikan perhatian dalam usaha perlindungan dan jaminan kesejahteraan bagi para buruh. Ini bermakna kerajaan Aceh masih belum berperanan dalam jaminan sosial dan memupuk keseksamaan agihan pendapatan dan kekayaan mengikut peran kerajaan mengikut ekonomi Islam.

Selain daripada itu, semestinya kerajaan mengira dan menilai kadar keperluan hidup (*had al kifayah*) buruh mengikut keperluan hidup buruh dan keluarganya, bukan mengira keperluan buruh mengikut keperluan buruh bujang. Dengan demikian, ketika kerajaan Aceh menilai keperluan hidup hanya berlandaskan keperluan seorang buruh bujang, maka maksud daripada penetapan UMP tidak akan tercapai, sebab ianya tidak mewakili keperluan buruh yang sudah berkeluarga. Dengan demikian fungsi negara sebagai penjamin keadilan sosial ekonomi tidak tercapai.

Dalam usaha perlindungan hak dan kesejahteraan buruh, dalam hal ini, kerajaan Aceh sepatutnya juga memperhatikan ketersediaan lapangan pekerjaan yang layak guna terciptanya pasar kerja yang stabil. Ketidak berjalannya UMP secara efektif disebabkan oleh masih tingginya tingkat pengangguran terbuka (TPT) Provinsi Aceh, tempoh Ogos

⁵³Ichwan (Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2013.

⁵⁴*Ibid.*,

2013 tingkat pengangguran adalah sebesar 10.3%, dari jumlah angkatan kerja Provinsi Aceh sebesar 2,034,000 orang.⁵⁵ Ini bermakna ada sekitar 210,000 orang merupakan pengangguran yang memerlukan pekerjaan. Oleh sebabkan itu, kemudian pihak syarikat boleh menentukan upah para buruh mereka sesuai dengan keinginan mereka tanpa mengikut kadar yang telah ditetapkan dan jika kemudian buruh tidak setuju dengan kadar upah yang ditetapkan syarikat berkenaan maka dengan mudah syarikat tersebut boleh memberhentikan sang buruh kemudian mencari buruh lain yang bersedia untuk bekerja sesuai dengan upah yang mereka tawarkan. Posisi buruh dalam hal ini sangatlah dirugikan, mereka didedahkan pada pilihan antara upah tidak sesuai UMP atau tidak bekerja sama sekali.

Dalam penyediaan lapangan pekerjaan kepada rakyatnya negara perlu memberikan perhatian khusus kerana dalam ajaran Islam sangat menentang pengangguran dan peminta-minta. Dalam sebuah kisah pernah seorang penganggur datang mengadu kepada Nabi Muhammad SAW akan masalahnya tidak mempunyai pekerjaan, lantas Nabi memberikan kapak dan tali kemudian menyuruhnya mencari kayu api. Dari peristiwa tersebut, maka kita dapat menarik suatu kesimpulan beberapa pengajaran berhubung dengan peranan kerajaan dalam menjamin lapangan pekerjaan terhadap rakyatnya. Oleh yang demikian, maka dalam hal ini kerajaan Aceh sudah semestinya mencari cara agar eksploitasi buruh akibat ketidak stabilan pasar kerja di Aceh boleh dihentikan.

4.4. Tinjauan Ekonomi Islam Terhadap Penetapan UMP sebagai Solusi dalam Meningkatkan Kesejahteraan Ekonomi Buruh di Aceh

Dalam penetapan kadar upah ajaran Islam menawarkan sesuatu konsep yang berbeza Konsep atau teori-teori yang telah dikemukakan oleh para ahli ekonomi konvensional.

⁵⁵Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh: Berita Resmi Statistik No. 53/11/TH XVI, 6 November 2013.

Islam menawarkan penetapan kadar upah berdasarkan prinsip keadilan, upah ditentukan melalui perundingan antara majikan dengan buruh. Islam juga menawarkan penetapan kadar upah yang jelas tanpa sikap memilih kasih atau menindas pihak mana pun. Konsep dasar ini menjadikan kerangka penetapan upah menjadi lebih dinamis dan harmonis antara buruh dengan majikan. Rumusan konsep dasar penetapan upah menurut Islam ini antara lain upah ditentukan berdasarkan prinsip persamaan, prinsip keadilan, penetapan kadar upah minimum, penetapan kadar upah maksimum, serta penetapan upah berdasarkan permintaan dan penawaran buruh. Kesemua prinsip dalam penentuan upah ini bertujuan agar upah yang diterima buruh memenuhi standart keadilan (*fair waige*) dan dalam batas kewajaran sehingga kehidupan yang baik (*hayat tayyibah*) dan kesejahteraan (*falah*) boleh tercapai.

Penetapan kadar upah di Aceh melalui peraturan UMP pada hakikatnya memang sangat diperlukan sebagai solusi dalam menjamin keseimbangan antara kepentingan syarikat dengan kepentingan buruh. Kerajaan Aceh pun dalam hal ini telah berusaha memberikan perhatian berkenaan dengan penetapan upah ini, hal ini boleh dilihat pada pertimbangan Peraturan Gubernur Nombor 56 Tahun 2010 iaitu :

Bahawa dalam kondisi perekonomian saat ini telah memungkinkan untuk mewujudkan penetapan upah yang lebih realistik sesuai kondisi daerah dan kemampuan perusahaan, sehingga perlu penetapan Upah Minimum Provinsi yang mengacu pada pemenuhan Kebutuhan Hidup Layak rangka meningkatkan kesejahteraan pekerja dan untuk mendorong peran serta pekerja dalam meningkatkan produksi.⁵⁶

Oleh yang demikian, ketika soalan adakah penetapan UMP menjadi cara dalam peningkatan kesejahteraan buruh di Aceh, maka jawapannya adalah semestinya penetapan kadar UMP menjadi cara dalam peningkatan kesejahteraan buruh di Aceh. Agar UMP menjadi solusi dalam meningkatkan kesejahteraan buruh maka penetapan UMP tersebut

⁵⁶Bagian Menimbang dalam Peraturan Gubernur Nomor 56 Tahun 2010 Tentang Penetapan Upah Minimum Provinsi Aceh.

harus memenuhi syarat berlandaskan syariat Islam, syarat tersebut iaitu penetapan UMP harus memenuhi prinsip keadilan dan persamaan mengikut konsep Islam, ianya tidak boleh memilih kasih dan menindas. Prinsip penetapan kadar upah dengan cara persamaan dan adil untuk semua orang atau pihak ini berlandaskan kepada firman Allah SWT:

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا
فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Al-Baqarah 2:79

Ertinya: *Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis Al kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya; "Ini dari Allah", (dengan maksud) untuk memperoleh Keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan yang besarlah bagi mereka, akibat apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri, dan kecelakaan yang besarlah bagi mereka, akibat apa yang mereka kerjakan.*

Konsep ini memberikan peringatan kepada pihak yang melakukan perjanjian kerja agar bertindak adil dan seksama kepada semua orang dalam urusan mereka dengan cara tidak mengkhianati orang lain dan tidak pula merosak kepentingan sendiri. Prinsip keadilan ini juga dinyatakan dalam Surah *al Jathiyah* ayat 22 iaitu:

وَخَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ



Al-Jathiyah 45:22

Ertinya: *Dan Allah menciptakan langit dan bumi dengan tujuan yang benar dan agar dibalasi tiap-tiap diri terhadap apa yang dikerjakannya, dan mereka tidak akan dirugikan.*

Selain daripada itu, dalam penetapan upah Islam mengajarkan agar upah yang ditetapkan harus memperhatikan faktor primer dan faktor sekunder, faktor primer adalah

keperluan dasar, beban kerja dan kondisi pekerjaan, dan faktor sekunder adalah memperlakukan pekerja sebagai saudara, atau kondisi objektif dan subjektif.⁵⁷

Namun kemudian jika ditinjau mengikut syarat di atas, maka penetapan UMP sebagai cara dalam peningkatkan kesejahteraan buruh di Aceh belum memberi solusi dalam menyelesaikan permasalahan kesejahteraan buruh. Hal ini disebabkan kerana ketidakseriusan kerajaan Aceh dalam pelaksanaan dan pengawasan di lapangan, sehingga penetapan UMP tidak berjalan sesuai dengan tujuan yang diharapkan, iaitu untuk meningkatkan sosio dan ekonomi buruh. Selain dari pada itu, seperti yang telah kita bahas pada pembahasan sebelumnya, penetapan UMP yang berlandaskan nilai KHL yang tidak mencakup keperluan masyarakat secara menyeluruh di seluruh kabupaten di Aceh maka kemudian menyebabkan penetapan kadar UMP tidak memenuhi konsep keadilan. Ditambah lagi apabila penetapan kadar UMP ditetapkan di bawah nilai KHL menambah polisi penetapan UMP Aceh masih jauh dari konsep ekonomi Islam di mana negara sebagai penjamin pemenuhan pokok individu masyarakatnya dan kemudian survei yang dilakukan oleh kerajaan, hanya mengikut keperluan hidup seorang buruh bujang, dengan demikian UMP tidak menjadi solusi bagi pemenuhan keperluan buruh yang telah mempunyai isteri dan kanak-kanak. Hal-hal inilah kemudian penulis kira menjadi penyebab polisi penetapan UMP di Aceh, yang pada hakikat mampu menjadi solusi dalam peningkatan kehidupan buruh kemudian menjadi polisi yang hanya bersifat formalitas, tanpa ada sebuah penyelesaian dan jaminan penyelesaian masalah yang di dalamnya.

⁵⁷M. Ali Hasan, *Berbagai macam Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalat)*, (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2004), 155.

Selain itu, aturan kerajaan Aceh dalam hal penetapan UMP ini masih harus mengikuti sepenuhnya aturan dari kerajaan pusat Indonesia, sehingga menyebabkan aturan yang ditetapkan melalui pertimbangan pusat, tidak sepenuhnya mencakup keperluan masyarakat di daerah tingkat Provinsi. Hal ini misalnya kerajaan pusat tidak memasukkan keperluan hidup yang bersifat rohani dalam penentuan nilai KHL, padahal jika diterapkan di wilayah Aceh yang menerapkan syariat Islam sudah seharusnya kerajaan Islam menjamin keperluan individu baik secara material mahupun rohani. Oleh demikian, jika kerajaan Aceh berniat ingin meningkatkan kesejahteraan buruh di masa hadapan maka dalam penetapan kadar KHL untuk UMP perlu dimasukkan kebutuhan rohani, sehingga demikian kerajaan Aceh harus terlepas dari aturan pusat. Dengan demikian penetapan UMP di masa hadapan, baik proses dan pelaksanaannya boleh mengikut keadaan sosial dan keperluan masyarakat Aceh yang berlandaskan syariat Islam.

4.5. Analisis Polisi UMP Aceh Mengikut Konsep Upah Dalam Ekonomi Islam

Konsep pengupahan mengikut hukum Islam ialah dengan tidak diperbolehkannya suatu penindasan, namun ianya harus mengikut prinsip keadilan yang mesti selalu ditegakkan. Hal ini menjadi permasalahan yang penting di dunia global saat ini di mana penindasan menjadi sesuatu yang biasa diperaktikkan. Selain dari pada itu, tindakan aniaya juga tidak dibolehkan kepada siapapun, walaupun hanya sedikit, baik bagi dilakukan kepada pengusaha mahupun kepada buruh. Kerana jika hal demikian dilakukan, maka akan menerima akibat hukum yang berat di dunia maupun di akhirat.

Hubungan antara buruh dengan syarikat sangatlah sensitif, ianya mempunyai kepentingan yang berbeza di mana pihak buruh menginginkan tingkat upah tinggi untuk kehidupan mereka, sedangkan syarikat menginginkan upah rendah untuk menjimat kos agar tercapai keuntungan maksimal. Oleh sebab perbezaan kepentingan inilah kemudian

tindakan ketidakadilan serta penindasan boleh terjadi. Dalam memberika cadangan agar keseimbangan antara pemenuhan hak dan kewajiban antara syarikat dengan buruh maka dalam Islam menawarkan konsep upah minimum. Ketentuan penetapan kadar upah minimum ini bertujuan agar keperluan asas hidup buruh seperti makanan, pakaian, tempat kediaman, dan sebagainya sehingga pekerja dapat menikmati taraf hidup yang sepatutnya.⁵⁸ Ketentuan pemenuhan keperluan asas buruh ini dinyatakan dalam firman Allah dalam Surah *Thaha* ayat 118-119 iaitu:

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَصْحَىٰ ﴿١١٩﴾

Thaha 20:118-119

Ertinya: *Sesungguhnya kamu tidak akan kelaparan di dalamnya dan tidak akan telanjang, dan Sesungguhnya kamu tidak akan merasa dahaga dan tidak (pula) akan ditimpa panas matahari di dalamnya.*

Kata “*tazmau*” bermakna dahaga, atau sangat menginginkan sesuatu hal, atau sangat berhasrat untuk memperoleh sesuatu. Ini bermakna kata “*tazmau*” bukan sahaja merujuk kepada dahagakan air, akan tetapi mencakup dahagakan (keperluan) pelajaran atau perubatan. Oleh sebab faktor keperluan inilah kemudian menjadi tanggungjawab Negara Islam untuk menyediakan semua keperluan asas ini, penyediaan semua keperluan ini baik dilakukan daripada sumber sara hidup awam ataupun dengan menetapkan kadar upah minimum pada kadar yang membolehkan pihak buruh mendapatkan semua keperluan asas.⁵⁹

Kadar upah yang dibayar kepada buruh haruslah cukup untuk membiayai keperluan makanan, pakaian, dan tempat tinggal yang layak. Kadar upah tersebut juga harus mampu membiayai pendidikan yang baik bagi anak-anak buruh, juga harus boleh mendapatkan

⁵⁸Wan Rohani Sulaiman, “Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran Menurut Ekonomi Islam” (Tesis Master Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1998), 81

⁵⁹Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail, “Tenaga Buruh dan Upah Dalam Islam”, *Jurnal Islamiyat*, no. 23 (1) (2003), 43- 46

kemudahan perubatan untuk keluarga buruh. Kesan buruk terhadap pekerja dan perekonomian negara akan timbul jika segala keperluan asas buruh ini tidak mampu dipenuhi melalui kadar upah yang telah ditetapkan. Perasaan tidak puas hati di kalangan pihak buruh akan melahirkan perasaan benci dan pertentangan kelas dalam masyarakat yang akhirnya menghancurkan persatuan, melenyapkan kestabilan ekonomi serta sosial negara.⁶⁰

Aturan tanggung jawab Negara Islam dalam menjamin kadar upah yang berpatutan untuk upah buruh di jelaskan juga dalam Surah *Huud* ayat 6 iaitu:

إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٦﴾

Huud 11:6

Ertinya: *Kecuali orang-orang yang sabar (terhadap bencana), dan mengerjakan amal-amal saleh; mereka itu beroleh ampunan dan pahala yang besar.*

Setiap negara yang penduduknya terdiri dari umat Islam yang bermakna merupakan Khalifah Allah di muka bumi maka sudah seharusnya merumuskan dan menerapkan peruntukan untuk sara hidup setiap individu rakyatnya. Hal berkenaan ini memang sudah menjadi tanggung jawab utama negara untuk memantau semua buruh di negara tersebut memperoleh kadar upah yang munasabah. Upah tersebut juga harus memastikan agar kadar upah tidak jatuh di bawah tingkat minimum untuk membolehkan buruh mendapatkan semua keperluan asasnya.⁶¹

Aturan untuk melayani buruh dengan baik serta membayar upah yang tinggi kepada mereka telah diajarkan Rasul SAW kepada para sahabat sejak awal Islam. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

⁶⁰ *Ibid.*,

⁶¹ Surtahman Kastin Hasan, "Tenaga Buruh dan Upah Dalam Islam", *Jurnal Islamiyat*, h. 43-46

وَحَدَّثَنِي أَبُو الطَّاهِرِ أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ سَرْحٍ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنَا عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ أَنَّ بُكَيْرَ بْنَ الْأَشَجِّ حَدَّثَهُ عَنِ الْعَجْلَانِ مَوْلَى فَاطِمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لِلْمَمْلُوكِ طَعَامُهُ وَكِسْوَتُهُ وَلَا يَكْفُفُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا يُطِيقُ

Ertinya: Dan telah menceritakan kepadaku *Abu At Thahir Ahmad bin 'Amru bin Sarh* telah mengabarkan kepada kami *Ibnu Wahb* telah mengabarkan kepada kami *'Amru bin Al Harits* bahwa *Bukair bin Al Asyaj* telah menceritakan kepadanya dari *Al 'Ajlan* bekas hamba Fatimah, dari *Abu Hurairah* dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, beliau bersabda: “Seorang budak itu berhak mendapatkan makan dan keperluan harian (dari tuannya) dan janganlah dia dibebani atas suatu pekerjaan melainkan sesuai dengan kemampuannya.⁶²

Hadis di atas menegaskan agar kadar upah buruh mestilah mencukupi keperluan asas para buruh berdasarkan taraf hidup pada masa tersebut. Kadar upah tersebut sewajarnya dianggap sebagai penetapan kadar upah minimum, serta upah tidak seharusnya jatuh lebih rendah daripada upah minimum dalam sebuah masyarakat Islam.⁶³

Dalam konteks Aceh, maka polisi penetapan UMP yang dilakukan oleh kerajaan Aceh sekarang boleh dianggap sebagai usaha dalam memberikan perlindungan agar terjaminnya keperluan asas individu rakyat. Namun demikian, polisi ini masih jauh dari harapan dan tujuan yang ingin dicapai. Di mana jika mengikut konsep upah dalam Islam, seperti yang sebutkan di atas, maka kadar upah minimum yang ditetapkan oleh kerajaan haruslah kadar upah yang tidak menimbulkan penganiayaan bagi para buruh mahupun bagi syarikat. Kadar upah minimum tersebut juga harus cukup untuk membiayai keperluan makanan serta pakaian dan tempat tinggal yang berpatutan. Kadar upah tersebut juga harus mampu membiayai pendidikan yang baik bagi anak-anak buruh, juga harus boleh mendapatkan kemudahan perubatan untuk keluarga buruh.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa dalam penetapan kadar upah minimum provinsi Aceh jika mengikut konsep upah minimum menurut ekonomi Islam

⁶²Imam ash-Shan'ani, *Subulussalam*, h. 797.

⁶³Afzal ur Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, 276.

maka konsep upah minimum provinsi Aceh masih belum sesuai dengan konsep upah menurut ekonomi Islam. Ketidak sesuaian ini terjadi apabila penetapan UMP Aceh berlandaskan nilai KHL yang hanya mewakili keperluan hidup buruh bujang. Dengan penetapan UMP berlandaskan nilai KHL keperluan hidup buruh bujang maka UMP Aceh tidak memenuhi syarat upah menurut konsep Islam. Di mana seperti yang telah disebutkan di atas, kadar upah dalam Islam adalah harus mampu menanggung keperluan hidup buruh dan keluarga mereka, bahkan kadar upah menurut Islam mampu membiayai pendidikan yang baik bagi anak-anak buruh, serta harus boleh mendapatkan kemudahan perubatan untuk keluarga buruh.

Persoalan penetapan nilai KHL berlandaskan keperluan hidup buruh bujang ini terjadi kerana dalam pedoman penetapan nilai KHL ditetapkan langsung oleh Menteri Tenaga Kerja Indonesia. Kerajaan Aceh dalam hal ini, hanya mengikuti dan mentaati peraturan Menteri tersebut. Oleh demikian, apabila kerajaan Aceh berkeinginan untuk menyesuaikan kadar UMP mengikut konsep penetapan upah dalam Islam, maka ianya harus boleh terlepas dari pada aturan kerajaan pusat dalam hal ini Menteri tenaga kerja Indonesia. Hal ini bukan tidak mungkin kerana wilayah Aceh merupakan wilayah otonomi khusus yang diperbolehkan untuk mengatur hal wilayah secara bebas selama tidak bertentangan dengan UUD Republik Indonesia Tahun 1945. Kerajaan Aceh boleh menetapkan Qanun (undang-undang) sendiri, seperti Qanun tentang larangan *khalwat*, *maisir* dan *judi* yang telah berlaku sekarang. Dengan demikian, kerajaan Aceh juga boleh menyusun qanun tentang ketenagakerjaan yang berlandaskan syariat Islam, sehingga persoalan KHL hanya mengikut keperluan hidup buruh bujang ini tidak terjadi lagi di masa hadapan.

Ketidak sesuaian UMP Aceh jika ditinjau menurut konsep upah dalam Islam juga disebabkan oleh penetapan kadar UMP yang setiap tahunnya, dari tahun 2005 hingga tahun

2013 di bawah nilai KHL. Hanya pada tahun 2011 kadar UMP Aceh berada di atas nilai KHL. Di mana pada tahun tersebut nilai UMP Aceh adalah sebesar Rp 1,476,145 sedangkan nilai KHL adalah sebesar Rp 1,350,000. Dengan penetapan nilai UMP yang berada di bawah nilai KHL menjadi bukti bahawa penetapa nilai UMP Aceh masih belum mampu menjamin memenuhi keperluan asas individu di wilayah tersebut. Memang dalam penetapannya, UMP harus melalui pertimbangan nilai KHL dan pertumbuhan ekonomi serta pasar kerja di Aceh, akan tetapi pertimbangan ini semestinya juga memikirkan tentang cara memenuhi keperluan hidup seorang manusia. Sehingga sekurang-kurangnya dalam hal ini penulis kira, sudah sudah sewajarnya penetapan nilai UMP mengikut nilai KHL, terlepas apapun pertimbangannya.

Dalam menetapkan kadar UMP provinsi Aceh seharusnya pihak Ulama juga dilibatkan, sehingga keperluan mendasar umat muslim mengikut konsep keperluan seorang muslim boleh diambilkira dalam penetapan kadar UMP yang dikuatkuasakan setiap tahunnya. Selama ini, dalam proses penetapan UMP Aceh pihak yang memahami hukum Islam atau Ulama memang tidak dilibatkan, dalam hal ini mungkin yang paling berhak adalah pihak Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh. Dari hasil wawancara penulis dengan pihak MPU Aceh, maka didapati bahawa dalam penetapan UMP selama ini memang tidak melibatkan pihak MPU Aceh.

Selama ini memang MPU tidak terlibat dalam proses penetapan kadar upah melalui polisi UMP Aceh. Namun kami selalu siap jika memang proses penetapan UMP ini memerlukan keterlibatan kami.⁶⁴

⁶⁴Gazali Mohd Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 19 Disember 2013.

Jadual 4.4.
Persepsi Responden Terhadap Polisi UMP

Perkara	Responden				
	a	b	c	d	e
Implementasi UMP	Kurang Berjalan	Kurang Berjalan	Kurang Berjalan	Cukup Baik	Tidak Faham
Polisi UMP sebagai usaha untuk melindungi hak buruh	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
Implementasi UMP memberikan perlindungan hak buruh	Ya	Ya	Sangat Kurang	Ya	Tidak Faham
Penentuan komponen KHL sesuai dengan keperluan asas buruh	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Tidak
Penentuan UMP sesuai dengan nilai KHL	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak	Tidak	x
Penentuan Nilai KHL Provinsi	Adil	Adil	Tidak Adil	Adil	Kurang Sesuai
Pengawasan UMP di Lapangan	Kurang	Kurang	Sangat Kurang	Baik	x
Kepatuhan Syarikat dalam Pelaksanaan UMP	Kurang	Kurang	Kurang	Baik	x
Keberkesanan UMP dalam meningkatkan sosio ekonomi buruh	Kurang	Kurang	Sangat Kurang	Cukup Baik	Kurang

Sumber: Temubual Penulis dengan Responden a) Dewan Pengupahan Provinsi Aceh, b) Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh, c) Asosiasi Syarikat Pekerja Aceh, d) Asosiasi Pengusaha Indonesia Aceh, e) Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh.

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa secara umum pelaksanaan dan implementasi UMP di lapangan kurang berjalan, hanya pihak Asosiasi Syarikat Pekerja Aceh yang menjawab bahawa pelaksanaan UMP telah berjalan baik. Sedangkan fungsi

polisi UMP sebagai usaha untuk melindungi hak buruh disepakati oleh seluruh responden. Dalam proses penentuan komponen yang akan menjadi rujukan dalam penentuan nilai KHL, hanya pihak syarikat yang menyatakan telah sesuai dengan keperluan asas buruh, sedangkan responden yang lain menyatakan bahawa penentuan komponen KHL belum merangkum seluruh keperluan asas para buruh.

Proses penentuan nilai KHL Provinsi berjalan secara adil menurut menurut Dinas Tenaga Kerja dan Dewang Pengupahan Provinsi, namun menurut Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh ianya masih kurang sesuai. Ketidak sesuaian ini disebabkan kerana dalam penentuan nilai KHL hanya menghitung keperluan asas buruh lajang, ianya tidak mencakup keperluan buruh yang telah berkeluarga. Ketidak sesuaian penentuan nilai KHL ini juga disebabkan dalam penentuan nilai KHL tidak mencakup keperluan ruhani buruh, komponen yang ada dalam KHL hanya keperluan asas yang bersifat dunia. Oleh demikian, penglibatan Ulama dalam penetapan kadar UMP di Aceh menjadi penting agar kadar UMP atau dalam perhitungan nilai KHL boleh mengikut konsep syariah, apalagi daerah Aceh merupakan daerah yang menerapkan syariat Islam. Sehingga kejadian dalam penetapan komponen-komponen keperluan individu buruh yang hanya berlandaskan material seperti yang dipraktikkan sekarang tidak terjadi lagi di masa hadapan.

4.6. Tinjauan Keberkesanan Penetapan Upah Minimum dalam Meningkatkan Kesejahteraan sosio ekonomi Buruh di Aceh

Perovinsi Aceh sejak tahun 2009 hingga tahun 2013 merupakan provinsi yang menetapkan kadar UMP tinggi dibandingkan dengan provinsi-provinsi lain yang ada di Indonesia. Penetapan kadar UMP tinggi tersebut bertujuan agar tingkat kehidupan buruh boleh terpenuhi ditengah-tengah inflasi yang tinggi di Aceh, sehingga dengan penetapan UMP yang tergolong tinggi ini kemudian memberi harapan kepada para buruh dalam

penambah baikan kehidupan mereka. Namun apabila kita kembali mencermati proses dan implementasi UMP di lapangan seperti yang telah disebutkan di atas maka sudah jelas bahawa penetapan kadar UMP ini tidak menjadi sebuah jalan dalam pencapaian kehidupan yang lebih baik bagi kaum buruh. Hal ini diungkapkan sendiri oleh pegawai bidang pengawasan Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk bahawa UMP yang diterapkan di Aceh selama ini masih belum mampu meningkatkan kesejahteraan buruh, UMP hanya menjamin sebahagian keperluan hidup buruh.

Untuk tingkat kesejahteraan buruh di Aceh memang masih belum tercapai. Namun tingkat kenyamanan mungkin telah tercapai. Ini boleh dilihat dengan tingkat mogok yang tidak terlalu tinggi.⁶⁵

Ketidak terpenuhinya kadar UMP dalam menjamin keperluan hidup buruh juga di nyatakan oleh Ketua Konfederasi Serikat Pekerja Seluruh Indonesia cawangan Aceh, menurut beliau kesejahteraan buruh dalam hal ini terpenuhinya keperluan pokok buruh dan keluarga tidak akan pernah tercapai selama kadar UMP ditetapkan berdasarkan nilai KHL Provinsi yang tidak menyeluruh untuk seluruh Kabupaten dan Kota di seluruh Aceh, ia juga menambahkan bahawa penetapan kadar UMP yang hanya mengikut keperluan buruh bujang sangat tidak rasional apabila kerajaan Aceh bercita-cita ingin mensejahterakan buruh di Aceh.

Jika kita serius mahu mensejahterakan saudara-saudara kita, para buruh. Maka peraturan yang mengharuskan perhitungan nilai KHL mengikut keperluan buruh bujang harus ditinggalkan. Kita perlu mengatur agar keperluan buruh yang sudah berkeluarga juga dikira dalam perhitungan nilai KHL.⁶⁶

Kurang sesuainya kadar UMP yang ditetapkan oleh kerajaan Aceh dalam usaha meningkatkan sosio ekonomi buruh di Aceh bertambah teruk apabila, kadar UMP yang

⁶⁵Ichwan (Sekretaris Bidang Pengawasan Ketenagakerjaan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2013

⁶⁶Syamsul Raden (Ketua Konfederasi Serikat Pekerja Seluruh Indonesia, cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2013.

pada hakikatnya memang tidak memenuhi kadar keperluan hidup buruh tersebut tidak di patuhi oleh banyak syarikat, khususnya syarikat yang berskala mikro di Aceh. Dari hasil wawancara penulis dengan lima (5) orang buruh yang bekerja di pelbagai bidang di Aceh, mewakili buruh yang bekerja di industri besar, agensi kerajaan, usaha mikro, promoter di pusatbeli belah, dan buruh yang bekerja di kedai kopi. Maka didapati bahawa hanya buruh yang bekerja di industri besar yang membayar buruhnya mengikut kadar UMP yang ditetapkan, sedangkan buruh yang bekerja di agensi kerajaan (honorar) usaha mikro, promoter, dan buruh yang bekerja di kedai kopi dibayar dengan kadar upah di bawah kadar UMP yang telah ditetapkan.

Gaji saya dalam sebulan tidak sesuai dengan kadar upah yang ditetapkan pemerintah Aceh. Namun untuk memenuhi keperluan saya dalam sebulan saya harus bekerja di dua tempat, jika hanya berharap pada satu bidang kerja maka keperluan hidup saya tidak akan terpenuhi.⁶⁷

Ketidak terpenuhinya keperluan hidup buruh dengan tingkat upah juga disampaikan oleh buruh yang bekerja di kedai kopi di Banda Aceh iaitu Arif Mirza dan Jamaludin.

Dalam sebulan saya menerima gaji pas-pasan, untuk keperluan hidup kadang tidak cukup, apalagi tinggal di Banda Aceh yang semu mahal.⁶⁸

Kalau gaji seperti sekarang bang, rasanya gak terpikir kawin. Jangankan mau berkeluarga, keperluan diri saja belum tentu terpenuhi dengan baik.⁶⁹

Kadar upah yang masih belum mampu memberikan jaminan kehidupan bagi buruh juga di sampaikan oleh Riskayanti, yang merupakan Promoter di salah satu pusat beli belah di Banda Aceh. Menurutnya kadar upah yang diberikan oleh syarikat tempat ia bekerja hanya mampu memenuhi keperluan keluarga secara sangat sederhana.

⁶⁷Muhammad Iqbal (Pensyarah honorar di Fakultas Syariah, Universitas Islam Ar Raniry Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 14 Disember 2013.

⁶⁸Arif Mirza (Pekerja di Warung Kopi Darussalam, Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013 .

⁶⁹Jamaluddin (Pekerja di Warung Kopi Darussalam, Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013

Saya sudah bekerja di sini selama tiga tahun, memang dibandingkan orang lain saya sangat bersyukur. Sebab paling kurang pada pagi hari saya boleh menggunakan pakaian kemas untuk pergi bekerja. Namun jika adik tanya apakah gaji saya sudah memenuhi keperluan hidup, maka untuk sekarang Alhamdulillah, namun ya untuk keperluan sederhana, untuk lebih memang tidak ada.⁷⁰

Dari temubual penulis dengan responden di atas, maka dapat di simpulkan bahawa penetapan kadar UMP di Aceh masih belum berkesan dalam peningkatan kesejahteraan sosio ekonomi buruh di Aceh. Penetapan kadar UMP yang masih kurang peranannya dalam peningkatan sosio ekonomi buruh juga boleh dilihat dari tingkat kemiskinan Provinsi Aceh yang masih tinggi. Tingkat kemiskinan pada tempoh bulan September 2012 iaitu sebesar 18.58 %. Dengan jumlah penduduk miskin tersebut, maka pada tahun 2012 Provinsi Aceh merupakan Provinsi termiskin di pulau Sumatera dan provinsi kelima termiskin di Indonesia.⁷¹ Padahal tahun 2011 dan 2012 kadar UMP Provinsi Aceh merupakan kadar UMP tertinggi di Indonesia. Adapun 5 provinsi di Sumatera yang tingkat kemiskinannya di atas 10% pada tahun 2012 adalah Aceh (18.58%), Bengkulu (17.51%), Lampung (15.65%), Sumatera Selatan (13.48%) dan Sumatera Utara (10.41%).⁷²

Walaupun pada tempoh September tahun 2013 angka kemiskinan Provinsi Aceh terus menurut iaitu 17.02 %, namun angka kemiskinan tersebut masih di atas angka kemiskinan nasional Indonesia secara keseluruhan iaitu sebesar 11.66 %.⁷³ Dengan kadar kemiskinan tersebut maka kemudian Aceh hingga tempoh September tahun 2013 masih menjadi provinsi dengan tingkat kemiskinan yang tergolong tinggi di Indonesia. Turun naiknya tingkat kemiskinan provinsi Aceh dapat dilihat pada rajah 4.2. di bawah:


⁷⁰ Riskayanti (Promoter di Pusat beli belah, Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2013

⁷¹ Badan Pusat Statistik Indonesia, Laman sesawang, www.bps.go.id, dicapai pada 2 Mac 2014, http://www.bps.go.id/tab_sub/view.php?kat=1&tabel=1&daftar=1&id_subyek=23¬ab=1.

⁷² Berita Online, Bisnis Aceh, Laman sesawang, [Bisnis Aceh.com](http://www.bisnisaceh.com), dicapai 1 Januari 2014, <http://www.bisnisaceh.com/ekonomi/kemiskinan-di-aceh-tertinggi-di-sumatera-tertinggi-ke-5-di-indonesia/index.php>

⁷³ Badan Pusat Statistik Online, Kemiskinan Aceh, Laman sesawang, aceh.bps.go.id, dicapai 31 Disember 2013, http://www.bps.go.id/tab_sub/view.php?kat=1&tabel=1&daftar=1&id_subyek=23¬ab=1

Rajah 4.4
Persentase Penduduk Miskin Indonesia dan Provinsi Aceh
dari Tahun 2005 hingga Tahun 2012



Sumber: Situs Resmi Badan Pusat Statisti Provinsi Aceh, <http://aceh.bps.go.id/> diakses pada 31 Desember 2013

Dari rajah di atas, terlihat tingkat kemiskinan Aceh yang terus turun setiap tahunnya, namun penurunannya belum berada di bawah angka kemiskinan Indonesia, oleh demikian maka dapat disimpulkan bahawa tingkat kemiskinan Aceh masih sangat tinggi. Permasalahan kemiskinan di Aceh tidak terlepas dari faktor inflasi yang berlaku. Untuk Desember tahun 2012 hingga tempoh November 2013 tingkat infalsi provinsi Aceh adalah sebesar 7.31 peratus. Nilai inflasi inilah kemudian menjadi penyebab turun naiknya tingkat kemiskinan di Aceh.

4.7.Kesimpulan

Penetapan kadar Upah Minimum Provinsi atau disingkat UMP oleh provinsi Aceh merupakan usaha kerajaan Aceh untuk meningkatkan kesejahteraan kaum pekerja dan agar mendorong peran serta pekerja dalam meningkatkan produksi. Namun kemudian, penetapan UMP ini jika ditinjau kembali baik secara proses mahupun implementasinya

maka didapati bahawa penetapan UMP ini belum mampu meningkatkan kesejahteraan kaum pekerja, sehingga menjejaskan produksi di Aceh.

Penyebab terjadinya ketidak mampuan UMP dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja kerana dalam proses penetapan komponen KHL yang menjadi landasan penetapan kadar UMP belum meliputi keperluan buruh secara menyeluruh, baik secara fizik mahupun rohani. Ianya juga hanya dikira mengikut keperluan buruh bujang di mana keperluan buruh yang telah berkeluarga tidak menjadi perhatian. Selain itu, nilai KHL Provinsi belum mewakili nilai KHL seluruh Kabupaten dan kota yang ada di Aceh, nilai KHL Provinsi mengikut nilai KHL yang berada pada nilai tengah dari nilai KHL seluruh Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh. Kadar UMP kemudian ditetapkan di bawah nilai KHL, sehingga menambah ketidak cukupan keperluan buruh dari kadar UMP yang di ditetapkan.

Dalam pelaksanaannya, tingkat kepatuhan syarikat dalam memberikan upah buruh mengikut kadar UMP yang ditetapkan masih sangat rendah. Hanya industri yang bersekala besar yang membayarkan upah buruh mereka mengikut kadar UMP, sedangkan syarikat yang bersekala menengah dan ke bawah yang merupakan syarikat yang paling banyak membuka usaha di Aceh masih banyak belum membayar upah buruh mereka sesuai dengan UMP. Ketidak patuhan syarikat ini boleh terjadi kerana pihak kerajaan masih belum mengawasi secara serius pelaksanaan UMP di lapangan. Walaupun pihak syarikat jelas-jelas tidak membayar buruh mereka sesuai dengan kadar UMP, kerajaan tidak menghukum syarikat tersebut sesuai Undang-undang yang berlaku. Hal ini kerana mempertimbangkan tingginya tingkat pengangguran di Aceh, sehingga kerajaan tidak mahu adanya masalah baru iaitu pertambahan pengangguran jika syarikat berkenaan di hukum penarikan lesen usaha. Pengawasan yang selama ini dilakukan oleh Kerajaan Aceh hanya dalam bentuk sosialisasi dan teguran dalam bentuk surat apabila syarikat tersebut belum membayar buruh mereka sesuai dengan kadar UMP yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, polisi penetapan UMP belum memberikan kesan positif dalam peningkatan kesejahteraan buruh di Aceh, hal ini boleh dilihat dari masih tingginya tingkat kemiskinan di Aceh. Hingga tempoh bulan November 2013 tingkat kemiskinan Provinsi Aceh adalah sebesar 17.02%. Dengan tingkat kemiskinan ini maka kemudian menempatkan Provinsi Aceh sebagai Provinsi tertinggi tingkat kemiskinannya di Sumatera, dan provinsi nombor 5 termiskin di Indonesia.

BAB V PENUTUP

5.1. Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik akan memberikan kesimpulan daripada penjelasan dalam bab-bab sebelumnya, dengan tujuan untuk melihat kepada pencapaian objektif kajian. Negara atau pemerintah dalam Islam mempunyai tanggung jawab dan wewenang untuk memberikan keamanan kepada seluruh rakyatnya, baik beragama Islam atau pun kafir *zimmi*. Keamanan yang dimaksud adalah keamanan dalam beribadah, berekonomi, berpolitik, mahupun bersosial. Keamanan dalam berekonomi ialah keamanan di mana setiap individu dilindungi dalam berusaha mencari rezeki untuk pemenuhan keperluan hidup diri dan keluarganya. Negara wajib memberikan jaminan pemenuhan hak dan kewajiban kepada setiap individu dalam bertransaksi. Salah satu bentuk jaminan yang diberikan negara ini adalah dengan mengeluarkan Undang-undang atau peraturan untuk dipatuhi oleh setiap rakyat yang tinggal di wilayah Negara tersebut.

Daripada semua hasil penyelidikan, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa polisi penetapan kadar Upah Minimum Provinsi (UMP) Aceh yang ditetapkan setiap tahun belum sesuai dengan konsep ekonomi Islam dalam meningkatkan sosio ekonomi buruh. Ketidaksesuaian ini ditinjau baik dari segi proses penetapannya, hingga aplikasinya dalam masyarakat.

Dari kesemua hasil penyelidikan jika mengikut objektif kajian, maka penyelidik dapat menyimpulkan bahawa untuk *objektif pertama*, iaitu untuk mengenal pasti konsep buruh dan upah dalam Islam. Hasil daripada kajian menghuraikan bahawa konsep Islam dalam memandang buruh dalam pengeluaran adalah dengan menempatkan buruh tidak pernah terpisah dari kehidupan moral dan sosial, mereka diharuskan bekerja untuk perjuangan hidup untuk memperoleh kebahagiaan hidup baik di dunia mahupun di akhirat.

Islam mengangkat derajat dan martabat buruh setingkat majikan, di mana masing-masing mempunyai hak dan tanggung jawab yang harus ditunaikan. Dalam konsep ekonomi Islam, buruh bukanlah semata-mata satu jumlah tenaga kerja atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pembeli tenaga kerja. Sesiapa yang mengupah buruh mempunyai tanggungjawab moral dan sosial. Sedangkan konsep upah dalam Islam memiliki dua dimensi iaitu dimensi dunia dan akhirat.

Dimensi akhirat erat kaitannya dengan pahala di kemudian hari di mana manusia menghadap Penciptanya dan mempertanggungjawabkan segala perbuatannya, jadi ada investasi jangka panjang yang tidak hanya sebatas di dunia saja. Hal ini dapat diimplementasikan dengan bekerja/berusaha dengan memberi upah dengan meniatkan sebagai bentuknya ibadah kepada Allah. Hubungan kerja termasuk *mua'malah* di mana di dalamnya terdapat saling tolong menolong, bekerjasama dan saling menghormati antara kepentingan yang satu dengan kepentingan yang lain. Adapun dimensi dunia dapat dilihat dengan mendasarkan kepada adil dan layak. Adil bererti jelas, juga proposional sedangkan layak bererti cukup sandang, pangan dan papan serta sesuai dengan pasaran.

Objektif kedua, untuk mengetahui dan menganalisis mekanisme penetapan UMP di Aceh, Indonesia. Dalam undang-undang Penetapan Upah Minimum ini, mekanisme penetapan upah dijelaskan pada Pasal 89 ayat (1) dan (2). Penetapan besaran upah dibahagi menjadi dua iaitu (a) berdasarkan wilayah Provinsi atau Kabupaten/kota, (b) berdasarkan sektor pada wilayah Provinsi atau Kabupaten/kota yang diarahkan kepada pencapaian keperluan hidup layak. Penetapan kadar upah minimum ditingkat provinsi dilakukan oleh Gabenor sesuai dengan aturan yang dijelaskan dalam Pasal 89 ayat (3). Penetapan kadar UMP dilakukan dengan cara mesyuarat antara pihak kerajaan dengan para pengusaha serta perwakilan buruh dan para ahli ekonomi. Kadar UMP di tetapkan mengikut kadar keperluan hidup layak yang di peroleh melalui surve oleh dewan pengupahan.

Objektif ketiga, untuk menganalisis apakah Upah Minimum Buruh Provinsi (UMP) di Aceh, Indonesia telah sesuai dengan konsep ekonomi Islam. Secara konsep dan pelaksanaan kadar upah minimum yang ditetapkan oleh pemerintah Aceh belum sesuai dengan konsep upah dan keadilan dalam melindungi hak-hak buruh menurut ekonomi Islam. Hal ini terjadi apabila dalam proses penetapan kadar upah minimum hanya berlandaskan keperluan hidup seorang buruh bujang, sehingga kadar upah yang ditetapkan belum sesuai dengan tingkat keperluan buruh yang telah berkeluarga. Dalam penetapan UMP ini, pemerintah Aceh juga belum menetapkan kadar UMP yang sesuai dengan kadar nilai keperluan hidup (KHL) buruh yang diperoleh dari hasil survei yang dilakukan diseluruh Kabupaten dan Kota yang ada di Aceh.

Selain itu, dari hasil wawancara pengkaji dengan sampel yang telah terpilih, maka pengkaji menyimpulkan bahawa dalam pelaksanaanya di lapangan, kadar upah yang telah ditetapkan masih belum dipatuhi dengan baik oleh pihak syarikat, khususnya syarikat menengah ke bawah. Padahal syarikat menengah ke bawahlah yang banyak tumbuh dan berkembang di Aceh. Pemerintah pun dalam hal ini, belum memberikan suatu tindakan tegas kepada syarikat yang tidak membayar upah para pekerja mereka sesuai dengan UMP yang ditetapkan. Oleh yang demikian, penetapan UMP di Aceh belum mampu melindungi hak-hak buruh dalam usaha untuk meningkatkan sosio ekonomi para buruh..

5.2. Saranan dan Cadangan

Peranan buruh dalam pengeluaran sangat diperlukan. Tanpa buruh pengeluaran akan mengalami masalah bahkan boleh terjadi terhentinya pengeluaran suatu barang, yang akan berakibat buruk dalam proses jalannya perekonomian di dalam masyarakat. Tenaga buruh menjadi sumber pengeluaran suatu barang, sehingga hubungan di antara buruh dengan sebuah barang pengeluaran tidak boleh dipisahkan. Ekonomi akan berkembang bila tenaga

buruh dapat dieksploitasi dengan baik. Tenaga buruh yang produktif akan menghasilkan pengeluaran yang akan memenuhi keperluan pengguna serta akan meningkatkan pendapatan Negara. Atas perkhidmatan dan tenaganya dalam proses pengeluaran, maka ganjaran yang diperolehi oleh buruh adalah berupa upah atau gaji yang diperolehi dalam bentuk wang, barang-barang atau sebagainya.

Pemerintah Aceh sebagai pihak yang bertanggung jawab dalam menentukan pembangunan ekonomi provinsi Aceh sudah sepatutnya menentukan polisi yang berasas pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, baik mikro mahupun makro. Polisi-polisi tersebut kemudian mesti diterapkan dengan sepenuhnya agar matlamatnya tercapai.

Dalam penetapan polisi kadar Upah Minimum Provinsi (UMP Aceh), setelah penyelelidik melakukan penelitian maka dalam hal ini penyelelidik memberi cadangan agar pemerintah Aceh dalam menetapkan kadar UMP harus lebih memperhatikan keperluan hidup individu buruh secara konsisten. Perhitungan nilai KHL harus mewakili keperluan buruh dan keluarganya jika tidak demikian maka penetapan kadar UMP tidak akan dirasakan efek positifnya oleh buruh dan masyarakat secara umum.

Pemerintah Aceh sudah boleh mulai serius dalam perumusan *qanun* buruh agar status buruh dan syarikat di Aceh tidak mengikut lagi aturan dari pemerintah pusat, iaitu Jakarta. Jika hal ini tidak diperhatikan maka cita-cita pemerintah Aceh untuk mensejahterakan buruh dan masyarakat secara luas akan susah tercapai sebab aturan ketenagakerjaan Indonesia lebih bersifat umum, yang belum tentu menggambarkan sifat dan keperluan buruh di Aceh yang majoriti beragama Islam.

Dalam penerapannya, Bidang Pengawasan, Dinas Tenaga Kerja dan Mobilitas Penduduk Provinsi Aceh harus lebih tegas jika jumpai syarikat yang tidak membayar upah sesuai dengan kadar UMP yang ditetapkan. Jika kemudian takut menimbulkan masalah baru, iaitu penambahan pengangguran, maka cara terbaik adalah dengan meningkatkan

sosialisasi berkenaan dengan kadar UMP yang ditetapkan dan memberikan hukuman bagi yang tidak menerapkannya. Dengan demikian, apabila terjadi ketidak patuhan dalam pelaksanaannya sudah semestinya hukum dilaksanakan, bukan ditinggalkan.

Penyelidik dalam hal ini juga mencadangkan untuk pengkaji-pengkaji di masa yang akan datang agar melakukan penyelidikan lebih dalam untuk mengukur tingkat keberkesanan penerapan UMP dengan cara melibatkan responden dari kalangan buruh yang lebih banyak, sehingga dengan fokus keberkesanan penerapan UMP dengan responden lebih banyak diharapkan hasil penelitian yang dilakukan akan lebih tepat dan akan memiliki tingkat kesalahan yang lebih kecil, sehingga hasil kajian akan lebih tepat. Selain itu, permasalahan juga boleh difokuskan terhadap produktifiti buruh dengan tingginya kadar UMP yang ditetapkan pemerintah Aceh.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Abdul Jalil (2008), *Teologi Buruh*, Yogyakarta: PT. LKis Pelangi Aksara Yogyakarta.
- Afzalur Rahman (1975), *Economic Doctrines of Islam*, Vol I, Lahore: Islamic Publication Limited.
- Afzalur Rahman (1975), *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, Lahore: Islamic Publication Limited.
- A.Hasjmy (1975), *Iskandar Muda Meukuta Alam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Dahlan (2010), *Pengantar Ekonomi Islam*, Purwokerto: STAIN Press.
- American Academy of Political and Social Science (1913), *The Cost of Living Vol. 48*, Boston: American Academy of Political and Social Science, 1913.
- Andrian D, De Groot (1960), *Methodology Foundation of Influence and Research in The Behavioral Sciences*, Belgium: Mouton and Co.
- Claude Guillot dan Ludvik Kalus (2008), *Inskripsi Islam Tertua di Indonesia*, Laddy Lesmana (terj.), Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Helmi Karim (1993), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Raja Grafindo.
- Hendi Suhendi (2008), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Imam Malik bin Anas (1323), *al Mudawwanah al Kubra*, Jilid XI, Qahirah: Dar al Sa'adah.
- Imam Soepomo (1986), *Hukum Perburuhan Bidang Kesehatan Kerja*, Jakarta: Pradnya Paramita.
- Iskandar Budiman (2004), *Dilema Buruh di Rantau: Membongkar Sistem Kerja TKI di Malaysia*, Yogyakarta: Ar-Ruzzmediajogjakarta.
- Khurshid Ahmad (1980), *Kajian dalam Ekonomi Islam*, terj. Sibly Bin Maros, Jeddah: The Islamic Foundation.
- Labib al- Sa'id (1985), *Pekerjaan dan Kaum Buruh: Suatu Analisa dari Sudut Islam*, Mat Sa'ad Abd Rahman (terj), Selangor: Penerbit Hizbi.
- M. Ali Hasan (2004), *Berbagai macam Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalat)*, Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- M. Manzoor Alam (1996), *Perspective on Islamic Economics*, New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Mahmud Abu Saud (1994), *Outlines of Islamic Economics*, Kuwait: Shaba Islamic Press.
- Michael Freeman dan Philip Veerman (1992), *The Ideology of Children's Rights*, London: Martinus Nijhoff Publishers.
- Muhammad Abdul Mannan (1994), *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis Jilid I*, Radiah Abdul Kader (ter), Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Muhammad Akram Khan (1996) *Ajaran Nabi Muhammad saw Tentang Ekonomi*, Tim dari Bank Muamalat Indonesia (terj), Jakarta: PT. Bank Muamalat Indonesia,
- Muhammad Baqir Ash Shadar (2008), *Buku Induk Ekonomi Islam*, Yudi (terj), Jakarta: Zahra Publishing House.
- Muhammad Nejatulah Siddiqi (1979), *Economic Enterprise in Islam*, Delhi: Markaz Makhtaba Islami.

- Petrus Citra Triwamwoto, *Kewarga Negara SMA Kelas 3*, Jakarta: Grasindo.
- Pusat Pengajian dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universitas Islam Indonesia Yogyakarta atas kerja sama dengan Bank Indonesia (2008), *Ekonomi Islam*, Yogyakarta: Rajawali Pers.
- Pusat Penelitian Politik (2007), *Year Book: Democracy Pilkada*, Banda Aceh.
- Quraish Shihab (2002), *Tafsir Al Mishbah Kesan dan Kerasian Al Qur'an*, Jakarta: Lentera Hati.
- Rosihan Anwar (2009), *Sejarah Kecil "Petite Histoire" Indonesia*, Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Surtahman Kastin Hasan (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, ed. Ke-2, Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Surya Darma (2003), *Analisis Pengaruh Investasi Sektor Industri Terhadap Penyerapan Tenaga Kerja di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Bireun.
- Syaikh Muhammad ibn Abi Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al Din al Ramli (1938), *Nihayah al Muhtaj ila Syarh al Minhaj*, jilid 5, Qahirah: Maktabah al Islamiyah.
- Syed Abu Bakr al-Damyati, *I'anat al-Thalibin 'ala Fath al-Mu'in*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Syed Nawab Haider Naqvi (1994), *Islam, Economics, and Society* London and New York: Kegan Paul International.
- Umer Chapra (1995), *Islam and The Economic Challenge*, USA: The Islamic Foundation dan The International Institute of Islamic Thought.
- William J. Goode and Paul K. Hatt (1991), *Method in Social Research*, International Student Edition, London, Lisbon, Tokyo, Singapore: McGraw-Hill Book Company.
- Yusuf Qardawi (1995), *Norma dan Etika Ekonomi Islam*, Zainal Arifin (terj), Jakarta: Gema Insani Press.

Undang-undang

- Undang-undang Republik Indonesia Nombor 14 Tahun 1969 Tentang Ketentuan Pokok Tenaga Kerja, Pasal 1.
- Undang-undang Republik Indonesia Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia No.Per-17/Men/VIII/2005 Tentang Komponen dan Pelasanaan Tahapan Pencapaian Keperluan Hidup Layak.
- Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 5 Tahun 2003 Tentang Pajak Penghasilan Atas Penghasilan Yang Diterima Oleh Pekerja Sampai Dengan Sebesar Upah Minimum Propinsi Atau Upah Minimum Kabupaten/Kota, Pasal 1.
- Peraturan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 13 Tahun 2012 Tentang Komponen dan Pelaksanaan Tahapan Pencapaian Kebutuhan Hidup Layak (KHL) untuk Pekerja Lajang.
- Peraturan Gubernur (Pergub) Aceh No. 95 Tahun 2008
- Peraturan Gubernur (Per Gub) Aceh No. 132 Tahun 2009
- Peraturan Gubernur (Per Gub) Aceh No. 56 Tahun 2010

Peraturan Gubernur (Per Gub) No.76 Tahun 2011
Peraturan Gubernur (Pergub) Aceh. 65 Tahun 2012

Tesis/Disertasi

- Budiyono (2007), Penetapan Upah Minimum dalam Kaitannya dengan Upaya Perlindungan Bagi Pekerja/Buruh dan Perkembangan Syarikat, Disertasi, Jabatan Ilum Hukum Fakultas Hukum Universitas Diponegoro.
- Ingrid Saroda Mitrasing (2011), The Age Of Aceh And The Evolution Of Kingship 1599 – 1641, Tesis, UniversitiLeiden.
- Makmur (2008), “Pelaksanaan Asuransi Kecelakaan Kerja Sebagai Salah Satu Program Dari Jamsostek Terhadap Buruh Harian Lepas Pada Syarikat Jasa Konstruksi (Suatu Penelitian di Kota Banda Aceh)”, Tesis, Jabatan Hukum, Universiti Sumatra Utara.
- Wan Rohani Sulaiman (1998), Buruh Sebagai Faktor Pengeluaran Menurut Ekonomi Islam, Tesis, Terengganu, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam Universih Kebangsaan Malaysia Bangi.

Jurnal

- Ahmad Iftikhar (2011), “Religion and Labor: Perspective In Islam”, *WorkingUSA*; Dec2011, Vol. 14 Issue 4, p589-620, 32p.
- Adnan A. Zulfiqar (2007), “Religious Sanctification of Labor Law: Islamic Labor Principles and Model Provisions”, u. Pa. *Journal of labor and employment law* (Vol. 9:2 2007).
- Atkinson, A.B. Ur employment. Wages, and Government Policy, *The Economics Journal*, Volume 92, 45-50.
- Brown, Charles; Curtis Gilray and Andrew Kohen, The effects of minimum wage on employment and unemployment, *Journal of Economics Literature*, VoLXX, Juni 1982.
- Booth, A. dan R.M. Sundrum. “Distribusi Pendapatan”, dalam *Ekonomi Orde Baru*, ed. A. Booth dan P.McCawley (Jakarta: LP3ES, 1987).
- Devanto Shasta Pratomo dan Putu Mahardika Adi Saputra, “Kebijakan Upah Minimum untuk Perekonomian Yang Berkeadilan: Tinjauan Uud 1945”, *Journal of Indonesian Applied Economics*, Vol. 5 No. 2 (Oktober 2011), 269-285.
- Edy Priyono (2002), “Situasi Ketenagakerjaan Indonesia dan Tinjauan Kritis Terhadap Kebijakan Upah Minimum”, *Jurnal Analisis Sosial*, Vol. 7, No. 1.
- Indrasari Tjandraningsih dan Rina Herawati, Munuju Upah Layak: Surveyi Upah Buruh Tekstil dan Garmen di Indonesia (Jakarta: AKATIGA, 2009).
- Nor Ghani dan MD. Nor, (2005), “Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam: Satu Pandangan Alternatif”, *Islamiyyat* 27(1) (2005): 67 - 79.
- Tonia Warnecke dan Alex De Ruyter (2012), “The Enforcement of Decent Work in India and Indonesia: Developing Sustainable Institutions”, *Journal Of Economic Issues*, Vol. XLV I No. 2 June 2012.

- Mawardi Umar (2009), “Upah Buruh Onderneming Karet di Aceh Timur Tahun 1907-1939”, *Humaniora*, Volume 21.
- Michele Ford (2010), “A victor’s history: a comparative analysis of the labour historiography of Indonesia’s New Order”, *Labor History*, Vol. 51, No. 4, November 2010, 523–541.
- Patricia Sloane-White (2011), “Working In The Islamic Economy: Sharia-Ization and The Malaysian Workplace”, *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* Vol. 26, No. 2 (2011), pp. 304-34 DOI: 10.1355/sj26-2g 2011.
- Rama, The Consequences of Doubling the Minimum Wage: The Case of Indonesia, *Industrial and Labor Relations Review*, 54(4) (2001), 864-881
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor (2007), “Keperluan Motivasi dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dari Perspektif Pemikiran Islam”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 25 [2007] 103-124.
- Uswatun Hasanah, “Hak- hak Buruh dalam Perspektif Hukum Islam”, *law review volume xii no. 1 - juli* (2012).
- Sinaga Tianggur, Kebijakan Pengupahan di Indonesia. *Jurnal Ketenagakerjaan* Vol. 3 – No, 2 (Edisi Juli Desember 2008).
- Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail (2001), ”Tenaga Buruh dan Upah Dalam Islam”, *Jurnal Islamiyat*, 23 (1) (2003): 43-46.
- Youngjin Choi (2008), “Aligning labour disputes with institutional, cultural and rational approach: evidence from East Asian-invested enterprises in China”, *The International Journal of Human Resource Management*, Vol. 19, No. 10, October 2008, 1929–1961.
- Zulkifly Osman, dan Mohd Azlan Shah Zaidi, (2002), “Cabaran Globalisasi: Strategi Ekonomi Upah Tinggi”, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 36 .pp. 3-17.

Kertas Persidangan

- Bank Indonesia (2012), *Kajian Ekonomi Regional Prov. Aceh Triwulan 1-2012*, Jakarta: 2012.
- Tim Peneliti SMERU (2001), “Dampak Kebijakan Upah Minimum terhadap Tingkat Upah dan Penyerapan Tenaga Kerja di Daerah Perkotaan Indonesia”, Laporan dari Lembaga Penelitian SMERU, dengan dukungan dari USAID/PEG.

Laman Web

